

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

“Dakwah dalam konteks Malaysia masih lagi tertumpu sebagian besarnya kepada usaha-usaha islah di kalangan masyarakat Islam. Kegiatan seperti ceramah, usaha mengatasi krisis moral masyarakat Melayu, membendung ajaran sesat, sambutan-sambutan perayaan dalam Islam masih menjadi agenda penting dakwah masyarakat negara ini. Pergelutan dan kesibukan dalam menangani persoalan-persoalan tersebut telah mengecilkan ruang umat Islam di negara ini untuk berdakwah keluar atau dengan lain perkataan dakwah terhadap non-Muslim. Anjakan paradigma dalam persoalan dakwah ini perlu ada khususnya dalam melahirkan masyarakat majmuk yang aman, harmonis dan sejahtera. Ramuan melahirkan masyarakat seperti ini ada pada Islam yang menawarkan kesejahteraan kepada semua manusia berdasarkan slogan *aslim taslam* dan juga bahawa pengertian Islam itu adalah sejahtera (*salām*). Justeru itu, umat Islam sama ada secara individu maupun organisasi perlu lebih aktif melakukan usaha dakwah dengan mempelbagaikan pendekatan agar ianya selaras dengan tuntutan Islam supaya dakwah dilaksanakan secara hikmah.”<sup>1</sup>

Petikan tersebut mengajak dan menyedarkan umat Islam agar menyemarakkan usaha dakwah kepada orang bukan Islam seiring dakwah terhadap umat Islam sendiri. Orang bukan Islam sewajarnya menjadi *mad'u* utama dakwah disamping pemerkasaan proses pentarbiahan kepada umat Islam. Ini kerana misi menyelamatkan akidah adalah penting agar seluruh manusia mendapat manfaat dari kerahmatan agama Islam. Walaubagaimanapun, misi dakwah kepada orang bukan Islam wajar diteliti dari sudut metodologi penyampaian mesej Islam agar diterima dengan baik dan bersesuaian dengan keadaan mereka dalam segenap ruang dan peluang.

---

<sup>1</sup>Abdul Ghafar Haji Don, “Dakwah Non-Muslim: Konsep dan Tuntutan,” dalam *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Haji Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 10.

Kajian ilmiah bertajuk *Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak di Negeri Kelantan: Kajian Dari Aspek Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam* ini memaparkan perbincangan metode dakwah kepada orang bukan Islam. Ruang lingkup perbincangan metode dakwah dikupas berkenaan metode mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam. Ini kerana hakikat dakwah adalah mengajak manusia kepada Allah sama ada mengajak kepada kebaikan maupun mencegah kemungkaran. Isu yang difokuskan bagi mengenalpasti metode tersebut adalah melalui kawalan penjualan arak yang telah dilaksanakan di Negeri Kelantan secara serius.

Bagi mengupas perbincangan dengan lebih terperinci kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama merupakan bab yang memperkenalkan secara keseluruhan perbincangan dalam kajian ini. Ianya juga berfungsi sebagai pemandu arah kajian yang mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian. Seterusnya bagi mengetahui kaedah memperolehi data terdapat pada bahagian metodologi kajian. Kajian ini juga disokong oleh kajian lepas yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian.

Seterusnya pada bab kedua, perbincangan tertumpu kepada teori atau landasan kajian yang melibatkan kupasan berkenaan pengenalan orang bukan Islam di Malaysia, orang bukan Islam dalam kalangan bangsa Cina, keperluan berdakwah kepada orang bukan Islam serta metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam dari kalangan bangsa Cina.

Pada bab ketiga pula terdapat pengenalan secara umum berkaitan arak serta peranan institusi-institusi formal di negeri Kelantan yang terlibat dalam usaha mengawal penjualan arak iaitu dari pihak pembuat dasar sehinggalah kepada pihak pelaksana dasar. Seterusnya pada bab keempat adalah perbincangan utama

tajuk secara keseluruhan dan merupakan bahagian analisis dari data-data yang telah dikumpulkan. Ini bermaksud bab keempat adalah bab yang mengenalpasti metode dakwah mencegah kemungkaran yang telah dilaksanakan dalam kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan terhadap orang bukan Islam.

Bab kelima adalah bab terakhir yang akan merumuskan kesemua hasil dapatan kajian dan menyediakan beberapa cadangan penambahbaikan kepada institusi-institusi yang terlibat agar selari dengan kepentingan kajian.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Secara umum, dakwah Islam mempunyai empat ciri asas iaitu pendakwah, isi kandungan dakwah, sasaran dakwah dan juga metodologi dakwah. Isi kandungan dakwah dan juga metodologi dakwah merupakan ciri yang menentukan kesesuaian agenda dakwah digerakkan mengikut kumpulan sasaran dakwah yang pelbagai. Metodologi dakwah pula merujuk kepada penggunaan cara yang sesuai dalam penyampaian mesej dakwah. Metode asas dalam dakwah dirujuk melalui firman Allah S.W.T melalui Surah Al-Nahl ayat 125. Metode penambahan pula dikembangkan bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa yang melibatkan gaya dan bentuk persembahan dakwah, medium dakwah, strategi dakwah dan juga psikologi dakwah.

Dalam konteks mendepani orang bukan Islam, metode dakwah yang sesuai sangat signifikan untuk diperaktikkan bagi memastikan usaha dakwah dapat diterima dengan baik. Seperti isu yang berkaitan dengan arak yang jelas kepada orang Islam adalah haram. Namun Islam tetap meraikan hak orang bukan Islam dalam penggunaan arak. Justeru, metode dakwah yang bersesuaian diperlukan dalam isu ini kerana arak bukan sahaja isu agama tetapi isu kemanusiaan yang melibatkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan. Objektifnya memberi

kesedaran kepada orang bukan Islam tentang Islam menghormati hak orang bukan Islam dalam penggunaan arak disamping memberi gambaran bahawa hukum Islam memberi impak yang baik kepada semua manusia supaya dengan harapan mereka mendapat hidayah untuk menerima Islam.

Maka penulisan ini merupakan satu kajian yang menjalankan kajian ilmiah berkenaan metode dakwah kepada orang bukan Islam. Isu utama yang dibincangkan adalah berhubung dengan isu arak. Ini kerana pelbagai permasalahan sosial yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini dikaitkan dengan arak sebagai salah satu punca permasalahan. Pemilihan sasaran dakwah kepada orang bukan Islam bersandarkan bahawa orang bukan Islam mempunyai hak mereka sendiri untuk menggunakan arak di bawah pemerintahan orang Islam. Justeru, satu keperluan untuk mengetahui metode dakwah yang harus dilakukan bagi mengawal arak kepada orang bukan Islam.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Arak merupakan sejenis minuman yang memabukkan. Pengambilan arak secara berlebihan dan berterusan boleh menjelaskan tahap kesihatan. Walaupun terdapat kebaikan pada arak namun keburukan dan mudaratnya lebih banyak.

Sebagaimana firman Allah S.W.T:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِنَّمَا كَبِيرٌ وَمَنَفِعُ النَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرٌ

..... مِنْ نَفْعِهِمَا

Al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.

Menurut Dr. Hazli Zakaria,<sup>2</sup> statistik oleh The Globe Magazine (Syarikat Carlsberg AS of Denmark) pada tahun 2010, menunjukkan Malaysia berada pada senarai ‘Top Ten’ negara paling ramai masyarakat yang minum arak.<sup>3</sup> Dr Siti Mariah<sup>4</sup> juga menyatakan bahawa Malaysia menduduki tangga ke 10 tertinggi dan terbesar dalam pengambilan alkohol walaupun bilangan penduduknya adalah kecil berbanding negara lain.<sup>5</sup>

<sup>2</sup> Hazli Zakaria merupakan Pakar Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)

<sup>3</sup> “Penulis tidak diketahui”, “Rakyat Malaysia Ketagih Alkohol”, *i Sihat*, Disember 2011, 36.

<sup>4</sup> Siti Mariah Mahmud merupakan seorang ahli parlimen mewakili kawasan Kota Raja, Selangor. Pernah menjadi pegawai perubatan dan pensyarah.

<sup>5</sup> Siti Mariah, “Memerangi Ketagihan Arak Menegakkan Hukum Islam”, laman sesawang *Dr Siti Mariah Mahmud Ahli Parlimen Kota Raja*, dikemaskini 30 Mac 2013, <http://drsitimariah.blogspot.com/p/memerangi-ketagihan-arak-menegakkan.html>.

Ketagihan arak ini bukan sahaja menjelaskan fungsi otak, tetapi juga akan menjelaskan fungsi-fungsi dalaman yang lain.<sup>6</sup> Disamping mendatangkan banyak kesan negatif kepada kesihatan, ia juga mengurangkan air dalam badan. Alkohol bertindak ke atas sel-sel otak dengan merangsang otak itu sebelum mengganggu fungsinya yang akhirnya menyebabkan gangguan penglihatan dan hilang ingatan. Ianya juga dikaitkan dengan perbuatan membunuh diri, jenayah, kemalangan, tindakan ganas dan masalah kesihatan yang menggerunkan. Kesan negatif pengambilan alkohol lebih besar dari pengambilan dadah.<sup>7</sup>

Agama Islam secara jelas menerangkan bahawa hukum berkaitan arak adalah haram kepada orang Islam dari segenap aspek sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W di dalam sebuah hadis.

لِعِنَتِ الْحَمْرُ عَلَى عَشَرَةِ أُوْجُهٍ : بِعَيْنِهَا، وَعَاصِرِهَا، وَمُعْتَصِرِهَا، وَبَائِعِهَا، وَمُبْتَاعِهَا،  
وَحَامِلِهَا، وَالْحَمُولَةُ إِلَيْهِ، وَأَكْلٌ ثَنَبِهَا، وَشَارِبُهَا، وَسَاقِهَا.<sup>8</sup>

Terjemahan: Rasulullah melaknat 10 golongan yang terlibat dengan arak iaitu: orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperah untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak, orang yang meminta dibeli arak untuknya.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> “Penulis tidak diketahui”, “Rakyat Malaysia Ketagih Alkohol”, *i Sihat*, Disember 2011, 36.

<sup>7</sup> Danial Zainal Abidin, *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden* ( Batu Caves: PTS Millennia SDN.BHD, 2011), 37, 59 dan 62.

<sup>8</sup> Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab Al-Asyribah, Bab Lu'inati al-Khamru 'Ala 'Asyriati Aujah , no.Hadis 3380. Lihat Abi 'Abdillah Mu'hammad bin Yazid Al-Qazwini, *Sunan Ibnu Mâjah* (Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah,2008), 549.

<sup>9</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 218.

Selain itu di dalam Islam, arak digelarkan sebagai ibu segala kemaksiatan iaitu punca kepada pelbagai keburukan. Maka dengan sebab yang demikian arak sangat ditegah dan dilarang kepada orang Islam. Walaubagaimanapun, sebahagian kepercayaan penganut agama lain menganggap arak sebagai amalan ritual, tabiat, ubat dan juga merupakan salah satu material untuk menangani tekanan jiwa.<sup>10</sup>

Oleh yang demikian, penggunaan arak dalam kalangan orang bukan Islam adalah sebahagian dari hak kebebasan mereka. Justeru Islam memberikan hak tersebut. Walaubagaimanapun, pengambilan arak yang berlebihan perlu dikawal bagi menghormati prinsip umat Islam dan juga menjaga keharmonian masyarakat. Kawalan tersebut wajar dilaksanakan dari aspek penjualan dan tatacara pengambilan. Matlamat kawalan adalah bermotifkan (1) mengawal pengambilan arak secara berlebihan dalam kalangan orang bukan Islam bagi mengelakkan kesihatan mereka terjejas serta (2) memelihara hak orang Islam.

Kawalan terhadap penjualan arak memperlihatkan suatu bentuk pelaksanaan metode dakwah kepada orang bukan Islam. Ini kerana hakikat dakwah dalam ajaran Islam adalah berpaksikan kepada dua pekara iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Aspek kawalan lebih hampir dengan prinsip dakwah yang mencegah kemungkaran. Justeru, apakah metode dakwah kepada orang bukan Islam yang dapat dilihat dari pelaksanaan kawalan penjualan arak? Maka permasalahan inilah yang akan dirungkaikan.

---

<sup>10</sup> Diantara agama yang menjadikan arak sebahagian amalan ritual mereka adalah agama Kristian melalui upacara jamuan suci (*Eucharist*). Rujuk,  
Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 182

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1** Apakah metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam di Malaysia?
- 1.4.2** Institusi apakah yang terlibat dalam mengawal penjualan arak di Negeri Kelantan?
- 1.4.3** Bagaimana pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan?
- 1.4.4** Adakah pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan mempunyai metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam?
- 1.4.5** Apakah metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam yang terkandung dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.5.1** Mengetahui metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam di Malaysia
- 1.5.2** Mengenalpasti pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan
- 1.5.3** Menganalisis metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini signifikan untuk dijalankan kerana hasil kajian ini mampu memberi sumbangan kepada:

### **1.6.1 Pengkaji:**

Pengkaji mendapat maklumat lebih jelas terhadap konsep metodologi dakwah khususnya metode mencegah kemungkaran kepada orang bukan Islam di Malaysia secara teori dan praktikal. Pengkaji juga dapat memahami aspek berkaitan pengurusan kerajaan negeri serta undang-undang negeri berkaitan arak. Selain itu pengkaji berpeluang bertemu dengan tokoh-tokoh pimpinan kerajaan negeri, ahli akademik dan juga masyarakat bukan Islam khususnya dari bangsa cina yang mana mendedahkan pengkaji kepada suatu pengalaman dan kemahiran baru.

### **1.6.2 Pendakwah:**

Kajian ini membantu para pendakwah dalam memahami metodologi dakwah yang bersesuaian terhadap orang bukan Islam terutamanya metode mencegah kemungkaran yang berkaitan dengan arak. Disamping itu pendakwah mendapat pendedahan tentang budaya masyarakat bukan Islam di Negeri Kelantan yang majoriti terdiri dari bangsa cina dan hubungan mereka bersama masyarakat Islam serta pengetahuan mereka berhubung isu arak dalam konteks agama Islam.

### **1.6.3 Bidang Ilmu Dakwah:**

Kajian ini mampu memberi sumbangan dari sudut penghasilan kajian ilmiah berkenaan aplikasi metode dakwah mencegah kemungkaran kepada orang bukan Islam yang dilakukan khusus di Negeri Kelantan melalui pelaksanaan kawalan penjualan arak. Tambahan pula kajian ini adalah bersifat semasa dan belum pernah dikaji sebelum ini. Berdasarkan

kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian berkenaan kawalan arak ini hanya dikaji dari aspek syariah, ekonomi dan juga politik. Maka menjadi kelebihan kepada kajian ini disebabkan melihat isu kawalan arak dari kaca mata metode dakwah kepada orang bukan Islam. Kajian ini juga memberi ruang kepada pengkaji akan datang untuk terus memperkembangkan lagi kajian ini dari pelbagai aspek, skop dan juga metodologi.

#### **1.6.4 MPKB-BRI:**

MPKB-BRI merupakan antara agensi yang berperanan besar dalam usaha pelaksanaan kawalan penjualan arak di negeri Kelantan. Ini kerana MPKB-BRI bertanggungjawab dalam urusan berkaitan lesen jualan dan pemantauan tatacara berkaitan jualan dan kepenggunaan arak dalam kalangan orang bukan Islam. Justeru kajian ini dilihat penting kepada pihak MPKB-BRI untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi melihat tahap hasil kerja dan menilai usaha-usaha yang dilakukan bagi tujuan penambahbaikan mahupun mengekalkan kecemerlangan yang sedia ada.

#### **1.6.5 SUK Negeri Kelantan:**

SUK Negeri Kelantan adalah agensi yang berperanan penting dalam memperkenalkan dasar dan undang-undang. Maka kajian ini juga turut dapat membantu membekalkan maklumat berkenaan penerimaan orang bukan Islam terhadap dasar yang telah diperkenalkan berkaitan arak. Ini membolehkan pihak SUK menilai dan memperbaiki kelemahan yang ada dan juga meneruskan usaha yang baik bagi mengharmonikan masyarakat berbilang agama dan bangsa di negeri Kelantan.

### **1.6.6 Agensi-Agenzi Kerajaan:**

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada pihak agensi-agensi kerajaan di seluruh negara yang terlibat dalam usaha pengawalan arak. Pihak agensi-agensi yang terlibat boleh mengetahui kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengawal penjualan arak kepada orang bukan Islam disamping menjaga hak orang Islam. Disamping itu mereka boleh mendapatkan maklumat berkaitan pengalaman agensi-agensi di Negeri Kelantan dalam mengurus dan menangani isu kawalan penjualan arak supaya dapat mencontohi beberapa aspek yang sesuai untuk diaplikasi di negeri masing-masing. Disamping itu, kajian ini dapat memberi maklumat bahawa usaha dakwah itu bukan sahaja dilakukan oleh badan-badan yang secara terus berkonseptkan dakwah Islam tetapi mana-mana organisasi diseluruh negara yang menerapkan elemen nilai-nilai Islam mampu menjalankan dakwah kepada masyarakat bukan Islam khusunya dalam isu arak yang bukan sekadar melibatkan isu agama bahkan keamanan sejagat.

### **1.6.7 Negara:**

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat praktikal kerana dasar, undang-undang dan polisi yang digunakan oleh kerajaan Negeri Kelantan masih dilaksanakan dan berterusan hingga kini. Ianya bukan hanya bersifat sejarah bahkan mampu menjadi model kepada negara Malaysia dengan beberapa penambahbaikan dalam usaha mengawal penjualan dan juga kepenggunaan arak dalam kalangan orang bukan Islam. Ini membantu kepada usaha mengurangkan gejala sosial dan juga menjaga keharmonian rakyat.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Dari segi teori kajian, skop perbincangan berkenaan metode dakwah kepada orang bukan Islam di Malaysia hanya tertumpu kepada metode mencegah kemungkaran. Ini kerana tindakan kawalan lebih hampir kepada metode dakwah mencegah kemungkaran. Dalam konteks sampel kajian, orang bukan Islam ini melibatkan penjual arak iaitu pemilik premis sahaja kerana kajian ini mengkaji tentang kawalan penjualan arak. Skop kajian dari sudut tempoh waktu pula dikaji sekitar tahun 2011 hingga 2013.

Kajian ini memilih Negeri Kelantan sebagai subjek kajian dan memfokuskannya di Kota Bharu sahaja. Pemilihan Kota Bharu adalah bersandarkan ianya sebagai ibu negeri dan sebuah bandaraya yang menjadi pusat dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri. Kota Bharu terbahagi kepada dua pentadbiran iaitu di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Pengkaji telah memilih kawasan Kota Bharu yang berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran iaitu Kota Bharu dan Kubang Kerian sahaja sebagai skop kajian. Institusi yang dipilih juga hanya memfokuskan institusi formal. Iaitu Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri (SUK), Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merangkap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan (Kota Bharu), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kelantan (Kota Bharu), Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB) dan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan (JPN). Iaitu melibatkan dari institusi yang membuat dasar sehingga institusi pelaksana dasar tersebut. Maka metode dakwah kepada orang bukan Islam dikenalpasti melalui bidang kuasa dan peranan yang melibatkan pelaksanaan kawalan arak melalui institusi-institusi yang terlibat.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian difahami sebagai proses penemuan sesuatu ilmu baru, aktiviti yang bersandarkan kerja orang lain iaitu melakukan rujukan lepas dan juga sesuatu aktiviti yang boleh diaplikasi dan menyelesaikan masalah.<sup>11</sup> Manakala metodologi pula diertikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan disiplin dan sebagainya.<sup>12</sup> Maka difahami metodologi kajian adalah kaedah atau cara menemukan ilmu baru.

Metode kajian dibahagikan kepada dua dalam konteks umum iaitu terdiri daripada kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan.<sup>13</sup> Kajian perpustakaan ialah penyelidikan yang menumpukan aspek pengkajian buku-buku, dokumen, jurnal serta penulisan ilmiah. Manakala Al-Quran dan Hadith merupakan rujukan asas bagi kaedah ini bagi mendapatkan data primer serta memperkuuhkan hujah. Melalui kajian berbentuk ini antaranya melibatkan metode dokumentasi iaitu dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang diteliti dan juga metode historis iaitu penelitian ke atas perkara-perkara yang mengandungi aspek sejarah.<sup>14</sup>

Metode dokumentasi dalam kajian ini adalah data yang diperolehi menerusi surat-surat, laporan, peraturan, dasar, undang-undang, enakmen dan juga catatan. Metode ini digunakan bagi data bab tiga dan juga empat. Metode historis pula diperolehi menerusi buku-buku, jurnal dan bahan penulisan ilmiah yang pengkaji gunakan bagi data pada bab dua serta mengukuhkan analisis data pada bab empat. Data-data yang diperolehi dari kaedah ini adalah antaranya yang berkaitan dengan metodologi dakwah, dakwah kepada bukan Islam, sejarah Negeri Kelantan dan perbincangan mengenai arak dan hukum serta hak ahli *dhimmah*.

---

<sup>11</sup> Neil J. Salkind, *Exploring Research Seventh Edition* (New Jersey: Pearson Education, 2009), 2&3.

<sup>12</sup> Kamus Dewan. ed. Ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010), 1030, entri “metodologi”.

<sup>13</sup> Muhammed bin Yusof, “Islamisasi Seni Muzik: Kajian di Negeri Kelantan” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, 2005), 31.

<sup>14</sup> *Ibid.*, 32.

Rujukan tersebut terdapat dalam tiga bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Arab.

Bagi kajian berbentuk lapangan pula bentuk kajian boleh dikategorikan kepada dua yang utama iaitu yang bersifat *non-experimental* (tidak bersifat percubaan) dan *experimental* (bersifat percubaan). Kajian *non-experimental* melibatkan pelbagai metode yang menjelaskan hubungan antara pembolehubah. Ianya mengandungi beberapa metode kajian iaitu diskriptif, korelasi dan kualitatif. Manakala bagi kajian *experimental* pula melibatkan kenalpasti terhadap sebab dan kesan yang ada kaitan antara pembolehubah. Ianya mengandungi metode *true experimental* (penelitian eksperiman) dan juga *quasi-experimental* (eksperimen hampir / semu).<sup>15</sup>

Justeru metode yang sesuai untuk digunakan bagi kajian ini adalah menggunakan metode kajian *non-experimental* melalui metode kualitatif. Ini kerana metode kualitatif tidak secara terus mengenalpasti sebab dan kesan tetapi lebih kepada mengenalpasti sikap manusia, sosial, budaya dan politik.<sup>16</sup> Kaedah kualitatif juga bertujuan untuk memahami bagaimana sesuatu proses berlaku dan pengaruh sesuatu itu berlaku<sup>17</sup> yang mana pengkaji berpandangan bertepatan dengan objektif kajian.

Melalui kaedah kualitatif, perolehan data menggunakan cara temubual, pensejarahan, kajian kes, etnografi<sup>18</sup>, pemilihan peserta, perbincangan kumpulan fokus, pemerhatian dan juga kajian teks.<sup>19</sup> Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah temubual. Kaedah temubual dipilih disebabkan ianya merupakan teknik

---

<sup>15</sup> Neil J. Salkind, *Exploring Research Seventh Edition* (New Jersey: Pearson Education, 2009), 9-13.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 12.

<sup>17</sup> Monique Hennink, Inge Hutter dan Ajay Bailey, *Qualitative Research Methods* (London: Sage Publication Ltd, 2011), 16.

<sup>18</sup> Neil J. Salkind, *Exploring Research Seventh Edition* (New Jersey: Pearson Education, 2009), 12.

<sup>19</sup> Monique Hennink, Inge Hutter dan Ajay Bailey, *Qualitative Research Methods*, 81&82

yang memang digunakan bagi kajian sains sosial dan bagi memperolehi data dengan lebih mendalam.<sup>20</sup>

Kaedah temubual dijalankan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan fakta, sejarah dan penerangan tentang pelaksanaan sistem ataupun undang-undang bagi gerak kerja pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan yang memfokuskan di Kota Bharu. Ianya bagi mengenalpasti metode dakwah yang digunakan kepada orang bukan Islam dalam pelaksanaan tersebut. Kaedah temubual pula menggunakan kaedah *semi-structured interviews* (Temubual separa berstruktur) iaitu soalan dibina dan akan ditambah mengikut keperluan perbualan bagi memperolehi data secara tepat dan lengkap dan bergantung terhadap cara jawapan dari informan.<sup>21</sup>

Kaedah persampelan pula melibatkan populasi dan sampel. Populasi adalah kumpulan yang akan dianalisis secara umum. Sampel pula adalah satu set dari populasi tersebut.<sup>22</sup> Justeru, populasi dalam kajian ini adalah Negeri Kelantan. Maka sampel pula adalah institusi-institusi yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kawalan arak di Negeri Kelantan dengan mengambil sampel di Kota Bharu sebagai mewakili Negeri Kelantan.

Pemilihan informan pula menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang yang tidak sama untuk dipilih sebagai informan kajian dan pemilihan dipengaruhi faktor tertentu seperti pengetahuan peribadi, kuota dan hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi sebenar (terhad kepada kes yang dikaji sahaja). Hasil kajian hanya boleh dianalisis menggunakan analisis statistik diskriptif.<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> Gerald Guthrie, *Basic Research Methods* (India: Sage Publications India Pvt Ltd, 2012), 118.

<sup>21</sup> *Ibid*, 122 &123.

<sup>22</sup> *Ibid*, 89.

<sup>23</sup> Neil J. Salkind, *Exploring Research Seventh Edition* (New Jersey: Pearson Education, 2009), 96-98.

Bagi persampelan jenis ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai informan kajian<sup>24</sup> dan persampelan bola salji iaitu cadangan informan seterusnya diberikan oleh informan terdahulu yang mengetahui data yang informan seterusnya mampu berikan.<sup>25</sup>

Sampel bagi informan yang dijalankan untuk temubual bagi mendapatkan data berbentuk fakta ini bergantung kepada fakta yang diperlukan dan mengikut institusi-institusi yang terlibat. Institusi-institusi yang terlibat tersebut adalah Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merangkap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan (Kota Bharu), Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan (Kota Bharu), Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan Jabatan Perangkaan Negeri.

Seterusnya, data melalui perolehan dari metode tersebut dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, transkripsi dan terjemahan<sup>26</sup>. Transkripsi bagi rakaman temubual dicatatkan secara terus menggunakan dialek bahasa Negeri Kelantan disebabkan ingin mengekalkan seni dialek tersebut dan juga mengelakkan salah erti bagi istilah tertentu dan nada yang mempengaruhi makna dan maksud. Bagi terjemahan pula adalah bagi data yang diperoleh dari dialek Negeri Kelantan dan Bahasa Inggeris bagi membolehkan kefahaman dan maksud kepada Bahasa Melayu. Data tersebut akan diselaraskan bersama analisis teori yang dikemukakan.

---

<sup>24</sup> Monique Hennink, Inge Hutter dan Ajay Bailey, *Qualitative Research Methods* (London: Sage Publication Ltd, 2011), 85

<sup>25</sup> *Ibid.*,100.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 275.

## **1.9 KAJIAN LEPAS**

Berikut merupakan kajian-kajian yang telah dirujuk oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang bersesuaian dengan pengkajian.

### **1.9.1 Jasri Kamal & Noryati Anuar (2012) *Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan*<sup>27</sup>**

Penulis mengemukakan fakta berkaitan peruntukan undang-undang berkaitan kawalan arak di Malaysia dengan sangat jelas. Ianya juga meliputi prosedur melesenkan penjualan arak. Penulisan ini menjadikan Negeri Selangor sebagai subjek kajian. Analisis dan masalah perundangan berkaitan kawalan penjualan arak yang dikemukakan banyak membantu pengkaji bagi kajian ini. Hasil dari penulisan ini penulis menemui bahawa di Negeri Selangor, pelaksanaan ini masih diperingkat cadangan dan belum berjaya dilaksanakan atas sebab beberapa kekangan yang melibatkan undang-undang yang sedia ada.

---

<sup>27</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 213.

### **1.9.2 Ibrahim Che Noh (1993) *Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan Cabarannya*<sup>28</sup>**

Penulis berpandangan bahawa salah satu cara bagi menyampaikan dakwah kepada masyarakat non muslim adalah melalui penerangan secara berhikmah tentang kebaikan sistem perundangan Islam di dalam sosioekonomi dan bernegara.

### **1.9.3 Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi (2009) *Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan***<sup>29</sup>

Perbincangan mengenai konsep bandaraya Islam yang dilaksanakan di Kelantan bertujuan untuk kemaslahatan umum yang disesuaikan mengikut tuntutan zaman. Tiga elemen penting dalam sebuah perbandaran Islam adalah membawa mesej peringatan, pembangunan perbandaran lestari dan juga pembinaan ukhuwah dan integrasi sosial. Pembangunan Kota Bharu berteraskan 5K iaitu : keilmuan, kepatuhan, kebajikan, kebersihan dan kesejahteraan. Berhubung isu berkaitan arak, ianya tertakluk di bawah teras kepatuhan iaitu kepatuhan kepada syaria't Islam yang mana salah satunya mensyaratkan kelulusan lesen dan kebenaran beberapa syarat yang dituntut Islam di bawah Undang Undang Kecil pengawalan dan penyeliaan Establishment Makanan. Bagi masyarakat bukan Islam pendekatan 5K adalah untuk menjaga keharmonian masyarakat dan saling menghormati.

---

<sup>28</sup> Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan Cabarannya," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia,1993), 70

<sup>29</sup> Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi "Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan", *Malaysian Journal of Society and Space* 5, Isu. 3 (2009), 8-25

#### **1.9.4 Ismail Yussof & Shukri Ahmad (2011) *Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat*<sup>30</sup>**

Penulisan ini membincangkan mengenai perspektif dan pelaksanaan sistem pembangunan Islam oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat di dalam pentadbirannya mentadbir Negeri Kelantan. Melalui kajian ini terdapat sedikit perbincangan mengenai isu arak di Kelantan yang memberi maklumat kepada pengkaji kerana isu tersebut adalah isu yang pengkaji ingin jalankan. Tuan Guru mengetatkan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan mulai 1 Januari 1993. Peraturan tersebut menuntut supaya semua jenis arak dilarang diminum di tempat-tempat awam dan terbuka sama ada di hotel mahupun restoran-restoran. Walaubagaimanapun, orang-orang bukan Islam dibenarkan meminum arak di rumah mereka atau di majlis-majlis perkahwinan, hari jadi dan upacara keagamaan atau di kawasan tertutup.

#### **1.9.5 Yaakob Bin Abdul Rahim (2011) *Arak dan Pencegahannya : Pengalaman Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI)*<sup>31</sup>**

Menurut pihak JAWI sendiri sememangnya terdapat kuasa tindakan berhubung arak tetapi menghadapi halangan di dalam operasi. Antaranya adalahkekangan birokrasi kerana banyak premis dilesenkan kepada individu tertentu yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan, pihak berkuasa tempatan tidak menghalang penjualan arak kepada orang Islam asalkan premis tersebut berlesen. Selain itu kesalahan yang melibatkan

<sup>30</sup> Ismail Yussof dan Shukri Ahmad, "Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat", (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV : Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajaran Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajaran Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, 2011).

<sup>31</sup> Yaakob Abdul Rahim, "Arak dan Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI)" (Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak dan Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agen berkaitan IKIM, 24 Februari 2011).

orang Islam bukan sesuatu yang diberi perhatian serius walaupun diadu oleh masyarakat setempat, kerana pihak berkuasa tempatan hanya mengawal lesen dan premis.

**1.9.6 Masturrah Ismail (2007) *Analisis Terhadap Pandangan Ibn Qayyim Al Jawziyyah Mengenai Hak Beragama Orang Bukan Islam Di Dalam Negara Islam: Kajian Dalam Ahkam Ahl Dhimmah*<sup>32</sup>**

Kajian ini membincangkan berhubung hak orang bukan Islam iaitu mereka perlu mematuhi larangan menzahirkan hak penggunaan arak dan hanya dibenarkan dalam rumah ibadat dan khusus dalam penempatan mereka sahaja. Ianya bagi menjaga kemaslahatan dan sensitiviti masyarakat beragama Islam. Penulis berpandangan pemerintah perlu bijak menyesuaikan pelaksanaan kebebasan beragama mengikut suasana dan memberi penerangan yang jelas tentang sesuatu tindakan.

**1.9.7 Ab. Aziz Mohd Zin (1994) *Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan*<sup>33</sup>**

Menurut penulis, berpandukan Al-Quran, dakwah yang disampaikan kepada masyarakat bukan Islam dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendekatan isi dan juga bentuk penyampaian. Berdasarkan dalil Al-Quran menerusi Surah Al-Nahl ayat 125, hikmah dibincangkan sebagai perlu melihat kepada suasana, keadaan sasaran dan juga keperluan sasaran disamping menentukan jenis-jenis golongan orang bukan Islam tersebut.

---

<sup>32</sup> Masturrah Ismail, "Analisis Terhadap Pandangan Ibn Qayyim Al Jawziyyah Mengenai Hak Beragama Orang Bukan Islam Di Dalam Negara Islam: Kajian Dalam Ahkam Ahl Dhimmah" (Disertasi , Jabatan Siasah Syar'iah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007)

<sup>33</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, "Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan" (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1994)

### **1.9.8 Waizul Qarni (2009) *Prinsip-Prinsip Dakwah Dalam Piagam Madinah*<sup>34</sup>**

Menurut penulis, Piagam Madinah merupakan undang-undang yang bertulis sekaligus memuatkan prinsip-prinsip dakwah. Antara prinsip dakwah yang dikenalpasti adalah pengakuan bahawa Nabi Muhammad sebagai utusan Allah, kebebasan dan toleransi beragama, persatuan dan persaudaraan, persamaan dan musyawarah, tegaknya hukum dan keadilan, *amar ma'ruf nahi mungkar* dan juga kesepadan umat.

### **1.9.9 Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng (2006) *Methodology Of Da'wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation*<sup>35</sup>**

Penulis berpandangan bahawa konsep penyampaian dakwah kepada masyarakat Cina di Malaysia perlu melalui hikmah. Masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum ini harus diwujudkan toleransi, keamanan dan persefahaman berpandukan syariat Islam. Pendakwah perlu terlebih dahulu memahami latar belakang kaum Cina di Malaysia, psikologi mereka serta agama, budaya dan norma kepercayaan mereka. Seterusnya pendakwah perlu menghormati hak orang bukan Islam dari kalangan bangsa Cina. Penulis juga berpandangan bahawa metodologi terbaik adalah dengan memahami agama dan anutan bangsa Cina di Malaysia.

---

<sup>34</sup> Waizul Qarni, "Prinsip-Prinsip Dakwah Dalam Piagam Madinah", *Indonesian Scientific Journal Database (ISJD)*. <http://isjd.pdii.lipi.go.id> (2009), 160.

<sup>35</sup> Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng "Methodology Of Da'wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation", *Journal of Ulum Islamiyyah* 5. no.1. (2006), 65-93

**1.9.10 Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Badlihisham Mohd Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani (2012)**

***Da'wah Among Non-Muslims: A View From Sri Lanka***<sup>36</sup>

Kajian ini bersetuju bahawa metode asas dalam penyampaian dakwah adalah berdasarkan Firman Allah S.W.T melalui Surah Al-Nahl ayat 125.

Walaubagaimanapun, mereka berpandangan bahawa metode tersebut perlu ditampung dan disesuaikan dengan keadaan semasa dan sasaran dakwah.

Berdasarkan keadaan masyarakat di Sri Lanka, beberapa metode yang mereka kemukakan dalam menyampaikan dakwah boleh diaplifikasi dalam kajian ini. Antaranya adalah pendakwah bukan sahaja perlu mempunyai ilmu yang luas tetapi juga menguasai kemahiran insaniah supaya dapat menunjukkan cara hidup Islam adalah sebagai pilihan alternatif. Selain itu, pembinaan rasa saling hormat dan bertoleransi sangat membantu bagi membina jalinan antara muslim dan bukan muslim.

---

<sup>36</sup> Abdul Ghafar Don, et al., "Da'wah Among Non-Muslims: A View From Sri Lanka", *Journal of Advances in Naturel and Applied Science* 6, no. 4 (2012) , 534-540.

### **1.9.11 Noor Aklima Bt Abdul Rahman (2001) *Pengharaman Arak Menurut Islam : Satu Kajian Khusus Terhadap Kesan Sekatan Penjualan Secara Terbuka Di Negeri Kelantan Darul Naim***<sup>37</sup>

Kajian ini membincangkan mengenai kesan sekatan penjualan arak secara terbuka di Negeri Kelantan yang dilihat dari tiga sudut utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Kesan yang sangat positif dari ketiga-tiga sudut. Dari sudut politik dan sosial, masyarakat bukan Islam mampu menerima dasar ini dengan baik dan memberi sokongan dan kerjasama kerana melihatkan kepada kesan positif dari segi cara hidup dan akhlak. Dari segi ekonomi, pendapatan kerajaan tidak terjejas malah semakin meningkat kerana apabila arak disekat produktiviti semakin meningkat yang membantu pertumbuhan ekonomi yang baik.

### **1.9.12 Fatimah Binti Ali ( 2010) *Cara Berdakwah Kepada Non Muslim***<sup>38</sup>

Penulis membincangkan berkenaan ilmu dan kefahaman dakwah secara menyeluruh. Metodologi dakwah yang dikemukakan bagi dakwah kepada orang bukan Islam adalah melalui dakwah *bi al-Hal*, pembinaan hubungan, menonjolkan diri dengan ketinggian status, memberi penekanan berhubung dengan wahyu dan kerasulan, menolak kesamaran dan silap faham, menjelaskan keistimewaan Islam, membuat perbandingan, mendedah kepincangan masyarakat dan juga mengatur program khidmat masyarakat.

---

<sup>37</sup> Noor Aklima Abdul Rahman, “Pengharaman Arak Menurut Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Kesan Sekatan Penjualan Secara Terbuka Di Negeri Kelantan Darul Naim”. (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Pengajaran Islam, Universiti Malaya, 2001).

<sup>38</sup> Fatimah Ali, “ Cara Berdakwah Kepada Non Muslim,” *Jurnal KIAS* 6 (2010), 65.

**1.9.13 Shaifurrokhman Mahfudz (2006) *Kuasa Kerajaan Islam Dalam Mentadbir Hak Kebebasan Beragama Di Kalangan Masyarakat Bukan Islam***<sup>39</sup>

Perbincangan mengenai masyarakat bukan Islam menyebut mengenai dokumen awal kebebasan beragama yang tercatat di dalam Piagam Madinah, Perjanjian *Dhimmah* pada masa Rasulullah dan juga Perjanjian *Dhimmah* pada masa ‘Umar ibn al-Khattab. Melalui perjanjian *Dhimmah*, dua aspek asas adalah pembayaran cukai jizyah dan juga iltizam dengan hukum-hukum Islam. Antara syarat yang terkandung dalam aspek iltizam hukum Islam adalah mereka tidak boleh secara terang-terangan dengan perbuatan meminum arak, menzahirkan tanda-tanda salib dan penternakan babi.

---

<sup>39</sup> Shaifurrokhman Mahfudz, “Kuasa Kerajaan Islam Dalam Mentadbir Hak Kebebasan Beragama Di Kalangan Masyarakat Bukan Islam” (Disertasi Jabatan Siasah Syar’iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

### **1.9.14 Mohd Ramizu Abdullah (2009) *Dasar Pengurusan Bandar Oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Dari Tahun 1990 Hingga 1998: Satu Tinjauan Dari Perspektif Metodologi Hukum*<sup>40</sup>**

#### ***Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Dari Tahun 1990 Hingga 1998: Satu Tinjauan Dari Perspektif Metodologi Hukum<sup>40</sup>***

Penulisan ini mengupas doktrin hukum Islam yang digunakan dalam penguatkuasaan pentadbiran dan pengurusan di MPKB. Salah satu perbincangan yang dihuraikan adalah pelaksanaan dasar Islam dalam pengurusan bandar oleh MPKB iaitu menghadkan bilangan premis arak.

Penulis jurnal ini berpandangan Kerajaan Negeri Kelantan masih tidak mengemukakan dasar yang jelas dalam usaha mengawal dan menghadkan jualan arak tetapi dengan cara yang sedia ada arak boleh dijual mengikut keperluan supaya tidak mudah untuk diperolehi. Beliau merumuskan bahawa pelaksanaan penguatkuasaan ini diasaskan dari doktrin Islam iaitu *Sadd al-Dharā'i* ' (Pencegahan Awal).

---

<sup>40</sup> Mohd Ramizu Abdullah, "Dasar Pengurusan Bandar Oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Dari Tahun 1990 Hingga 1998: Satu Tinjauan Dari Perspektif Metodologi Hukum," *Jurnal KIAS* (2009), 16.

### **1.9.15 Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2012) *Islam Menyelesaikan Gejala Arak*<sup>41</sup>**

Penulis berpandangan bahawa semua pihak perlu bertanggungjawab dan bersama-sama dalam membanteras gejala arak. Cadangan yang dikemukakan adalah dengan menghadkan pemberian lesen iaitu terhad kepada jumlah orang bukan Islam yang minum arak sahaja, menjelaskan pengharaman dan bahaya arak, peranan media massa harus aktif, memberi hukuman yang setimpal iaitu tegas dan selari dengan kehendak agama, membuat iklan kesedaran bahaya minum arak, memberi pendidikan tentang kesedaran arak, peranan ibu-bapa dan pemimpin masyarakat yang memberikan contoh yang baik serta mengawal aktiviti anak-anak dan remaja daripada terlibat dengan gejala muflis akhlak dan etika.

## **1.10 KESIMPULAN**

Kesimpulanya, bab satu ini adalah merupakan pengenalan awal serta gambaran umum mengenai hala tuju kajian ini. Metodologi kajian yang digunakan merupakan kaedah dan proses bagi menyempurnakan perbincangan bab yang seterusnya. Kajian lepas yang dirujuki sebagai sandaran dan panduan asas dalam menyempurnakan penulisan ini. Kajian lepas yang berkaitan mengenai metode dakwah kepada bukan Islam, hak orang bukan Islam di dalam pentadbiran Islam, dasar Islam sebagai prinsip dakwah, keadaan pentadbiran Kelantan dan juga perbincangan mengenai arak memberi gambaran yang berkaitan bagi menyempurnakan kajian yang melibatkan kesemua perbincangan tersebut.

---

<sup>41</sup>Zulkifli Mohamad Al-Bakri, “Islam Menyelesaikan Gejala Arak”, *Solusi*, Isu no.49, 2012,

## BAB DUA

### METODE DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

#### 2.1 ORANG BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

##### 2.1.1 Pengenalan Orang Bukan Islam

Pembahagian manusia boleh dibahagikan mengikut apa sahaja kategori dan kriteria yang diperlukan. Antara elemen pembahagian manusia adalah mengikut tempat tinggal, tabiat, jiwa, bahasa, warna kulit dan tidak ketinggalan adalah kefahaman atau ideologi dan juga agama. Tetapi pada hakikatnya manusia yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah sebagai umat yang satu. Sebagaimana firman Nya:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْبَيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمْ

الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا آخْتَلُوا فِيهِ وَمَا آخْتَلَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ

أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ بَعْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا



آخْتَلُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Al-Baqarah 2 : 213

Terjemahan : Manusia itu adalah umat yang satu. (setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus Para Nabi sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi peringatan dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara

mereka sendiri. Maka Allah memberi petunjuk kepada orang yang beriman tentang kebenaran yang mereka perselisihkan itu dengan kehendakNya. Dan Allah selalu memberi petunjuk kepada orang yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus.

Menurut Imam Shahrastani, yang lebih tepat dan utama adalah manusia terbahagi kepada pengikut agama, ideologi dan hawa nafsu. Pengikut-pengikut agama yang mutlak ialah orang Majusi, Yahudi, Nasrani dan juga orang Islam. Kebenaran hanya ada pada satu golongan (iaitu ahli sunnah wal jama'ah).<sup>42</sup> Golongan tersebut adalah seperti mana yang disebutkan dalam hadis daripada Anas bin Malik R.A berkata: Rasulullah S.A.W:

إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ افْتَرَقُتْ عَلَىٰ إِحْدَى وَسَبْعِينَ فِرْقَةً。 وَإِنَّ أُمَّتِي سَتَفْتَرَقُ عَلَىٰ ثُنْتَيْنِ

وَسَبْعِينَ فِرْقَةً。 كُلُّهَا فِي النَّارِ، إِلَّا وَاحِدَةً。 وَهِيَ الْجَمَاعَةُ。 <sup>43</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya Bani Israil akan terpecah kepada 71 golongan dan umatku akan terpecah menjadi 72 golongan. Semuanya akan masuk neraka kecuali satu golongan. Iaitu *al-Jamā'ah*.<sup>44</sup>

Justeru, golongan manusia yang tidak beriman dengan agama Islam atau tergolong dalam kalangan orang Majusi, Yahudi dan Nasrani serta pengikut pelbagai ideologi dan pengikut hawa nafsu adalah mereka yang digelarkan sebagai orang bukan Islam.

<sup>42</sup> Imam Shahrastani, *Agama dan Ideologi*, terj. Muhammad Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006),xxv-xxvi.

<sup>43</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab Al-Fitani, Bab Iftiraqi Al-Umam, no.Hadis 3993. Lihat Abī 'Abdillāh Muḥammad bin Yazid Al-Qazwīnī, *Sunan Ibnu Mājah* (Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah,2008), 643.

<sup>44</sup> Software Kitab Hadis Online Terjemahan Indonesia. 2 Oktober 2013, <http://Lidwa.Com/App/>.

Secara asas, golongan orang bukan Islam terdiri dalam kalangan Ahli Kitab dan Musyrik. Ahli Kitab terdiri dalam kalangan Yahudi dan Nasrani. Manakala Musyrik terdiri dalam kalangan Majusi (penyembah api) dan Wathaniah (penyembah berhala).<sup>45</sup> Penerangan lebih jelas tentang orang bukan Islam adalah seperti berikut:<sup>46</sup>

**a. Ahli Kitab**

Ahli Kitab adalah mereka yang terkeluar daripada agama yang *Hanīf* dan syariat Islam. Mereka ialah kumpulan yang mempunyai syariat, hukum hakam, hudud dan ulama.

1. Orang Yahudi :

Mereka adalah umat Nabi Musa A.S. Kitab mereka adalah Taurat. Mereka mendakwa syariat hanya ada satu. Kitab Taurat sebenarnya merangkumi dalil-dalil dan ayat-ayat yang menunjukkan syariat Nabi Muhammad S.A.W adalah benar. Tetapi mereka telah menyelewengkannya, mengubah dan menukar penulisan, gambaran dan tafsiran.

2. Orang Nasrani :

Mereka adalah umat Nabi Isa bin Maryam A.S. Kitab mereka adalah Injil. Mereka percaya kepada Tuhan melalui konsep triniti<sup>47</sup> iaitu keesaan dari tiga wujud Tuhan (Bapa, Anak dan Roh Kudus).

<sup>45</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, "Hubungan Muslim dengan Non-Muslim Menurut Perspektif Al-Quran," dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009),47.

<sup>46</sup> Imam Shahrestani, *Agama dan Ideologi*, terj. Muhammad Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006),150-457.

<sup>47</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1714, entri "triniti".

## b. Golongan Musyrik

### 1. Orang Majusi : Penyembah Api

Mereka mengagungkan api disebabkan beberapa tujuan. Antaranya adalah api pada pandangan mereka adalah mulia dan tinggi, tidak membakar Nabi Ibrahim A.S dan mereka menyangka dengan memuliakan api mereka akan terselamat dari seksaan api neraka pada hari kiamat. Secara umum api adalah kiblat mereka dan perantaraan serta simbol mereka.<sup>48</sup>

### 2. Wathaniah : Penyembah Berhala

Mereka mempercayai adanya dua Tuhan yang azali. Mereka berbeza pandangan dengan orang Majusi tentang kefahaman dan keimanan terhadap konsep cahaya dan kegelapan. Secara umum, tujuan penyembahan berhala adalah untuk menyembah sembahannya ghaib dan berhala sebagai ganti sembahannya tersebut.<sup>49</sup>

Bagi golongan yang menjadi pengikut hawa nafsu dan pelbagai ideologi seperti yang dinyatakan oleh Imam Shahrastani, perbezaan mereka amat ketara berbanding dengan ahli agama yang lain. Mereka bersandarkan kepada fitrah yang sejahtera, akal yang sempurna dan pemikiran yang jernih semata-mata. Mereka percaya bahawa persoalan syariat adalah perkara rekaan.<sup>50</sup>

Kategori orang bukan Islam terbahagi kepada lima kategori iaitu: (1) Ahli *dhimmi* iaitu golongan bukan Islam yang patuh pada pemerintah Islam. Mereka wajib dipelihara, dilindungi dan diberi keadilan ke atas hak mereka.<sup>51</sup> Keselamatan, harta dan maruah mereka dijamin. Menjadi hak setiap individu muslim untuk memastikan hak mereka diberikan. Maksud *dhimmi* diertikan

<sup>48</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, "Hubungan Muslim dengan Non-Muslim Menurut Perspektif Al-Quran," dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009),47.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> Imam Shahrastani, *Agama dan Ideologi*, terj. Muhammad Ramzi Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006),200-201.

<sup>51</sup> Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan Cabarannya," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia,1993) , 70

sebagai ikrar, janji, jaminan dan keamanan. Mereka berada dibawah perlindungan orang Islam yang menjadi kewarganegaraan politik. Mereka juga menerima hegemoni pemerintahan orang Islam.<sup>52</sup> (2) Ahli *Mu'āhidīn* iaitu golongan bukan Islam yang memeterai perjanjian dengan pemerintah Islam dan wajib mematuhi perjanjian. (3) Ahli *Muhāribūn* iaitu golongan bukan Islam yang memerangi orang-orang Islam. (4) Ahli *Muhādanūn* iaitu golongan bukan Islam yang membuat perjanjian untuk menghentikan permusuhan buat sementara waktu. (5) Ahli *Muammanūn* iaitu golongan bukan Islam yang tidak mengikat sebarang perjanjian dengan orang Islam, tiada permusuhan dan peperangan serta tidak ada *dhimmah* yang dikenakan.<sup>53</sup>

Penggunaan perkataan orang bukan Islam sebenarnya pada hakikat agama Islam sinonim dengan perkataan orang kafir atau musyrik yang menggambarkan sifat ingkar mereka kepada Allah. Tetapi dalam penulisan moden hari ini istilah bukan Islam digunakan bagi melaksanakan konsep dakwah secara berhikmah.<sup>54</sup>

Kesimpulannya, orang bukan Islam adalah golongan yang tidak beriman kepada konsep ketuhanan yang sama seperti umat Islam iaitu Allah sebagai Tuhan yang satu dan Maha Esa dan tiada Tuhan melainkan Nya serta Nabi Muhammad itu Rasul yang terakhir diutus untuk sekalian makhluk. Walaubagaimanapun perbezaan anutan dan kepercayaan serta keimanan setiap agama tetap mempunyai hak dan kebebasan beragama untuk diamalkan sekiranya mereka berada dibawah pemerintahan orang Islam. Ini kerana Islam adalah agama yang meraikan hak setiap individu.

<sup>52</sup> Abdul Rahman I. Doi, *Non-Muslims Under Shari'ah (Islamic Law)*, (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1994), 22 & 23.

<sup>53</sup> Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan Cabarannya," dalam *Dakwah Islamiyah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia,1993) , 70

<sup>54</sup> Abdul Ghafar Haji Don, "Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan," dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 3.

## **2.1.2 Bangsa dan Agama Orang Bukan Islam di Malaysia**

Rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.<sup>55</sup> Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia bangsa di Malaysia adalah masyarakat Melayu, Cina, India serta Bumiputra lain dan lain-lain.<sup>56</sup> Kepelbagaian bukan sahaja dari sudut bangsa malah kepelbagaian juga dari aspek anutan agama yang merangkumi agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian, Konfusianisme, Taoisme, Sikh dan Animisme.<sup>57</sup>

Kepercayaan, adat resam dan nilai budaya bangsa Melayu banyak berpaksikan kepada agama Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Semua orang Melayu dikira beragama Islam mengikut Perkara 160 Perlembagaan Malaysia.<sup>58</sup> Agama Islam dijadikan sebagai agama persekutuan dan agama rasmi<sup>59</sup> dan pemerintahnya juga dalam kalangan orang Islam. Orang bukan Islam di Malaysia menerima dan berlindung dibawah pemerintahan orang Islam. Maka golongan bukan Islam di Malaysia boleh dianggap sebagai termasuk dalam kategori ahli *dhimmi* kerana mereka patuh dengan undang-undang di Malaysia.

Menurut Ab Aziz Mohd Zin, penerimaan masyarakat Malaysia kepada pelembagaan negara yang memperuntukkan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan adalah kesediaan setiap individu untuk bersatu, bekerjasama dan berkongsi dengan menghormati budaya dan kepercayaan masing-masing.<sup>60</sup>

---

<sup>55</sup> Majmuk : Terdiri atau terbentuk daripada beberapa bahagian dan sebagainya tetapi merupakan kesatuan.

Masyarakat Majmuk : Masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum (suku bangsa) atau bangsa. Rujuk: *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010), 978-979, entri “majmuk”

<sup>56</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, “Komposisi Etnik ” laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 15 Mac 2014, [http://www.statistics.gov.my/\\_portal/\\_images/\\_stories/\\_files/\\_Latest Releases/\\_population/Ringkasan\\_Penemuan-Summary\\_Findings\\_2010-2040.pdf](http://www.statistics.gov.my/_portal/_images/_stories/_files/_Latest Releases/_population/Ringkasan_Penemuan-Summary_Findings_2010-2040.pdf)

<sup>57</sup> Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, “Mengenai Malaysia, Agama” laman sesawang *My Government*, , 2 Oktober 2013, <http://www.malaysia.gov.my/about-malaysia?subCatId=3208958&type=2&categoryId=3208945>

<sup>58</sup> *Ibid.*,

<sup>59</sup> Agama Rasmi Malaysia : Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan". Perkara 11 mengenai Kebebasan Ugama pula menyatakan "Tiap-tiap orang adalah berhak menganut dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya". Ini bermakna walaupun Malaysia telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasminya, penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kepercayaan, bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum dan ini telah dibuktikan dengan keamanan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia selama ini. Rujuk :Portal Rasmi Kerajaan Malaysia, “Agama Rasmi Malaysia”, laman sesawang *My Government*, dicapai 8 Mac 2014, <https://www.malaysia.gov.my/non-citizen?articleId=318575&subCatId=353183 & categoryId = 278529>

<sup>60</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 1.

### 2.1.2.1 Bangsa Cina

Bangsa Cina merupakan bangsa kedua terbesar selepas bangsa Melayu dan mewakili golongan majoriti bukan Islam berbanding bangsa lain.<sup>61</sup> Mereka mewarisi pelbagai bentuk kepercayaan. Secara dasarnya kepercayaan ataupun agama bagi bangsa cina terbahagi kepada tiga ajaran iaitu Taoisme, Konfusianisme dan juga Buddha. Mereka sangat sinonim dengan ajaran tersebut.<sup>62</sup> Tetapi terdapat juga masyarakat Cina dari bahagian barat Malaysia yang menganut agama Kristian dan juga atheis.<sup>63</sup> Tidak dinafikan juga sebahagian daripada mereka adalah pengikut agama Islam.

Setiap daripadanya mempunyai ajaran dan nilai moral tersendiri. Kepercayaan ini telah berakar umbi dalam kalangan bangsa Cina. Maka dengan sebab itu kumpulan agama tersebut dikenali sebagai *Chinese Religion*.<sup>64</sup>

#### a. Taoisme

Taoisme merupakan tradisi bangsa cina yang merangkumi aspek falsafah dan agama. Pada peringkat awal Taoisme difahami sebagai satu cara hidup atau falsafah hidup sehingga akhirnya meresap menjadi aspek keagamaan dan spiritual. *Tao* difahami sebagai cara hidup, jalan untuk ditempuhi dan pendekatan yang betul dalam tingkah laku. Ajaran Taoisme banyak menyentuh tentang peranan alam atau cara semulajadi dalam mewujudkan keharmonian dan keseimbangan hidup.<sup>65</sup>

Pembawa ajaran Taoisme ialah *Lao Tzu* yang diangkat sebagai dewa. Beliau merupakan seorang yang bijaksana dan menjadi sumber rujukan. Ianya wujud sekitar tahun 600 sebelum Masihi semasa pemerintahan Dinasti Hang. Ajaran

<sup>61</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, “Unjuran Penduduk Malaysia”, laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 18 April 2013, [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?Option=com\\_content&view=article&id=99&Itemid=114%E2%8C%A9%3Dbm&lang=bm#b](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?Option=com_content&view=article&id=99&Itemid=114%E2%8C%A9%3Dbm&lang=bm#b)

<sup>62</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 7.

<sup>63</sup> Osman Chuah Abdullah, *Preaching To The Non-Muslim Chinese In Malaysia* (Gombak: IIUM Press, 2009), 66.

<sup>64</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 7.

<sup>65</sup> Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 136.

terpenting adalah mengajar penganutnya mempraktikkan *The Way (Tao)* iaitu petunjuk kepada alam semesta. Kitab suci bagi ajaran ini adalah *Tao Te Ching* dan juga *Chuang Tzu*.<sup>66</sup>

Empat perbincangan utama bagi ajaran ini adalah atas sesuatu kejadian, kekuatan dalaman, tenaga yang aktif dan juga bersifat *transcendental*. Diantara kepercayaan ajaran Taoisme adalah *Yin* dan *Yang* (keharmonian dan keseimbangan), *wei-wu-wei* (peraturan semulajadi), Tiga Dewa Bintang yang terdiri dari Dewa Panjang Umur, Dewa Kekayaan atau simbol anak lelaki dan juga Dewa Kebahagiaan. Selain itu terdapat juga kepercayaan *Kuei* yang melambangkan roh kejahatan.<sup>67</sup>

#### b. Konfusianisme

Ajaran Konfusianisme muncul pada waktu Dinasti Chou sekitar tahun 221-771 sebelum masihi. Kandungan ajaran ini adalah berkaitan falsafah kemanusiaan yang merangkumi etika, peribadi, kemasyarakatan, pemerintahan, politik dan pendidikan. Pengasas ajaran ini adalah Konfusius atau Kung Fu Tze (Guru Agung).<sup>68</sup>

Diantara koleksi Kitab rujukan pertama dalam ajaran ini adalah *I Ching* (Buku Perubahan), *Shujing* (Buku Sejarah), *Shijing* (Buku Puisi), *Liji* (Buku Upacara) dan *Chunqiu* (Laporan Musim Bunga dan Luruh). Pengajaran atas agama ini adalah perikemanusiaan. Kepercayaan kepada kuasa yang menentukan segalanya digelar *Tien* (Langit) yang bersifat baik hati.<sup>69</sup>

<sup>66</sup> Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 138-139

<sup>67</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 140-142

<sup>68</sup> *Ibid.*, 122-124

<sup>69</sup> *Ibid.*, 126-125

Seseorang yang mencapai tahap manusia sempurna mempunyai empat perkara yang perlu dilakukan. Pertama, seorang anak berkhidmat kepada ayahnya, sepermata apabila anak itu dewasa nanti ingin anaknya berkhidmat kepadanya. Kedua, seorang rakyat untuk berkhidmat kepada rajanya sepermata seorang pembesar inginkan menterinya berkhidmat kepadanya. Ketiga, seorang saudara yang muda berkhidmat kepada saudaranya yang tua sepermata yang muda itu apabila tua kelak inginkan saudara mudanya berkhidmat kepadanya. Keempat, seorang sahabat yang berkelakuan baik kepada sahabatnya yang lain sepermata sahabat yang pertama itu inginkan dirinya diperlakukan dengan baik oleh orang lain.<sup>70</sup>

Prinsip utama ajaran ini adalah *Hsiao* (hubungan) dan juga Lima asas *Susila*. Hubungan melibatkan dua golongan iaitu golongan rendah dan juga golongan tinggi. Iaitu ibu bapa dan anak, suami dan isteri, saudara yang tua dan saudara yang muda, majikan dan pekerja dan raja dan rakyat. Manakala lima asas susila pula adalah *Jen* (baik hat), *I* (adil), *Li* (etika), *Chih* (Bijaksana) dan *Hsin* (Ikhlas dan jujur).<sup>71</sup>

### C. Buddha

Agama Buddha muncul dari negara India yang mana merupakan gerakan menentang agama Hindu disebabkan tidak bersetuju dengan sistem kasta, kuasa dan pengaruh para *Brahmin*, konsep ketuhanan dan juga doktrin yang keliru dan kabur. Pengasas agama Buddha dikenali sebagai Sidharta Gautama.<sup>72</sup>

Sumber rujukan utama bagi agama ini adalah *Tripitaka* (Tiga Bakul Kebijaksanaan). Ianya mengandungi ajaran dialog, dan pidato Buddha. Diantara kepercayaan Buddha adalah *Triratna* (Tiga Permata), Buddha melalui proses

<sup>70</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 127.

<sup>71</sup> *Ibid.*, 128-129.

<sup>72</sup> *Ibid.*, 102-103.

kelahiran semula (*Amithaba*), *Dhamma* untuk mencapai keselamatan (*nirvana*), Sangha (peraturan dan kehidupan rahib), empat kebenaran mulia dan lapan jalan lapis mulia dan sepuluh perintah.<sup>73</sup>

Diantara intipati sepuluh perintah adalah jangan membunuh, jangan mencuri, jangan melakukan perkara buruk, jangan menipu, jangan minum minuman yang memabukkan, tidak boleh makan selepas tengahari, tidak boleh berhibur, tidak boleh berhias, tidak boleh bermewah-mewah dan tidak boleh mempunyai harta.<sup>74</sup>

Demikian perbincangan umum berkenaan tiga agama utama yang menjadi anutan bangsa cina khususnya di Malaysia. Secara asas ketiga-tiga ajaran *chinese religion* ini banyak menyentuh soal etika dan cara hidup bagi menegekalkan keharmonian manusia di muka bumi.

#### 2.1.2.2 Bangsa India

Bagi bangsa India pula mereka mengamalkan pelbagai ajaran agama seperti agama Hindu, Kristian, Islam dan juga Sikh. Maka dengan sebab itu masyarakat India terbahagi kepada kategori India-Kristian, India-Hindu, India-Muslim dan juga India-Sikh.<sup>75</sup>

##### a. Kristian

Agama Kristian beriman dengan doktrin Triniti yang terdiri daripada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Jesus dianggap sebagai pengasas agama ini dan diimani sebagai anak tuhan yang menjelaskan diri dalam bentuk manusia bagi menyelamatkan manusia dari dosa warisan. Jesus dipercayai dilahirkan oleh seorang perawan bernama Mary dan mempunyai kelebihan dalam mengubati penyakit.<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 107-110.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 111.

<sup>75</sup> *Ibid.*, 11

<sup>76</sup> *Ibid.*, 172-174.

Ajaran Jesus mendapat sambutan dalam kalangan sebilangan orang Yahudi. Tetapi ianya tidak disenangi oleh pemuka-pemuka agama Yahudi yang bertentangan dengan Kitab *Torah*. Sehingga akhirnya mereka merancang untuk membunuh Jesus dengan memfitnah Jesus ingin menjadi raja kaum Yahudi dan akhirnya Jesus disabitkan kesalahan dan dihukum bunuh melalui kaedah penyaliban.<sup>77</sup>

Kemudian agama Kristian dikembangkan oleh Saul atau Paul (Seorang Yahudi dari suku Benyamin). Beliau dianggap pengasas kedua bagi agama Kristian. Pada mulanya beliau adalah penentang Jesus sebelum mendakwa dirinya mendengar suara Jesus yang memerintahkannya untuk menyebarkan agama Kristian. Beliaulah yang mendakwa bahawa Jesus adalah Tuhan.<sup>78</sup>

Ajaran Paul terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bersifat universal dan juga keselamatan. Aspek keselamatan melibatkan Inkarnasi, dosa warisan, penyaliban, kebangkitan, ketuhanan Jesus, doktrin Triniti, iman dan hukum serta penebusan. Kitab ajaran agama Kristian dipanggil *Bible* yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Perjanjian Lama (*Old Testament*) dan Perjanjian Baru (*New Testament*). Ajaran Kristian terpecah kepada beberapa aliran mazhab iaitu Roman Katolik (Pope, Vatican City Rom), Ortodoks (Patriach, Kostantinopel) dan juga Protestan (Martin Luther, Eropah dan Amerika).<sup>79</sup>

#### b. Hindu

Agama Hindu dipercayai telah lama wujud dan dikenali juga sebagai Vedanta. Kewujudannya disebabkan pertembungan diantara bangsa Dravidia (penduduk asal Lembah Indus) dan bangsa Arya (bangsa Persia yang berhijrah ke Lembah Indus). Pergaulan antara dua bangsa ini mewujudkan kepercayaan bercampur

<sup>77</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 174.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 174-175

<sup>79</sup> *Ibid.*, 186-187

iaitu penyembahan dan banyak dewa. Mereka percaya bahawa semua manusia mempunyai percikan dan sentuhan ketuhanan pada diri mereka. Nilai ketuhanan yang tinggi adalah *avatara*.<sup>80</sup>

Kitab rujukan utama agama Hindu terbahagi kepada dua kategori iaitu kitab wahyu dipanggil *Sruti* (terbahagi kepada 4 Kitab Veda) dan juga kitab tradisi dipanggil *Smriti* (terdiri daripada Upanishad, Bhagavad Gita dan Kitab Manu). Secara umum agama Hindu adalah agama politeisme (mempercayai banyak tuhan). Diantara dewa yang dipercayai mempunyai kuasa adalah *Surya* (Dewa Matahari), *Agni* (Dewa Api Suci), *Indra* (Dewa Perang), *Waruna* (Dewa Alam Angkasa), *Wertra* (Dewa Jahat), *Candra* (Dewa Bulan) dan *Wayu* (Dewa Angin).<sup>81</sup>

Konsep ketuhanan mereka adalah *Trimurti* iaitu tiga tuhan iaitu: (1) *Brahma* : Tuhan Pencipta, (2)*Vishnu* : Penjaga Alam, (3) *Shiva* : Tuhan Pemusnah. Setiap tuhan tersebut pula mempunyai isteri iaitu isteri *Brahma* ialah *Sarasvati* (Tuhan Ilmu Pengetahuan), isteri tuhan *Vishnu* ialah *Prithi* (Tuhan Bumi) dan *Lakshmi* (Tuhan Kebaikan) serta isteri tuhan *Shiva* ialah *Durga* (Tuhan Ibu Baik (*Parvati*) dan juga Tuhan Agresif (*Kali*)).<sup>82</sup>

Mereka percaya bahawa penciptaan manusia menerusi pelbagai kasta yang melahirkan sistem kasta iaitu *Varnashrama* atau *Jati*. Perkahwinan dari kasta berbeza amat ditentang. Hanya satu cara sahaja mereka boleh bertukar kasta iaitu dengan kelahiran semula. *Punya* (perbuatan baik) dan *Papa* (perbuatan buruk) menentukan nasib kelahiran akan datang. Kitaran kehidupan ini untuk mencapai keselamatan dan kebebasan iaitu *Moksha*. Latihan untuk mencapai moksha adalah melalui *Yoga Chara*.<sup>83</sup>

<sup>80</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 36-38.

<sup>81</sup> *Ibid.*, 38-39.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 43-44.

### c. Sikh

Agama Sikh juga dikenali sebagai Sikhisme yang diasaskan oleh Guru Nanak iaitu seorang guru di Punjab. Agama ini dianggap sebagai agama termuda berbanding agama lain. Ajaran agama ini adalah gabungan diantara ajaran Hindu dan Islam. Ajaran ini lebih kepada peraturan kepada masyarakat. Agama ini mempunyai sepuluh guru yang menjadi contoh kehidupan yang terbaik. Guru tersebut ialah: (1) Guru Nanak (2) Guru Angad (3) Guru Amar Das (4) Guru Ramdas (5) Guru Arjun (6) Guru Hargobind (7) Guru Har Rai (8) Guru Krishna (9) Guru Tegh Bahadur dan (10) Guru Gobind Singh.<sup>84</sup>

Kitab rujukan agama ini adalah *Guru Granth Sahib*, *Adi Granth* dan *Dasam Granth*. Agama ini ingin menyelaraskan gabungan antara agama Islam dan Hindu dengan mengambil kepercayaan bahawa tuhan (*Nam*) itu satu dari agama Islam serta tuhan wujud dalam alam semulajadi dan menjelma dalam setiap makhluk ciptaannya dari ajaran Hindu. Tetapi mereka menentang semua ritual ibadat khusus dalam Islam dan Hindu. Mereka juga mempercayai hukum karma samsara.<sup>85</sup>

Terdapat beberapa larangan yang perlu dipatuhi iaitu: (1) tidak boleh memotong rambut (2) tidak boleh berkelakuan buruk (3) tidak boleh merokok (4) tidak boleh makan daging yang disembelih (5) tidak boleh minum minuman beralkohol. Manakala upacara keagamaan pula terdiri daripada penyembahan dan kebaktian, *Amrit Sanskar* (pembaptisan), *Naankaran* (beri nama kepada bayi yang baru lahir), *Dastar Bandhni* (upacara pakai serban kepada remaja lelaki) dan juga *Anand Karaj* (upacara perkahwinan).<sup>86</sup>

---

<sup>84</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 200.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 204

<sup>86</sup> *Ibid.*, 209.

### 2.1.2.3 Bumiputra

Bangsa atau kaum bumiputra terdiri dalam kalangan Orang Asli yang didefinisikan sebagai peribumi merujuk kepada penduduk asal negara Malaysia. Mereka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Asli di Semenanjung dan pelbagai etnik peribumi di Sabah dan juga Sarawak. Etnik yang terdapat di Sabah adalah seperti Orang Dusun atau Kadazan, Murut, Bajau, Sulu, Iranun, Kedayan, Melayu Brunei, Lun Dayeh Sungei dan lain-lain. Manakala di Sarawak etnik peribumi adalah seperti Iban, Bidayuh, Melayu Melanau, Murut/ Lun Bawang, Kenyah, Kelabit, Kayan, Bisaya, Punan, Penan dan kumpulan kecil yang lain.<sup>87</sup> Umumnya sistem kepercayaan mereka berpegang kuat kepada kepercayaan animisme yang diwarisi sejak turun temurun. Ini disebabkan pengaruh keadaan persekitaran sekeliling mereka iaitu alam sekitar semulajadi.<sup>88</sup>

Rumusan yang dapat dibuat adalah golongan orang bukan Islam di Malaysia terdiri dari pelbagai bangsa. Pelbagai bangsa juga turut mempengaruhi kepelbagaian agama anutan dan kepercayaan. Walaubagaimanapun, agama tidak hanya terbatas pada bangsa sahaja kerana agama adalah suatu kepercayaan yang merentasi sempadan bangsa.

---

<sup>87</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 17.

<sup>88</sup> *Ibid.*, 23.

## **2.2 Persepsi Orang Bukan Islam Malaysia terhadap Islam**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng beliau merumuskan bahawa persepsi orang bukan Islam dalam kalangan bangsa cina terhadap Islam adalah salah faham dan tidak benar. Sebahagian besar dari mereka menafikan bahawa Islam adalah sebagai cara hidup, tidak tahu tentang rukun Islam dan menafikan Nabi Muhammad S.A.W itu adalah Rasul serta menganggap Islam adalah sama seperti agama-agama lain. Selain itu mereka menganggap Islam adalah agama yang ketinggalan zaman.<sup>89</sup>

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan orang Melayu menjadi peneraju politik, justeru mereka merasakan kekuatan politik, ekonomi dan kuasa sosial mereka semakin terhakis kerana berlaku Islamisasi dalam polisi kerajaan. Justeru itu mereka tidak menyukai agama Islam disebabkan isu etnosentrisme.<sup>90</sup> Tambahan pula Islam diangkat sebagai agama rasmi bagi Malaysia dan agama lain tidak dibenarkan untuk disebarluaskan.<sup>91</sup>

Mereka beranggapan jika ada dari kalangan mereka yang memeluk Islam melalui perkahwinan dengan Melayu Muslim hanyalah kerana kepentingan ekonomi kerana berpeluang mendapat keistimewaan yang ditetapkan.<sup>92</sup> Mereka menggunakan sebarang cara bagi menguasai ekonomi dan kekayaan seperti perniagaan judi, arak dan juga kelab malam. Bagi mereka erti hidup adalah kemewahan. Hal ini sangat bercanggah dengan ajaran Islam yang mana aktiviti tersebut adalah haram walaupun menguntungkan. Hal ini menjadi satu kesukaran bagi mereka untuk menerima Islam.

---

<sup>89</sup> Osman Chuah Abdullah, *Preaching To The Non-Muslim Chinese in Malaysia* (Gombak: IIUM Press, 2009), 71-72

<sup>90</sup> Etnosentrisme bermaksud pandangan atau sikap yang percaya bahawa golongan atau kebudayaan etnik sendiri lebih unggul daripada golongan atau kebudayaan etnik lain. Rujuk:

*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 402, entri “etnosentrisme”.

<sup>91</sup> Osman Chuah dan Abdul Salam Muhammad Shukri, “Methodology of Da’wah to The Non-Muslim Chinese in the Malay Archipelago: A Preliminary Observation,” dalam *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 228-230

<sup>92</sup> *Ibid.*, 231.

Diantara sebab persepsi negatif yang timbul dari pemikiran orang bukan Islam khususnya dari bangsa cina adalah kerana mereka gagal memahami kesejagatan mesej Islam dari Al-Quran dan Hadis. Mereka beranggapan Islam hanya untuk bangsa Arab dan Melayu. Tambahan pula mereka hanya menerima budaya dan tamadun mereka sahaja yang dianggap lebih baik sejak 5000 tahun yang lalu. Mereka hanya melihat bahawa hanya mereka yang mempunyai guru yang terbaik seperti Lao-tze dan Konfusius yang mana menyebabkan mereka tidak mahu untuk mengenali dan mengetahui peribadi Nabi Muhammad S.A.W dan dianggap bukan satu keperluan untuk mengetahuinya.<sup>93</sup>

Sebagai contoh, babi adalah binatang yang diharamkan dalam Islam. Tetapi bagi bangsa cina babi adalah makanan tradisional dan juga makanan upacara keagamaan dan budaya mereka. Maka isu ini juga menghalang mereka untuk masuk dan menerima agama Islam. Islam dilihat sebagai agama yang rigid dan banyak perkara yang wajib perlu dilaksanakan seperti membayar zakat, puasa, solat serta kewajipan wanita muslim untuk memakai hijab. Semua ini dianggap sangat bertentangan dengan ajaran bangsa cina.<sup>94</sup> Sehingga hari ini agama Islam dan Muslim masih menjadi suatu ketakutan bagi orang bukan Islam. Terutama sejak peristiwa 11 September di Amerika yang menimbulkan fahaman *Islamophobia*. Hal ini memberi kesan kepada orang bukan Islam dari bangsa cina untuk menolak Islam.<sup>95</sup>

---

<sup>93</sup>Osman Chuah dan Abdul Salam Muhammad Shukri, “Methodology of Da’wah to The Non-Muslim Chinese in the Malay Archipelago: A Preliminary Observation,” dalam *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 233.

<sup>94</sup>*Ibid.*, 235.

<sup>95</sup>Osman Chuah dan Abdul Salam Muhammad Shukri, “Methodology of Da’wah to The Non-Muslim Chinese in the Malay Archipelago: A Preliminary Observation,” dalam *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 236.

Bagi bangsa India pula mereka berpandangan bahawa ritual seperti berpuasa, menunaikan haji tidak memberi manfaat kepada manusia.<sup>96</sup> Mereka tidak menyukai kebenaran poligami dalam Islam, Islam agama yang banyak kongkongan dan tanggungjawab serta pemakaian pakaian kaum wanita terhad dan tiada kebebasan.<sup>97</sup>

Diantara anggapan negatif lain terhadap Islam adalah : (1) Islam agama Kuno (2) Hukuman dalam Islam adalah kejam (3) Islam menghadkan pilihan terhadap makanan (4) Islam itu keras (5) Islam menggalakkan pengikutnya berperang (6) Islam membenarkan poligami (7) Tuhan orang Islam zalim kerana mengenakan hukuman zalim (8) Sangat banyak peraturan dalam Islam (9) agama Islam tidak bertolak ansur (10) Islam menyusahkan (11) Orang Islam agresif (12) Islam sesuai bagi orang arab dan bangsa yang mundur (13) Al-Quran bukan dari tuhan tetapi ciptaan manusia (14) Al-Quran kitab tiruan kitab suci terdahulu (15) Penganut agama Islam juga menyembah benda yang dapat dilihat juga iaitu kaabah (16) Tidak boleh menerima perkahwinan yang suci dapat ditamatkan melalui penceraian (17) Tidak boleh menerima anjing tidak boleh disentuh dan dipelihara (18) Pengharaman memakan babi (19) Wanita muslim dikongkong (20) Kenapa perlunya Islam mengharamkan judi dan minuman keras (21) Kenapa lelaki tidak dibenarkan memakai sutera dan emas.<sup>98</sup>

Justeru apa yang dapat difahami melalui persepsi orang bukan Islam terhadap Islam dalam konteks Malaysia ini melibatkan pelbagai isu samaada dari sudut akidah mahupun syariah. Isu yang paling ketara adalah berhubung isu syariah yang mana hukum hakam dalam Islam kebanyakannya tidak boleh diterima dan dianggap menyekat kebebasan mereka terutama yang berhubung dalam bidang

---

<sup>96</sup> Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 206.

<sup>97</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 219.

<sup>98</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 124&125.

ekonomi dan muamalah. Persepsi agama dan bangsa turut menjadi perhatian kerana mereka melihat Islam dari sudut pandang yang sempit dan dari kaca mata yang kabur dan salah.

## 2.3 KEPERLUAN DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

Secara asas, dakwah dibahagikan kepada dua sifat yang mana pertama bersifat dalaman dan yang keduanya adalah bersifat luaran<sup>99</sup>. Dakwah yang bersifat dalaman lebih memfokuskan *islah*<sup>100</sup> kepada orang Islam supaya lebih menghayati ilmu dan cara hidup Islam. Manakala dakwah bersifat luaran adalah dakwah kepada orang bukan Islam supaya mentauhidkan Allah dan menerima Islam sebagai agama yang perlu dianuti. Justeru *islah* sebahagian dari dakwah iaitu dakwah di kalangan orang Islam manakala dakwah dengan pemakaian umum ialah untuk orang Islam dan orang bukan Islam.<sup>101</sup>

Istilah dakwah merupakan perkataan yang berasal dari Bahasa Arab iaitu dari kalimah دعوةٌ يَدْعُو، <sup>102</sup> Ianya diertikan sebagai mengajak kepada Allah iaitu mengajak kepada agama Islam.<sup>103</sup> Dakwah juga dilihat sebagai menyampaikan dan menjelaskan apa yang datang dari agama Islam.<sup>104</sup> Selain itu dakwah juga bermaksud panggilan dari Allah untuk manusia melalui Rasul, panggilan dari manusia kepada Allah melalui munajatnya dan juga panggilan dari manusia kepada manusia lain untuk mengimani Islam adalah agama dan cara hidup.<sup>105</sup> Definisi dakwah juga difahami sebagai usaha seseorang untuk mengajak orang lain melalui perkataan dan perbuatan untuk menerima Islam dan mengikuti norma-normanya dalam kehidupan seharian.<sup>106</sup>

---

<sup>99</sup> Abdul Ghafar Haji Don, “Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan,” dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 5.

<sup>100</sup> Istilah *islah* diertikan sebagai meluruskan atau membetulkan juga mengoreksi. Rujuk, Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Kamus Syawarifiyah* (Jakarta: Ciputat Press, 2009), 83

<sup>101</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiyah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 6&7.

<sup>102</sup> Ibn Manzur, *Lisan Al-'Arab*. (Kaherah: Darul Hadith, 2003), 369.

<sup>103</sup> Abdul Karim Zaidan, *Usul Al-Da'wah* (Beirut: Muassasah Al-Risalah, 2000), 5.

<sup>104</sup> Al-Bayanuni, *Al-Madkhال Ila 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 14

<sup>105</sup> Mohd Yusof Hussain,“The Meaning, Process and Purpose of Islamic Da'wah,” dalam *Readings In Islamic Da'wah*, ed. Mohd Yusof Hussain (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 1

<sup>106</sup> Sohirin M.Solihin, *Islamic Da'wah Theory and Practice*. (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008),4.

Berdasarkan penulisan yang memetik definisi Zaki Masy‘al, dakwah adalah kebangkitan ulama dan orang yang mempunyai kesedaran dalam agama dengan melaksanakan tugas mengajar orang ramai tentang ilmu yang menjadi pengajaran di dunia dan akhirat selain menggalakkan manusia berbuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Ianya juga sebagai misi untuk menyelamatkan manusia dari kesesatan dan kejahanatan.<sup>107</sup>

Al-Quran sebagai kitab rujukan rasmi umat Islam pastinya mempunyai jawapan tentang keperluan dakwah itu sendiri. Firman Allah S.W.T yang berkaitan tentang kewajipan berdakwah adalah melalui surah-surah seperti berikut:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Ali-Imran 3 : 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَكَانْ وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَكَانْ

مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

Yusuf 12: 108

<sup>107</sup> Sulaiman Ibrahim, “Metodologi Dakwah Terhadap Non-Muslim Dalam Al-Quran Al-Karim: Sorotan Terhadap Manhaj Jadual Da‘wi Para Nabi (a.s.),” dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 13.

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا  
ونَّ

عِنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ<sup>صَّ</sup>

أُولَئِكَ سَيِّدُنَّاهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (vi)

Al-Taubah 9: 71

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَ إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ (H)

Al-Fussilat 41: 33

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata:

"Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).

Melalui hadith juga turut menjadi sandaran tentang kewajipan berdakwah iaitu dari Abdullah bin ‘Amru bahawa Nabi S.A.W bersabda:

بَلَّغُوا عَنِّي وَلَوْ آتَيْتُهُ...<sup>108</sup>

Terjemahan: Sampaikan dariku sekalipun satu ayat...<sup>109</sup>

Melalui dalil-dalil dari Al-Quran dan Hadith yang dikemukakan membuktikan bahawa dakwah merupakan satu tuntutan. Tuntutan tersebut pastinya mempunyai sebab-sebab tertentu. Dalam konteks dakwah kepada orang bukan Islam, antara faktor keperluannya adalah:

### **2.3.1 Kesejagatan Risalah Islam :**

Islam adalah agama untuk semua manusia dan ianya bersifat sejagat. Melalui sifat tersebut, Rasul juga diutuskan sebagai penyampai Risalah adalah bersifat membawa rahmat untuk seluruh alam. Alam tersebut meliputi seluruh makhluk di bumi yang mana bagi manusia keseluruhannya tanpa mengira kaum, bangsa, bahasa, warna kulit, keturunan mahupun sempadan geografi.<sup>110</sup> Mesej Islam itu harus diketahui oleh semua manusia dan keindahan agama Islam itu sendiri adalah kebaikan untuk semua makhluk termasuk haiwan dan sekalian ciptaan yang ada pada alam ini. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

---

<sup>108</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab Ahadith Al-Anbiya', Bab Ma dhukira 'an Bani Isrā'il, No. Hadis 3461. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad Bin Isma'il al-Bukhari, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī" (Kaherah : Dar al-Hadis, 2004), 2: 453.

<sup>109</sup> Lidwa Pusaka, "Shahih Bukhari: Kitab Hadits-Hadits Yang Meriwayatkan Tentang Para Nabi – Bab Bani Israel (No. Hadits 3202)," Laman Sesawang Lidwa Pusaka, dicapai 30 Julai 2013, <http://lidwa.com/app/>.

<sup>110</sup> Abdul Ghafar Haji Don, "Dakwah Non-Muslim: Konsep dan Tuntutan," dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 5.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا



Saba' 34: 28

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

Al-Anbiya' 21:107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

### 2.3.2 Merealisasikan Konsep Khilafah dan ‘Ubudiyyah:

Penciptaan manusia di muka bumi ini adalah dengan tujuan yang satu iaitu menghambakan diri kepada Allah dengan melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah. Antara tugas terbesar yang dipertanggungjawabkan bagi manusia adalah menjadi khalifah iaitu pemimpin serta pengurus bagi diri sendiri, ahli keluarga, masyarakat, negara dan umat Islam serta manusia keseluruhannya. Tanggungjawab inilah yang disebut sebagai dakwah.<sup>111</sup> Hal ini termaktub dalam Al-Quran yang menyatakan:

<sup>111</sup> Abdul Ghafar Haji Don, “Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan,” dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009),6.

وَمَا حَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Al-Zariyat 51: 56

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ

يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُنَقِّدُ سُلْكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا

تَعْلَمُونَ .

Al-Baqarah 2: 30

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِنْهُمْ لَزَكُورٌ وَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ

وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِنْقَبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤٢﴾

Al-Hajj 22: 41

Terjemahan: Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat

kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

### 2.3.3 Membentuk Masyarakat Mulia

Agama Islam bersamanya membawa mesej keamanan, kedamaian, keharmonian dan kasih sayang. Ianya merupakan satu cita-cita dan juga idealisme yang pastinya semua manusia inginkannya. Justeru, impian ini perlu diterjemahkan melalui usaha dakwah ke seluruh manusia. Jika dilihat maksud Islam itu sendiri adalah kesejahteraan, maka mesej kesejahteraan Islam itu perlu disebar luas melalui dakwah termasuk kepada orang bukan Islam.<sup>112</sup> Allah berfirman:

يَأَهْلَ الْكِتَبِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ

تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَعْفُوا عَنِ الْكَثِيرِ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ أَنَّ اللَّهَ نُورٌ

وَكِتَبٌ مُبِينٌ ﴿١٦﴾ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبْلَ السَّلَمِ

وَيُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٧﴾

Al-Maidah 5: 15&16

Terjemahan: Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad, S.A.W) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu

<sup>112</sup> Abdul Ghafar Haji Don, "Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan," dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 6&7.

sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

وَإِنْ جَنَحُوا لِلّٰسِلْمِ فَأَجْنَحْ هَا وَتَوَكَّلَ عَلَى اللّٰهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦﴾

Al-Anfal 8: 61

Terjemahan: Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakalah kepada Allah. Sesungguhnya ia Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ تَجْرِي مِنْ

نَّحْتِهِمُ الْأَنْهَرُ فِي جَنَّتِ النَّعِيمِ ﴿١﴾ دَعَوْنَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللّٰهُمَّ وَتَحْيِيَهُمْ فِيهَا

سَلَامٌ وَءَاخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Yunus 10: 9 & 10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu. (Mereka masuk ke taman yang) sungai-sungainya mengalir di bawah tempat kediaman mereka di dalam syurga yang penuh nikmat. Doa ucapan mereka di dalam syurga itu

ialah Maha suci Engkau dari segala kekurangan Wahai Tuhan! dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah: Selamat sejahtera! dan akhir doa mereka ialah segala puji dipersembahkan kepada Allah yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

### 2.3.4 Masyarakat Yang Sakit:

Sakit yang dimaksudkan adalah sakit dari segi dalaman yang melibatkan kerohanian termasuk emosi yang menzahirkan tingkah laku yang negatif. Bagi masyarakat bukan Islam mereka sememangnya perlu dibimbing kepada petunjuk Allah, mereka juga perlu dibimbing bagi menyelesaikan pelbagai krisis yang dihadapi. Antaranya isu pemasalahan sosial yang tidak terkawal seperti seks, dadah, arak, penipuan, salah guna kuasa dan sebagainya.<sup>113</sup> Ini kerana Islam bersifat syumul dan menyediakan semua jawapan bagi setiap persoalan dan permasalahan manusia.

### 2.3.5 Pertarungan Yang Tidak Berkesudahan:<sup>114</sup>

Berdasarkan firman Allah S.W.T yang dicatatkan:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الظَّغْرُوتَ فَمِنْهُمْ

مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الظَّلَمَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا

كيف كات عقبة المكذيب

Al-Nahl 16: 36

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut".

<sup>113</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 8 & 9.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 13 & 14.

maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya.

Melalui ayat tersebut, Allah menerangkan bahawa manusia terbahagi kepada dua golongan iaitu yang mendapat petunjuk dan sebaliknya. Kedua-dua golongan tersebut masing-masing mempertahankan kepercayaan masing-masing dan menyebarkannya. Di situ lah pertarungan bermula. Pertarungan dilakukan dalam pelbagai bentuk penyebaran misalnya melalui pengetahuan, pemikiran mahupun berbentuk fizikal. Selain itu Allah juga turut mengingatkan umat Islam bahawa orang Yahudi dan Nasrani tidak pernah reda dengan agama Islam. Seperti firman Nya:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنِكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبَعَ مِلَّهُمْ قُلْ إِنَّ هُدًى اللَّهِ هُوَ

أَهْدَىٰ وَلَئِنْ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ

وَلِيٰ وَلَا نَصِيرٌ

Al-Baqarah 2:120

Terjemahan: Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga Engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar" dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau

akan peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu.

Justeru, dakwah kepada orang bukan Islam perlu dilaksanakan bagi mengajak seramainya menuju petunjuk jalan yang lurus melalui agama Islam yang direddai Allah. Kewajipan berdakwah kepada orang bukan Islam adalah sesuatu yang amat dititik beratkan dalam Agama Islam. Pastinya kewajipan tugas ini direalisasikan dengan metodologi pelaksanaan bagi membolehkan inti pati ajaran Islam dapat disampaikan dan diterima seterusnya menarik minat dan sebagai wasilah kepada pemberian hidayah Allah kepada golongan orang bukan Islam terhadap agama yang direddai selamanya iaitu Islam.

## **2.4 METODE DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM DI MALAYSIA**

### **2.4.1 Pengenalan Metode Dakwah**

Jika merujuk kepada salah satu definisi dakwah ianya menjelaskan bahawa dakwah secara ilmu dan seninya bermaksud seni yang membahaskan tentang cara yang munasabah untuk mengajak orang lain tentang Islam.<sup>115</sup> Maka ilmu dakwah tidak dapat lari dari perbincangan mengenai metode dakwah. Metode atau perkataan sempurnanya adalah metodologi didefinisikan sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan disiplin dan sebagainya.<sup>116</sup>

Istilah tersebut merupakan perkataan yang berasal dari bahasa asing dan telah diiktiraf sebagai istilah yang turut digunakan di dalam Bahasa Melayu. Bagi Bahasa Arab, istilah metodologi diertikan sebagai *nizām*<sup>117</sup>, *uslūb*, *sabil*, *tariq*, *shāri‘*, *maslak*, *manhaj* dan juga *darbun*.<sup>118</sup> Metode juga dimaksudkan sebagai sesuatu yang digunakan untuk mencapai matlamat dan tujuan. Jika matlamat dan tujuan berbeza maka metode yang digunakan juga berbeza. Metode yang baik adalah mempunyai dua ciri iaitu mudah dan sistematik.<sup>119</sup>

Maka metodologi dakwah disimpulkan pengertiannya sebagai ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah atau kajian tentang cara dakwah. Ianya juga difahami sebagai ilmu yang istimewa atau disiplin yang menekankan soal bagaimana untuk berdakwah yang melibatkan cara, pengertian,

---

<sup>115</sup> Abdul ‘Azīz Barghūth. *Manāhij al-Da’wah fi al-Mujtama’ al-Muta’adid al-Adyān Wal Ajnās* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 18.

<sup>116</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1030, entri “metodologi”.

<sup>117</sup> Badlihisham Mohd Nasir. *Da’wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 27

<sup>118</sup> Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Kamus Syawarifīyyah* (Jakarta: Ciputat Press, 2009), 74

<sup>119</sup> Mohd Yusof Hussain, “Methods In Contemporary Islamic Da’wah,” dalam *Readings In Islamic Da’wah*, ed. Mohd.Yusof Hussain (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,2009),59.

perancangan dan sebarang penghubung kepada persembahan secara sistematik untuk menyebarkan risalah Islam<sup>120</sup>.

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin, perkataan metode, *uslūb*, *manhaj*, pendekatan, cara atau kaedah mengandungi pengertian yang sama. Metodologi dakwah merupakan salah satu perkara asas dalam komponen dakwah. Komponen ini sangat signifikan dalam dakwah kerana ianya merupakan penggunaan cara yang teratur dalam menyampaikan mesej dakwah untuk mempengaruhi sasaran dakwah.<sup>121</sup>

Menurut *Al-Bayānūnī*, metodologi dakwah juga diertikan sebagai sistem dakwah dan juga perancangan rasmi dakwah. Beliau mengklasifikasikan metodologi dakwah kepada empat bahagian iaitu yang melibatkan (1) sumber, (2) kandungan, (3) sifat dan (4) fokus. Dari segi sumber, metodologi dakwah mempunyai dua bahagian iaitu *rabbaniyyah* yang terdapat di dalam Al-Quran dan Hadith serta melalui *bashariyah* iaitu dari ulama dan fuqaha. Seterusnya dari segi metodologi kandungan dipecahkan kepada kaedah akidah, ibadah, kemasyarakatan, ekonomi, pertahanan, politik, kesihatan dan sebagainya. Manakala dari segi sifat dalam pecahan metodologi dakwah merujuk kepada dakwah berbentuk interpersonal atau *fardiyah* dan juga secara berjemaah serta kepada muslim dan juga bukan muslim. Pecahan keempat di dalam metodologi dakwah adalah dari segi fokus. Fokus di sini merujuk kepada fitrah insan yang terbahagi kepada tiga metodologi iaitu metodologi emosi, metodologi logik dan metodologi pancaindera.<sup>122</sup>

---

<sup>120</sup> Badlihisham Mohd Nasir., *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 27

<sup>121</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,2001),3.

<sup>122</sup> Al-Bayānūnī, *Al-Madkhāl Ila 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 195-198.

Prinsip-prinsip yang perlu diperhatikan dalam metodologi dakwah dapat dilihat dari prinsip yang diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad S.A.W yang mana prinsip ini diambil kira dalam menjalankan dakwah kepada orang Islam maupun orang bukan Islam. Antara prinsip tersebut adalah:<sup>123</sup>

1. Mengimani Allah S.W.T dengan kebijaksanaan iaitu mampu melihat kebenaran Islam dalam realiti kehidupan secara rasional tidak hanya semata beriman tanpa memahami kebenarannya.
2. Menyayangi seluruh makhluk dan manusia tanpa had dan sempadan.
3. Menjadikan dakwah sebagai matlamat utama kehidupan.
4. Melaksanakan apa yang disampaikan kepada orang lain. Iaitu apa yang disampaikan harus diamalkan juga pada diri sendiri.
5. Menyampaikan sesuatu ajaran Islam dengan berhikmah
6. Mempersembahkan mesej ajaran dengan cara yang betul dan wajar
7. Tidak memaksa
8. Tidak mengharapkan imbalan material dalam tugas berdakwah
9. Pengawalan emosi yang baik dalam apa juga keadaan
10. Pendakwah yang berkualiti melalui penyampaian yang jelas dan mudah difahami
11. Menjauhi sifat angkuh

---

<sup>123</sup> Muhammad Mumtaz Ali, “The Methodological Principles Of Da’wah of The Prophet Muhammad S.A.W,” dalam *Readings In Islamic Da’wah* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2009), 44-57.

## 2.4.2 Metode Dakwah Mencegah Kemungkaran

Seperti yang dinyatakan pada bab satu, kajian ini memberi fokus kepada metode dakwah mencegah kemungkaran kepada orang bukan Islam. Maka perbincangan metode dakwah pada bahagian ini hanya membincangkan dari sudut mencegah kemungkaran sahaja.

Satu dari definisi dakwah melalui pelaksanaan penyampaian bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk mendapatkan kebahagiaan dan terhindar dari kesesatan dan kejahatan<sup>124</sup>. Maka secara prinsipnya dakwah adalah mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Ini dapat dilihat melalui firman-firman Allah S.W.T seperti berikut:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ali Imran : 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

<sup>124</sup> Abdul 'Aziz Barghuth. *Manāhij al-Da'wah fi al-Mujtama'* al-Muta'adid al-Adyān Wal Ajnās (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 15.

كُنْتُمْ حَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ<sup>۴</sup>

Ali Imran : 110

Terjemahan: Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah.

Kalimah mungkar ditakrifkan sebagai berlawanan dengan kebaikan iaitu apa-apa yang diketahui sebagai sesuatu yang buruk secara naqli dan aqli. Menurut Ibn Hajar, mungkar itu adalah ingkar kepada suruhan Allah dan kerana itulah maksiat dianggap perkara mungkar kerana orang beriman tidak melakukan maksiat dan melakukan maksiat adalah bermaksud mengingkari Allah S.W.T.<sup>125</sup> Mungkar lebih umum dari maksiat iaitu mungkar adalah larangan dalam syarak.

126

Mungkar adalah sesuatu yang diingkari oleh manusia dan dibenci dari perkara yang dilarang oleh syarak. Mencegah kemungkaran bermakna berani untuk bertembung, mengalahkan lawan serta semangat mencabar dan membela. Ianya lebih berbahaya dan lebih sukar dari mengajak kepada kebaikan.<sup>127</sup>

<sup>125</sup> Khālid bin ‘Usmān Al-Sabt, *Al-Amr Bi al- Ma’ruf Wa al-Nahyu ‘an al-Mungkar Uṣūluhu Wadawābiṭuhu Waādābuḥu* (Riyadh: Al-Bayān, 1995), 26.

<sup>126</sup> *Ibid.*, 151.

<sup>127</sup> Hamman Said, *Asas-Asas Berdakwah Ke Jalan Allah*, terj. Mohd Fairooz Mohd Fathillah et al., (Seri Kembangan: Jawatan Kuasa Tarbiah Pertubuhan IKRAM, 2013), 223 & 228.

Terdapat syarat yang dianjurkan oleh Imam Al-Ghazali dalam mencegah kemungkaran. Pertama, hendaklah perbuatan tersebut benar-benar kemungkaran yang jelas larangannya dari segi hukum syarak. Kedua, kemungkaran yang dilakukan tersebut adalah disaksikan secara jelas bukan mengintip atau sengaja mencari kesalahan. Ketiga adalah kemungkaran yang diketahui itu adalah tanpa ijihad kerana apabila wujud ijihad maka tidak perlu diperselisihkan. Maka yang wajib diingkari adalah perkara yang disepakati larangannya.<sup>128</sup>

Peringkat-peringkat mencegah kemungkaran mengandungi beberapa langkah seperti berikut: (1) Memberi penjelasan iaitu menjelaskan apa yang ditegah dalam perbuatan tersebut kerana perbuatan mungkar itu mungkin dilakukan tanpa mengetahuinya atau kerana kebodohnya. Penerangan mestilah bermula dengan lemah lembut, ramah tamah dan tanpa kekerasan supaya boleh menyebabkan perkara mungkar itu ditinggalkan. (2) Memberi nasihat dengan cara *targhib* (meransang dengan ganjaran) dan *tarhib* (menakutkan dengan azab) dengan kasih sayang, belas kasihan dan rahmat. (3) Melarang dengan nada kekerasan dan paksaan tetapi menghindari cara yang kasar dan tidak sopan serta menjauhi perkataan maki dan penghinaan. Tetapi cara ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa dan perkataan yang digunakan mestilah ringkas dan benar. (4) Melarang dengan menggunakan kuasa sebagai usaha terakhir. Bagi rakyat, mereka berhak menggunakan tangan dengan kadar mereka tetapi bagi kerajaan dan pemerintah adalah menggunakan undang-undang mahupun kekerasan tenaga.<sup>129</sup>

---

<sup>128</sup>Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Al-Dimasqi, *Mutiara Ihya' Ulumuddin*, terj. Panel Penterjemah (Shah Alam: Illusion Network, 2011), 540-542.

<sup>129</sup>*Ibid.*, 542-546.

Metode mencegah kemungkaran dapat difahami lagi melalui hadis dari Baginda Nabi S.A.W iaitu daripada Abi Sa'id Al-Khudri RA berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْرِّهْ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانَهُ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَقَلْبَهُ  
وَذَلِكَ أَضَعَفُ الْإِيمَانِ.<sup>130</sup>.

Terjemahan: Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubah dengan tangannya, jika tidak mampu hendaklah dilakukan dengan lidahnya dan jika tidak mampu hendaklah dengan hatinya. Demikian itu selemah-lemah Iman.”<sup>131</sup>

Melalui hadis ini Rasul mengajarkan umat manusia bahawa jika melihat kemungkaran maka perlu ditegah dengan tiga cara utama iaitu dengan tangan, lidah dan juga hati. Menurut Zulkifli Al-Bakri, cara mengubah dengan tangan ialah menggunakan kekuatan atau kekuasaan orang menurut cara yang lebih berkesan. Bukan dengan cara yang membawa pertumpahan darah atau menimbulkan kekacauan yang lebih dahsyat bencananya dari perbuatan mungkar itu sendiri. Mengubah dengan lidah pula setelah tidak dapat menggunakan tangan. Ini dibolehkan jika ada faedah atau kesannya kerana dapat diterima dan dipatuhi nasihat atau tunjuk ajar kemudian perkara mungkar itu dihentikan. Kemudian mengubah dengan hati setelah kedua-dua cara sebelumnya gagal dan tidak memberi kesan. Maka itu adalah tanda selemah-lemah iman.<sup>132</sup>

<sup>130</sup> Hadis riwayat al-Nawawī, Kitab *Matan Al-Arba 'in al-Nawawī*. no.Hadis 34 (Kaherah: Dar Ihya' Al Kutub Al-'Arabiyyah, t.t.), 55-56.

<sup>131</sup> Abdul Ghafar Haji Don, “Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan,” dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009),2.

<sup>132</sup> Zulkifli Al-Bakri, “Perintah Mencegah Kemungkaran”, laman sesawang *Koleksi Tulisan Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri*, dicapai 28 Mac 2014, <http://zulkiflialbakri.blogspot.com/2009/08/perintah-mencegah-kemungkaran.html>

Menurut Hadi Awang basarkan pandangan sesetengah ulama mengatakan bahawa yang mempunyai kemampuan itu adalah kerajaan. Kerajaan berupaya menyuruh kepada perkara yang baik dan mencegah kemungkaran dengan tindakan undang-undang. Termasuk juga ibu bapa iaitu berkuasa terhadap anak-anak mereka. Jika anak-anak mereka melakukan kemungkaran termasuk tidak mengerjakan solat maka menjadi tanggungjawab ibu bapa menggunakan kuasa yang ada pada mereka termasuk menggunakan tangan bagi mengubah perbuatan mungkar yang dilakukan oleh anak-anak mereka.<sup>133</sup>

Menurur Hammam Said, mencegah kemungkaran dengan tangan adalah melalui kerajaan Islam dan pemimpin Islam serta individu muslim dalam beberapa keadaan yang mereka berupaya untuk mencegah.<sup>134</sup>

Mencegah kemungkaran menggunakan lidah pula adalah dakwah *bi al-lisān* iaitu nasihat dengan kata-kata yang memberi peringatan dan amaran. Hal ini dapat difahami melalui firman Allah S.W.T iaitu:

أَدْعُ إِلَيْ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَهِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

<sup>133</sup> Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, “Tafsir al-Maidah ayat 79: Cegah Mungkar Dengan Kekuasaan”, laman sesawang *Laman Rasmi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang*, dicapai 28 Mac 2014, [http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=56:tafsir-al-maidah-ayat-79-cegah-mungkar-dengan-kekuasaan&catid=21:tafsir-al-quran&Itemid=108](http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=56:tafsir-al-maidah-ayat-79-cegah-mungkar-dengan-kekuasaan&catid=21:tafsir-al-quran&Itemid=108).

<sup>134</sup> Hamman Said, *Asas-Asas Berdakwah Ke Jalan Allah*, terj. Mohd Fairooz Mohd Fathillah et al., (Seri Kembangan: Jawatan Kuasa Tarbiah Pertubuhan IKRAM, 2013), 231.

Perkataan hikmah sinonim dengan perkataan *hukm* di dalam Bahasa Arab yang bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Maksud yang lebih umum dinterpretikan sebagai sains dan falsafah serta sesuatu yang dilakukan dengan ilmu yang luas<sup>135</sup>. Hikmah juga diterangkan sebagai kebijaksanaan yang digunakan pada keadaan yang sesuai dan sasaran yang sesuai juga pada masa yang sesuai. Metode hikmah juga dilaksanakan dalam pelbagai gaya iaitu cara lembut dan juga keras. Namun hikmah itu bermula dengan lembut kerana kelembutan lebih memberi keselesaan.<sup>136</sup>

Diantara kelembutan dalam metode hikmah dalam berdakwah melalui tauladan yang ditunjukkan melalui Sirah Nabawiyyah adalah melalui firman Allah S.W.T kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s :

اذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْنَا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ تَخْشَىٰ

Taaha 20: 43 & 44

Terjemahan: Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya."Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut.

Bagi metode hikmah dengan cara kekerasan pula dapat dirujuki melalui ayat berikut:

---

<sup>135</sup>Badlihisham Mohd Nasir, *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 28 & 29.  
<sup>136</sup>Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 10.

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدُ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظُ عَلَيْهِمْ وَمَا وَعَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبَئْسَ

آلَّمَصِيرُ

Al-Tahrim 66: 9

Terjemahan: Wahai Nabi! Berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka *Jahannam*, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.

Manakala metode nasihat pula adalah suatu bentuk ajaran, petunjuk yang baik dan juga sejenis peringatan<sup>137</sup>. Pelaksanaannya boleh dilakukan dalam bentuk perkataan dan juga perbuatan. Tetapi lebih tertumpu kepada perkataan kerana berdasarkan penjelasan *Al-Bayānūni*. Beliau menjelaskan bahawa bentuk nasihat adalah termasuk<sup>138</sup>:

1. Perkataan yang jelas, lembut dan halus.
2. Penerangan yang lembut dan dapat difahami
3. Sindiran atau kiasan yang beradab
4. Kisah jenaka
5. Mengingatkan tentang nikmat yang membawa kepada kesyukuran
6. Penjelasan tentang pujian dan cercaan Allah
7. Rangsangan dan ugutan
8. Penjelasan tentang janji dan pertolongan Allah
9. Mengingatkan tentang ketahanan dalam ujian dan kesabaran

<sup>137</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) 1071, entri “nasihat”.

<sup>138</sup> Al-Bayānūni, *Al-Madkhāl Ila 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 259.

Keistimewaan yang ada pada metode nasihat ini adalah perkataan yang lembut dan sesuai dengan golongan sasaran serta kepelbagaian bentuk boleh disesuaikan dengan keadaan sasaran serta kesannya sesuai dengan jiwa manusia.<sup>139</sup>

Metode perbahasan pula adalah masing-masing mengeluarkan hujah untuk mempertahankan fakta. Cara ini dianggap paling baik kerana jika dilakukan dengan cara yang terbaik maka kesannya amat positif kepada penerangan dakwah. Ini disebabkan melalui perbahasan atau perbincangan wujudnya soal jawab yang menjadikan manusia lebih berfikir secara logik dan fitrah tentang sesuatu kebenaran.

Menurut Mohd Yazid, salah satu dari metode dakwah kepada orang bukan Islam adalah melalui ilmu perbandingan agama. Menguasai ilmu perbandingan agama bermaksud memahami secara jelas setiap ajaran dan fenomena agama untuk mendatangkan hujah.<sup>140</sup> Antara tokoh yang mahir dalam bidang ini di era kontemporari adalah Allahyarham Ahmad Deedat<sup>141</sup> dan juga Dr Zakir Naik<sup>142</sup>.

Metode ini memerlukan adab dan kawalan emosi bagi memastikan keberkesanannya. Keistimewaan metode ini adalah dilaksanakan dengan penguasaan ilmu yang mantap, alasan dan hujah yang diberikan konkret dan meyakinkan serta mendapat kesan yang pelbagai seperti kepuasan fikiran.<sup>143</sup>

<sup>139</sup> Al-Bayānūnī, *Al-Madkhāl Ilā 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 261.

<sup>140</sup> Mohd Yazid Saad, "Aplikasi Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pendekatan Dakwah Non Muslim: Kajian Terhadap Program Islamic Outreach ABIM" (Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 41.

<sup>141</sup> Sheikh Ahmed Hoosen Deedat Al-Hafiz adalah seorang cendekiawan Muslim dalam bidang perbandingan agama. Beliau merupakan seorang pengarang, pensyarah, dan juga pemidato. Beliau dikenali dunia sebagai salah seorang pakar pembicara yang aman handal khususnya dalam sesi perdebatan umum tentang masalah keagamaan Islam bersama agama-agama lain. Beliau juga merupakan presiden bagi Islamic Propagation Centre International (IPCI). Sila rujuk: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Ahmed\\_Deedat](http://ms.wikipedia.org/wiki/Ahmed_Deedat).

<sup>142</sup> Dr. Zakir Abdul Karim Naik merupakan seorang Doktor Perubatan. Beliau meninggalkan kerjayanya demi kegiatan dakwah secara sepenuh masa. Beliau juga merupakan pengasas dan presiden Islamic Research Foundation (IRF), Mumbai, India. Terkenal dengan kebolehan dalam berdebat tentang perbandingan agama dengan pakar-pakar dari agama lain. Beliau juga menjadikan Ahmad Deedat sebagai inspirasi dalam bidang ini. Sila rujuk : Dr. Zakir Abdul-Karim Naik, *20 Soalan Paling Lazim Tentang Islam* (Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, 2012), Halaman Belakang.

<sup>143</sup> Al-Bayānūnī, *Al-Madkhāl Ilā 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 267-268.

Pengkaji berpandangan bahawa, perbezaan antara ketiga-tiga metode tersebut iaitu hikmah, nasihat dan juga perbahasan adalah pada fokus penyampaian sahaja. Ini kerana metode hikmah boleh dilaksanakan dalam bentuk lisan dan juga perbuatan. Manakala metode nasihat dan metode perbahasan lebih menjurus kepada penggunaan lisan. Pastinya metode nasihat dan juga perbahasan perlu dilaksanakan dalam kerangka metode hikmah bagi memastikan kejayaan dalam melaksanakan dakwah.

Mencegah menggunakan hati pula adalah menzahirkan sikap rasa benci terhadap kemungkar yang dianggap sudah wajar bagi orang yang beriman yang dirasakan sesuai dengan kadar kemampuannya. Sikap ini adalah kerana dorongan iman dan kecintaan kepada Allah. Membenci perkara yang dibenci oleh Allah. Disebabkan itu sesiapa yang tidak membenci kemungkar di dalam hatinya maka itulah yang dianggap selemah-lemah iman.<sup>144</sup> Kemampuan itu berbeza dan Allah meraikannya sebagaimana Firman Nya :

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا أَسْتَطَعْتُمْ

At-Taghabun 64:16

Terjemahan: Bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu

Mengubah dengan hati juga adalah suatu bentuk jihad iaitu merasa marah terhadap kemungkar dan benci kepada kezaliman. Jihad hati bukan satu perkara negatif malah Rasul S.A.W juga menjadikannya sebagai satu dari cabang iman. Jihad menentang kerosakan adalah kemestian demi menyelamatkan umat daripada kejahatan.<sup>145</sup>

<sup>144</sup> Abdul Karim Zaidan, *Usul Da'wah* (Beirut: Mu'assasah Al-Risalah, 2000), 484.

<sup>145</sup> Yusuf Al-Qaradhawi, *Fiqh Jihad*, terj. Fauwaz Fadzil (Batu Caves: PTS Islamika, 2013), 245.

### **2.4.3 Metode Mencegah Kemungkaran kepada Orang Bukan Islam di Malaysia**

Asas kepada pencegahan sesuatu kemungkaran adalah menggunakan tiga kaedah umum iaitu menggunakan tangan, lisan dan juga hati. Ketiga-tiga kaedah asas ini perlu diaplikasi menggunakan metode khusus mencegah kemungkaran khususnya kepada orang bukan Islam dari kalangan bangsa cina.

Pelaksanaan metode dakwah harus mengandungi gaya atau *uslub* dakwah. Ianya harus selaras dengan psikologi dan fitrah manusia. *Uslub* dakwah ini dilaksanakan mengikut turutan iaitu bermula dengan memberi pengetahuan atau kefahaman, kemudian menasihati, seterusnya adalah bertindak tegas sehingga sampai kepada tahap kepada menggunakan kekerasan.<sup>146</sup> Ini bergantung kepada keadaan dan keperluan. Diantara metode dakwah yang boleh diaplikasi dalam mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam khusus dari kalangan bangsa cina adalah seperti berikut:

#### **2.4.3.1 Memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak mereka**

Sebelum sesuatu kemungkaran itu dicegah pemahaman yang menyeluruh tentang anutan agama bagi setiap bangsa. Disamping itu juga pendakwah mesti memahami mereka dari sudut psikologi, mental, mazhab anutan agama masing-masing yang membawa kepada perbezaan cara hidup, etika, fahaman, budaya dan kepercayaan.<sup>147</sup>

---

<sup>146</sup> Abdul Karim Zaidan, *Usul Da'wah* (Beirut: Mu'assasah Al-Risalah, 2000), 252.

<sup>147</sup> Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng, "Methodology Of Da'wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation," *Journal of Ulum Islamiyah* 5, no.1 (2006), 65.

Pendakwah perlu mempelajari bahasa, budaya, adat dan norma mereka agar komunikasi dapat dilakukan<sup>148</sup> dengan mencari minat dan kecenderungan mereka misalnya berbicara soal perniagaan dan keuntungan atau kesihatan dan kaitkan dengan penciptaan oleh kuasa dari Pencipta.<sup>149</sup>

Disamping itu juga amat penting bagi pendakwah untuk mengetahui hak mereka yang perlu diraikan yang melibatkan keselamatan, maruah, kebebasan beragama dan cara hidup juga keadilan di dalam pemerintahan orang Islam dan hak mereka sebagai *dhimmi*. Hak orang bukan Islam sewajarnya dihormati dan diraikan oleh orang Islam selagi tidak menggadaikan maruah agama Islam itu sendiri. Islam sendiri menghuraikan konsep hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia iaitu turut melibatkan hubungan dengan orang bukan Islam. Sebagaimana firmanNya:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْدِلْلَةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنْ أَنَّاسٍ ....

Āli-‘Imrān 3 :112

Terjemahan: Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia.

<sup>148</sup> Osman Chuah Abdullah, *Preaching To The Non Muslim Chinese In Malaysia* (Gombak: IIUM, 2009), 83.

<sup>149</sup> Dr. Razali Nawawi (Mantan Presiden, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) tahun 1972), dalam temubual dengan pengkaji, 9 Julai 2013. ABIM ialah sebuah gerakan Islam yang ditubuhkan pada tahun 1972. ABIM dianggap sebagai jurubicara ummah kerana sentiasa kedepan dalam membawa isu-isu masyarakat termasuk dalam usaha dakwah. Siddiq Fadzil, “Islamic movement in the ‘90s: Vission and Strategy In Malaysia,” dalam *Modern Islamic Movements*, ed. Muhammad Mumtaz Ali (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2000), 211, 216-218.

Antara hak yang layak diterima oleh orang bukan Islam adalah berkaitan dengan hak kehidupan yang mana manusia di sisi Allah lebih tinggi darjatnya dari makhluk lain walau apa agama yang dianuti sekalipun. Seterusnya hak wanita bukan Islam yang perlu dijaga maruahnya, hak keselamatan dan maruah, hak berbahasa, budaya, agama dan bidang pekerjaan. Selain itu adalah hak mendapatkan keadilan. Antara firman Allah yang menyentuh tentang perihal kaitan tersebut adalah :

يَنَّا إِنَّا أَنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمُكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَىكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ حَسِيرٌ ﴿٤٩﴾

Al-Hujurat 49 : 13

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Al-Baqarah 2: 256

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)

قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُوْنَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُوْنَ مَا  
أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُُمْ ﴿٤﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُوْنَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ  
دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ

Al-Kāfirūn 109: 1-6

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir!."Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang Aku sembah. "Dan Aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat."Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara Aku beribadat."Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

قُلْ أَمْرِ رَبِّي بِالْقِسْطِ

Al-A'raf 7 : 29

Terjemahan: Katakanlah: "Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara)

#### **2.4.3.2 Menghilangkan salah tanggapan pada agama Islam**

Pelbagai persoalan negatif perlu dihilangkan di dalam pemikiran orang bukan Islam bagi memudahkan proses seterusnya dalam mesej dakwah. Tanggapan yang perlu dijelaskan adalah berhubung dengan isu:<sup>150</sup>

- a. Perbezaan antara Melayu dan Islam
- b. Islam dan Identiti bangsa
- c. Memeluk Islam bukan bereti menjadi Melayu
- d. Konsep keadilan dalam Islam
- e. Konsep kebebasan dalam Islam
- f. Berpakaian dalam Islam
- g. Islam dan Alam Sekitar
- h. Islam dan kemajuan Sains
- i. Hukum Islam
- j. Sebab-sebab kemunduran orang Islam
- k. Silap faham dan penyelewengan terhadap Islam
- l. Islam untuk seluruh manusia
- m. Hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam

---

<sup>150</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 187.

### 2.4.3.3 Menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan

Penerangan sebab sangat penting bagi mengukuhkan sesuatu suruhan dan larangan disamping bersesuaian dengan logik pemikiran manusia. Misalnya Allah memerintahkan solat kerana solat dapat mencegah dari keburukan. Manakala Allah melarang pengambilan arak, judi dan permusuhan kerana mendatangkan keburukan. Sepertimana firman Allah S.W.T:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ<sup>٤</sup>

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Al-Ankabut 29: 45

Terjemahan: Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْحَمْرِ وَالْمَيْسِرِ

وَيَصْدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

Al-Māidah 5: 91

Terjemahan: Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Penjelasan pula mestalah nyata keterangannya. Iaitu diberikan secara jelas supaya dapat difahami dengan tepat. Jika dilihat dari perspektif prinsip komunikasi, dikategorikan kepada dua iaitu suruhan dan larangan.<sup>151</sup> Maka dalam dakwah penjelasan tentang suruhan dan larangan mesti jelas supaya sasaran dakwah memahami apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak. Sebagaimana firman Allah S.W.T :

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا فَإِن تَوَلَّتُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا

الْبَلْغُ الْمُبِينُ

Al-Māidah 5 : 92

Terjemahan: Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasul Allah, dan awaslah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan RasulNya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut apa yang diperintahkan itu), maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata.

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ

Yāsin 36: 17

Terjemahan: Dan tugas Kami hanyalah menyampaikan perintah-perintahNya dengan cara yang jelas nyata.

<sup>151</sup> Mohd Yusof Hussain. (2009). “Principles of Communication In Islamic Da’wah”, *Readings In Islamic Da’wah*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. h. 69.

Melalui hadis juga turut menjelaskan bahawa cara Nabi S.A.W berbicara adalah sebagaimana yang diriwayatkan dari Anas R.A, Nabi S.A.W:

أَنَّهُ كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعْدَاهَا ثَلَاثًا حَتَّىٰ تُفْهَمَ عَنْهُ، وَإِذَا أَتَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ فَسَلَّمَ

عَلَيْهِمْ، سَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلَاثًا.<sup>152</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi, apabila beliau mengucapkan satu patah kata, diulangnya sampai tiga kali, sehingga orang mengerti maksudnya. Apabila Nabi datang kepada satu kaum, beliau memberi salam kepada mereka sampai tiga kali.<sup>153</sup>

Segala ajaran Islam mestilah disampaikan dengan cara yang mudah kerana hakikatnya Islam itu mudah dan memberi kelonggaran hukum pada manusia atas alasan yang munasabah mengikut keadaan sasaran. Ini merujuk pada firman Allah S.W.T:

...يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ...

Al-Baqarah 2: 185

Terjemahan: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Rasulullah juga turut berpesan iaitu:

أَحَبَّ الدِّينِ إِلَى اللَّهِ الْحَنِيفَةُ السَّمْكَةُ.<sup>154</sup>

Terjemahan: Sebaik-baik agama yang ditujukan kepada Allah itu ialah yang semurni-murninya dan yang semudah-mudahnya.<sup>155</sup>

<sup>152</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-'ilm, Bab Man a'ada al hadis thalathan liyufham 'anhu , No. Hadis 95. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad Bin Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari" (Kaherah : Dar al-Hadith, 2004), 1: 37.

<sup>153</sup> Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Fathul Bari*, terj. Abdul Aziz Abdullah Bin Baz (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010), 1: 364.

<sup>154</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-'ilm, no.Hadis 36. Lihat Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Kaherah: Lajnah ihya' Kutub Al-Sunnah, 1965), 1: 39.

#### 2.4.3.4 Berperingkat-peringkat (*Tadarruj*)

Larangan dan pengajaran secara berperingkat-peringkat adalah pengajaran yang diberikan secara sedikit demi sedikit dan bukan dalam bentuk sekaligus. Ianya bergantung kepada keadaan sasaran dakwah supaya pengajaran dapat diterima dengan baik dan rela tanpa paksaan. Melalui metode ini, sasaran dakwah lebih mudah memahami mesej yang disampaikan.

*Tadarruj* merupakan satu sunnah yang Allah cuba ajarkan kepada manusia supaya manusia mengambil pelajaran darinya. Sebagai contoh, Allah S.W.T menjadikan kejadian langit dan bumi ini selama enam hari. Ini bukan bermaksud Allah S.W.T tidak mampu menjadikannya dengan sekelip mata sahaja. Tetapi Allah ingin mengajarkan kepada kita manusia ini supaya tidak gopoh dalam melakukan sesuatu perkara.<sup>156</sup> Seperti firmaNya juga:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى

الْعَرْشِ مَا لَكُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٤﴾

Al-Sajadah 32: 4

Terjemahan: Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas ‘Arasy; kamu tidak akan beroleh sebarang penolong dan pemberi syafaat selain dari Allah; oleh itu tidakkah kamu mahu insaf dan mengambil iktibar (untuk mencapai keredaanNya)

<sup>155</sup> Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, terj. Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka Nasional, 2006), 1: 88.

<sup>156</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

Tiada dalil melalui Al-Quran yang menyatakan penyampaian dakwah harus berperingkat-peringkat, tetapi metode ini diambil kira melalui kaedah pensyariatan hukum Islam yang menggunakan kaedah yang sama. Antaranya kewajipan berzakat, berpuasa serta pengharaman arak.<sup>157</sup> Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Aishah R.A:

((...إِنَّمَا نَزَّلَ أَوَّلَ مَا نَزَّلَ مِنْهُ سُورَةً مِنْ الْفَصْلِ فِيهَا ذِكْرُ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ، حَتَّىٰ إِذَا ثَابَ

النَّاسُ إِلَى الْإِسْلَامِ، نَزَّلَ الْحَلَالَ وَالْحَرَامَ ، وَلَوْ نَزَّلْ أَوَّلَ الشَّيْءِ لَا تَشْرِبُوا الْخَمْرَ ، لَقَالُوا

: لَا نَدْعُ الْخَمْرَ أَبْدًا ، وَلَوْ نَزَّلْ لَا تَرْزُقُوا ، لَقَالُوا : لَا نَدْعُ الزِّنَا أَبْدًا...))<sup>158</sup>

Terjemahan: Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali diturunkan melalui Al-Quran ialah Surah dalam Mufassal, yang terdapat di dalamnya berhubung dengan syurga dan neraka. Selepas seseorang itu teguh dengan Islam, turunlah ayat-ayat yang menerangkan tentang perkara-perkara yang halal dan perkara-perkara yang haram. Seandainya Al-Quran yang mula-mula diturunkan berhubung dengan tegahan meminum arak, mereka akan berkata: Kami tidak akan meninggalkan arak sampai bila-bila pun. Kalau lah mula-mula diturunkan melarang tentang zina, mereka akan berkata: Kami tidak akan meninggalkan zina sampai bila-bila pun.<sup>159</sup>

<sup>157</sup> Ab.Aziz Mohd Zin (Pensyarah dan Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam temubual dengan pengkaji, pada 16 April 2012.

<sup>158</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Faḍā’il al-Quran, Bab Ta’līf al-Quran, No. Hadis 4993. Lihat Abu ‘Abd Allāh Muḥammad Bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” (Kaherah : Dar al-Hadith, 2004), 4: 345.

<sup>159</sup> Ab.Aziz Mohd Zin , *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 89-90.

### 2.4.3.5 Menjinakkan

Istilah jinak dimaksudkan sebagai tidak liar, ramah, bergaul, ramah tamah dan bermesra.<sup>160</sup> Iaitu mempengaruhi sasaran dakwah dengan apa saja cara yang positif supaya mudah didekati dan tidak menjauhkan diri. Mulakan dengan perbincangan yang menarik minat dan perhatian mereka sehingga akhirnya pendakwah mempunyai peluang untuk mengaitkan sesuatu perbincangan dengan agama Islam dan boleh memulakan bicara tentang konsep keagamaan disamping menjalinkan hubungan. Allah S.W.T berfirman:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنْ أَلَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِظًا لَّا تَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ

Āli-‘Imrān 3: 159

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

Rasulullah S.A.W juga berpesan, daripada Anas R.A: dari Nabi S.A.W bahawa beliau bersabda:

يَسِّرُوا، وَلَا تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا، وَلَا تُنَفِّرُوا.<sup>161</sup>

Terjemahan: Permudahkanlah dan jangan menyusahkan, gembirakanlah dan jangan membosankan.<sup>162</sup>

<sup>160</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 632, entri “jinak”.

<sup>161</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-‘ilm, Bab Mā Kana al-Nabi yatakhawwaluhum bil mau‘izati wal ‘ilm kay la yanfiru , No. Hadis 69. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Šaḥīḥ al-Bukhārī” (Kaherah : Dar al-Hadith, 2004), 1: 29.

<sup>162</sup> Muhammad b. Isma‘il Abu ’Abd Allah al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, terj, Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka Nasional, 2006), 1:154.

#### **2.4.3.6 Bersesuaian dengan keadaan sasaran**

Isi kandungan dakwah yang disampaikan harus ber sesuaian dengan tahap pemikiran golongan sasaran. Sudah menjadi fitrah bagi penciptaan manusia itu terdiri dari pelbagai jenis kondisi psikologinya. Persoalan utama bagi pendakwah adalah menentukan cara yang tepat dan efektif dalam menghadapi suatu golongan tertentu dalam keadaan tertentu dan suasana tertentu.

Sirah dakwah baginda Rasul S.A.W menyaksikan dakwah baginda adalah untuk semua golongan dan peringkat masyarakat samada orang bawahan hingga lah kepada orang atasan. Maka setiap kelompok sasaran dakwah akan didakwahkan dengan kadar kemampuan dan kefahaman yang mereka miliki.<sup>163</sup> Sepertimana kata-kata yang diucapkan oleh Saidina Ali R.A:

حَدَّثَنَا النَّاسَ إِمَّا يَعْرُفُونَ<sup>164</sup>

Terjemahan: Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham)<sup>165</sup>

---

<sup>163</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Dinamika dakwah Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini* (Petaling Jaya: Budaya Ilmu, 1992), 88.

<sup>164</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-‘ilm, Bab Man khas bi al ‘ilm i qauman duna qaumin karahiyah ‘an la yafhamu, Lihat Abū ‘Abd Allah Muḥammad Bin Ismā’īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” (Kaherah : Dar al-Hadith, 2004), 1: 46.

<sup>165</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,2001),84.

#### **2.4.3.7 *Targhib* dan *Tarhib***

*Targhib* bermaksud peransangan minat atau pendorongan.<sup>166</sup> Ianya adalah janji yang disertai dengan pujuhan dan menjadikan sasaran dakwah merasa senang dan gembira terhadap sesuatu perkara sekaligus mendorong mereka untuk terus melakukan sesuatu perkara agar mendapat ganjaran.<sup>167</sup> Manakala *tarhib* pula bermaksud pengganasan, penakutan dan juga pengancaman.<sup>168</sup> Iaitu ancaman dan siksaan sebagai akibat melakukan dosa atau kesalahan agar merasa takut untuk melakukannya pada masa akan datang.<sup>169</sup>

Kedua-dua metode ini boleh digunakan dalam mencegah kemungkaran dengan menjelaskan pencegahan yang dilakukan atas sesuatu perkara jika ditinggalkan akan mendapat kebaikan dan jika diteruskan maka berhadapan dengan sesuatu yang lebih teruk akibatnya.

Kaedah ini memerlukan penghujahan yang berilmu dan rasional dan bukannya dengan perasaan dan emosi dengan mengemukakan alasan yang jelas serta difahami. Hujah tersebut mestilah berasaskan keilmuan, pemikiran dan perkara yang menyentuh persoalan yang sedang berlaku dalam masyarakat.<sup>170</sup>

---

<sup>166</sup> *Al-Miftah*, Jil. 1 (Seremban: Al-Azhar Media, 2010), 458, entri “**تَرْغِيبٌ**“.

<sup>167</sup> Munawar Rahmat, “Model Pengajaran Targhib-Tarhib (Hukuman Ganjaran Qurani) Dalam Pendidikan Agama Islam” (Makalah Seminar Pelatihan Nasional Guru dan Dosen Pendidikan Agama Islam se Kalimantan) Peringkat Kebangsaan, Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin Indonesia, 2007), 4

<sup>168</sup> *Al-Miftah*, Jil. 1 (Seremban: Al-Azhar Media, 2010), 461, entri “**تَهْبِيبٌ**“.

<sup>169</sup> Munawar Rahmat, “Model Pengajaran Targhib-Tarhib (Hukuman Ganjaran Qurani) Dalam Pendidikan Agama Islam” (Makalah Seminar Pelatihan Nasional Guru dan Dosen Pendidikan Agama Islam se Kalimantan) Peringkat Kebangsaan, Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin Indonesia, 2007), 4

<sup>170</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Dinamika dakwah Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini* (Petaling Jaya: Budaya Ilmu, 1992), 88.

#### **2.4.3.8 Kelembutan dan Kekerasan**

Mencegah kemungkaran boleh menggunakan uslub lembut mahupun keras kerana ianya bergantung kepada keadaan dan keperluan dakwah. Cara lembut adalah antara cara yang baik kerana lembut itu biasanya boleh melenyapkan kekasaran dan kesombongan.<sup>171</sup> Cara lembut ini adalah cara yang lebih dahulu diaplifikasi berbanding cara keras kerana dakwah itu bersifat lembut dan perlukan kelembutan. Sebagaimana firman Allah S.W.T :

اذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ رَطَغٌ فَقُولَا لَهُرْ قَوْلًا لَّيْنَا لَعَلَّهُرْ يَتَذَكَّرُ أَوْ تَخْشَى ﴿٤٤﴾

Taha 20: 43-44

Terjemahan: Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas dalam kekufurannya.Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut.

Walaubagaimanapun, berlemah lembut tidak sesuai dalam semua keadaan kerana sesetengah keadaan memerlukan ketegasan dan kekasaran. Islam mengharuskan penggunaan kekerasan untuk meneruskan gerak kerja dakwah tetapi ianya harus diatur dengan bijak dan mengukur kekuatan yang ada supaya terhindar daripada bahaya. Menggunakan kekerasan bukan bermaksud menceroboh tetapi untuk menyampaikan kebenaran kepada manusia yang berhak mendengar dan menerimanya.<sup>172</sup> Sebagaimana Allah S.W.T berpesan dalam firmanNya:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدْ الْكُفَّارَ وَالْمُنْفِقِينَ وَأَغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَا أَوْنُهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ

آلمَصِيرُ

<sup>171</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1997), 90-91.

<sup>172</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Dinamika dakwah Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini* (Petaling Jaya: Budaya Ilmu, 1992), 92-93.

Terjemahan: Wahai Nabi! berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.

#### 2.4.3.9 Mencegah menerusi undang-undang<sup>173</sup>

Undang-undang merupakan sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal atau dibuat oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan.<sup>174</sup> Undang-undang boleh dijadikan salah satu saluran dakwah yang sangat memberi impak kepada agenda pembangunan masyarakat. Di Malaysia, melalui perlombagaanya meletakkan bahawa Islam agama persekutuan tetapi agama-agama lain bebas diamalkan.

Menurut Abd Aziz, oleh kerana Islam yang dinyatakan tidak diertikan secara jelas maka perlu merujuk kepada pendapat ulama tentang maksud Islam yang menghasilkan bahawa Islam bukanlah satu ilhami Ilahi kepada setiap orang tetapi suatu penyampaian yang diperintahkan kepada Nabi Muhammad untuk melaksanakannya. Justeru penyampaian adalah sebahagian dari pengertian Islam maka jelas Islam itu mengandungi dakwah.<sup>175</sup> Bagi setiap negeri di Malaysia mereka berhak untuk menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri dan mentadbirnya mengikut undang-undang kerajaan tempatan.<sup>176</sup>

Disamping itu, dakwah yang paling berkesan adalah menerusi kerajaan iaitu menerusi pelaksanaan pentadbiran yang menepati syarak Islamiyah. Pelaksanaan undang-undang Islam mampu mendidik rakyat dan memberi kefahaman jelas tentang agama Islam terhadap orang bukan Islam dengan menerangkan hikmah

<sup>173</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 191.

<sup>174</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2010), 1768, entri “undang-undang”.

<sup>175</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya,1997), 191-192.

<sup>176</sup> Ab.Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* , 192

sistem pelaksanaan perundangan Islam.<sup>177</sup> Penerangan berkenaan kebaikan atau kesan positif dari sistem pelaksanaan perundangan Islam yang syumul iaitu sempurna terhadap sosioekonomi bernegara. Perbandingan mesti dibuat di antara falsafah Islam dengan falsafah agama-agama yang dianut oleh orang bukan Islam supaya mereka boleh melihat dan berfikir dengan logik akal.

Selain itu juga melalui penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.<sup>178</sup> Nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam pentadbiran yang sangat signifikan untuk diaplikasi adalah menerusi etika kerja Islam yang mementingkan soal amanah, tanggungjawab, kerjasama, jujur dan sebagainya yang dianggap nilai murni dan mulia. Selain itu termasuk usaha membanteras rasuah, membasmikan kemiskinan, mewujudkan keadilan sosial, meningkatkan produktiviti, mewujudkan masyarakat berintegriti, pengukuhan institusi keluarga, penekanan kepada pendidikan dan pencapaian ilmu pengetahuan serta sains dan teknologi.<sup>179</sup> Ini boleh dijadikan sebagai satu contoh dakwah *bi al-hāl* kepada orang bukan Islam kerana tarikan pada Islam itu banyak bergantung kepada kecantikan akhlak muslim itu sendiri.

Contoh yang terbaik sebagai sandaran bagi kesemua proses ini adalah melalui peristiwa hijrah Nabi S.A.W ke Madinah. Apabila Madinah dijadikan pusat pentadbiran kerajaan Islam dan Islam mempunyai kuasa maka mudah bagi Baginda mendidik umat Islam, bangsa Arab bagi memahami Islam dan menguasai kawasan-kawasan lain bagi mengiktiraf Islam. Maka sebab itu dakwah melalui kerajaan menerusi undang-undang memainkan peranan besar dan sangat penting.<sup>180</sup>

<sup>177</sup> Ibrahim Che Noh, "Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan Cabarannya," dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, ed. Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 86.

<sup>178</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 111.

<sup>179</sup> Mohd Roslan, "Nilai Islam Asas Bentuk Masyarakat Majmuk Harmoni", Laman sesawang IKIM, dicapai 26Februari2013,[http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=260&cmd=resetall](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=260&cmd=resetall).

<sup>180</sup> Fadhli Mohd Ghani (Pengarah Arkib Pusat Penyelidikan Pas Pusat, Pejabat Pas Pusat), dalam temubual dengan pengkaji, 20 disember 2012.

Justeru, pelaksanaan metode tersebut haruslah mengambil kira jenis *uslub* yang munasabah dan bersandarkan kepada prinsip yang digariskan melalui Al-Quran dan yang dipraktikkan oleh Baginda Rasul S.A.W. Firman Allah S.W.T:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

An-Najm 53: 3&4

Terjemahan: Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadaNya.

Manakala medium (*wasāil*) dakwah pula melibatkan sesuatu bidang yang boleh dijadikan perantara dalam melaksanakan dakwah. Ianya juga suatu perkara yang boleh dijadikan penghubung bagi membantu dalam menjayakan usaha dakwah. Allah S.W.T juga mengajarkan bahawa dalam menyampaikan sesuatu mestilah menggunakan sesuatu medium perantara. Buktinya adalah melalui ayat berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْتُمْ أَنْتُمُوا أَنْتُمُوا اللَّهُ وَآتَيْتُمُوهُ أَنْتُمُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَهْدُكُمْ فِي سَبِيلِهِ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Al-Maidah 5:35

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadanya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَى رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ

رَحْمَةً وَسَخَافُونَ عَذَابٌ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا

Al-Isra' 17: 57

Terjemahan: Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingkan diri kepada TuhanYa (dengan berbuat ibadat), sekali pun orang yang lebih dekat kepada TuhanYa, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya; Sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti.

Jenis medium dakwah ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu medium rohani dan medium material.<sup>181</sup> Medium rohani adalah melalui akhlak, doa, bersangka baik, ikhlas dan istiqamah. Bagi medium material pula melibatkan material bersifat fitrah, ilmiah dan juga amali. Material fitrah misalnya tabiat kata-kata dan pergerakan, material ilmiah pula melalui program atau penulisan dan material amali seperti melibatkan institusi antaranya masjid, pusat dakwah serta gerakan Islam.<sup>182</sup> Kesimpulannya medium dakwah dengan erti kata yang lebih luas adalah melibatkan kepelbagai bidang seperti menggunakan media, undang-undang,

<sup>181</sup> Al-Bayānūnī, *Al-Madkhāl Ilā ‘Ilm Al-Da’wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 282-283

<sup>182</sup> *Ibid.*, 283-284.

pendidikan, hiburan, sukan, ekonomi, aktiviti kesukarelawan, perubatan, fotografidan sebagainya.<sup>183</sup>

Metode dakwah khusus kepada orang bukan Islam dalam konteks masyarakat yang pelbagai seperti di Malaysia, ianya dibina melalui tiga proses penting iaitu pembelajaran, perdebatan dan juga interaksi.<sup>184</sup> Selain itu dalam proses pendakwahan kepada orang bukan Islam ini proses mengenali sangat penting kerana melalui pengenalan dapat disampaikan penerangan tentang Islam seterusnya membimbing mereka.

Menurut pandangan Mohammad Nidzam, prinsip yang wajar diberi perhatian dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam adalah (1) toleransi dan *tasāmuḥ*, (2) tidak terikat dengan kefahaman sesuatu mazhab sahaja, (2) mengutamakan perkara yang lebih utama, (3) tidak membawa isu-isu khilaf, (4) memberi contoh imej muslim yang baik.<sup>185</sup>

---

<sup>183</sup> Al-Bayānūnī, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah* (Madinah: Muassasah Al-Risalah, 1991), 290-291.

<sup>184</sup> Abdul 'Aziz Barghuth. *Manāhij al-Da'wah fi al-Mujtama'* al-Muta'adid al-Adyān Wal Ajnās (Gombak: IIUM Press, 2011), 316.

<sup>185</sup> Mohammad Nidzam "Bagaimana Berinteraksi Dengan Non Muslim dalam Konteks Malaysia" (Kertas Kerja, symposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor, Shah Alam, 23-24 Disember 2009), 2.

## **2.5 KESIMPULAN**

Bab dua ini menyimpulkan satu landasan teori yang menjadi asas kepada perbincangan utama kajian. Fokus diberikan terhadap metode dakwah mencegah kemungkaran terhadap orang bukan Islam khusus dari kalangan bangsa cina. Secara asas dakwah mencegah kemungkaran adalah suatu metode yang secara zahir dilihat sebagai suatu sekatan yang memerlukan ketegasan dan ianya juga mempunyai risiko tertentu. Ini kerana menghalang sesuatu perkara bukanlah perkara yang mudah dan bakal berhadapan dengan penentangan jika cara yang digunakan tidak sesuai. Tetapi agama Islam secara jelas mengajar umatnya agar memulakan pencegahan itu dengan memahami terlebih dahulu latar belakang sesuatu kaum agar kita lebih saling mengenali dan menghormati batasan hak masing-masing serta memperjelaskan ajaran Islam secara syumul sebelum menghalang sesuatu kemungkaran dengan kepelbagaian wasilah iaitu antaranya melalui undang-undang. Ini membuktikan Islam agama yang sangat berhikmah dan lunak terhadap sekalian manusia.

## BAB TIGA

### KAWALAN PENJUALAN ARAK DI NEGERI KELANTAN

#### 3.1 PENGENALAN ARAK

##### 3.1.1 Definisi Arak

Istilah arak jika difahami menurut pemahaman Bahasa Melayu diertikan sebagai minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan atau minuman keras.<sup>186</sup> Manakala alkohol pula dimaksudkan sebagai cecair yang mudah terbakar dan juga memabukkan yang terdapat di dalam minuman.<sup>187</sup> Perkataan alkohol pula diambil dari Bahasa Arab iaitu *al-kuḥul* bagi maksud serbuk halus.<sup>188</sup> Dari segi istilah kalimah Bahasa Arab pula arak dikenali atau digelarkan sebagai *khamar*, *syumūlun*, *rājun*, *muzzatun*, *‘uqārun*, *ṣahbā*<sup>189</sup> dan juga juga *muskir*.<sup>190</sup>

Menurut Seksyen 2 (1), Akta Kastam 1967 minuman keras diertikan sebagai apa-apa alkohol, apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf<sup>190</sup> yang sesuai atau yang bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai minuman. Istilah yang digunakan di bawah akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 ialah “liquor yang memabukkan”. Seksyen 2 (1) Akta Eksais 1976 pula memberi takrifan “alkohol, bir, liquor natif dan todii”.<sup>191</sup>

<sup>186</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 75, entri “arak”.

<sup>187</sup> Ibid., 37, entri “alkohol”

<sup>188</sup> Laurence Michalak dan Karen Trocki, “Alcohol and Islam: An Overview,” *Contemporary Drug Problems* 33, Winter (2006),525.

<sup>189</sup> Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Kamus Syawarifīyyah* (Jakarta: Ciputat Press, 2009), 266.

<sup>190</sup> Menurut Dr Siti Mariah, Spirit adalah alkohol mutlak atau dikenali dengan ethyl alcohol dan Pruf pula adalah ukuran kadar alkohol. Sila Rujuk : Dr Siti Mariah, “Memerangi Ketagihan Arak Menegakkan Hukum Islam”, laman sesawang *Dr Siti Mariah Mahmud Ahli Parlimen Kota Raja*, dikemaskini 30 Mac 2013, <http://drsitimariah.blogspot.com/p/memerangi-ketagihan-arak-menegakkan.html>.

<sup>191</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 24, no. 2 (2012), 229.

Secara saintifik, arak terbahagi kepada tiga jenis yang utama iaitu *Bir*, *Wain* dan *Spirits*. Pembahagian ini ditentukan melalui kandungan alkohol. Dari ketiga-tiga jenis arak tersebut, arak jenis *Spirits* mengandungi kandungan alkohol yang tinggi iaitu bermula dari kadar dua puluh peratus yang dihasilkan dari proses penyulingan dan penuaan. Arak jenis *Wain* pula mengandungi sembilan sehingga enam belas peratus. Seterusnya jumlah alkohol di dalam arak jenis *Bir* pula mengandungi sebanyak empat sehingga enam peratus alkohol. Maka jika dirujuk kepada definisi arak atau digelari dengan *liquor* dari takrif Kastam menunjukkan bahawa minuman yang mengandungi kurang dari dua peratus tahap alkohol tidak dikategorikan sebagai *liquor* yang memabukkan.

### 3.1.2 Jenis-Jenis Arak

Antara nama-nama minuman di pasaran dunia hari ini yang merujuk kepada arak adalah seperti jadual berikut:<sup>192</sup>

Jadual 3.1 Senarai Nama-Nama Arak dan Cara Penghasilan

<b>Nama Arak</b>	<b>Cara Penghasilan</b>
<b>Wine</b>	Hasil fermentasi/pemeraman/penapaian buah-buahan khususnya anggur
<b>Beer/Ale</b>	Hasil fermentasi gandum atau barli
<b>Wiski</b>	Hasil fermentasi bijian/gandum/jagung/barli
<b>Brandy</b>	Sejenis arak yang dihasilkan hasil penyulingan <i>wine</i>
<b>Cocktail</b>	Minuman campuran yang salah satu bahannya mestilah mengandungi minuman beralkohol (istilah antarabangsa).
<b>Cider</b>	Hasil fermentasi epal
<b>Rum</b>	Hasil fermentasi tebu
<b>Tuak</b>	Hasil fermentasi beras atau air kelapa (mengikut kawasan/daerah)
<b>Mojito</b>	Cocktail yang dihasilkan daripada campuran <i>rum</i> , gula, pudina, <i>lime</i> dan <i>sparkling water</i> .
<b>Spirits</b>	Istilah umum bagi arak/ minuman beralkohol
<b>Liquor</b>	Istilah umum bagi arak / minuman beralkohol
<b>Pinacolada</b>	Sejenis <i>cocktail</i> berasaskan jus nenas yang mengandungi rum.
<b>Gin</b>	Sejenis arak daripada buah ' <i>juniper berries</i> '
<b>Bitters</b>	Minuman beralkohol dengan mempunyai rasa pahit (bitter) daripada herba-herba.
<b>Nasih Kinomol , Lihing, Bahar</b>	Merupakan nama lain bagi arak beras atau tuak dalam bahasa Kadazan
<b>Tequila</b>	Minuman beralkohol yang dihasilkan daripada ' <i>blue agave plant</i> '
<b>Margarita</b>	Sejenis <i>cocktail</i> yang mengandungi <i>tequila</i> dengan campuran <i>orange-flavoured liqueur</i> dan <i>lime</i> atau lemon juice, selalunya dihidangkan dengan garam pada ' <i>glass rim</i> '.
<b>Champagne</b>	Adalah Sparkling wine, hasil fermentasi wine pada tahap kedua
<b>Sake</b>	Hasil fermentasi beras
<b>Mirin</b>	Sejenis <i>rice wine</i> yang digunakan dalam masakan.(teriyaki sos mengandungi mirin)
<b>Todi</b>	Arak hasil daripada air kelapa ( <i>palm wine</i> )
<b>Scotch</b>	Sejenis <i>whisky</i> dihasilkan di Scotland
<b>Amaretto</b>	Arak Itali berperisa kacang badam

<sup>192</sup> Sahabat Halal Jakim, *Istilah-istilah Bagi Alcoholic Beverages & Bahan Ramuan Makanan Mengandungi Alkohol Dalam Kategori ARAK.*, dicapai 15 Februari 2012, <http://www.facebook.com/notes/sahabat-halal-jakim/istilah-istilah-bagi-alcoholic-beverages-bahan-ramuan-makanan-mengandungi-alkoho/329266620444759>.

Di Malaysia, antara syarikat utama pengeluar minuman keras adalah *Carlsberg Brewery Malaysia Berhad* dan *Guinness Anchor Bhd*. Bagi Syarikat *Carlsberg*, produk minuman keras yang dikeluarkan adalah *Carlsberg Green Label*, *Carlsberg Gold*, *Carlsberg Special Brew*, *Kronenbourg 1664*, *Kronenbourg 1664 Blanc*, *Asahi Super Dry*, *Somersby Apple Cider*, *SKOL beer*, *SKOL Super beer*, *Danish Royal Stout*, *Corona Extra*, *Jolly Shandy Lemon* dan juga minuman *non-alcoholic Nutrimalt*.

Selain itu, *Carlsberg* juga mengimport minuman keras dari jenis *Bir* dari luar negara iaitu *Hoegaarden*, *Stella Artois*, *Budweiser*, *Grimbergen* dan *Beck's*.<sup>193</sup> Manakala bagi Syarikat *Guinness Anchor* pula, produk minuman keras yang dikeluarkan adalah *Guinness*, *Tiger*, *Heineken*, *Anchor Smooth*, *Anchor Strong*, *Kilkenny*, *Anglia Shandy*, *Paulaner*, *Strongbow* dan *Malta*.<sup>194</sup>

Menurut kajian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengemukakan fakta bahawa:

“Minuman keras atau minuman yang mengandungi alkohol boleh didapati dalam banyak masyarakat di dunia sejak sekian lama. Pada awalnya minuman keras dihasilkan secara tradisional untuk digunakan oleh ahli kelompok masyarakat itu sendiri. Kini penghasilannya berubah kepada pengeluaran secara besar-besaran dengan jenama khusus dan dalam pelbagai jenis. WHO (2007) mengklasifikasikan pengeluaran dan pengedaran minuman beralkohol tersebut kepada minuman keras tradisional yang dihasilkan di rumah dan sebagai hasil kraf budaya, minuman keras tradisional yang dikeluarkan sebagai industri tempatan, minuman keras kosmopolitan yang dikeluarkan oleh industri tempatan dan minuman keras kosmopolitan industri global. Minuman kosmopolitan bermakna minuman keras Eropah – bir, wain, brandy, wiski, gin, vodka dan spirit – yang diedarkan secara meluas di seluruh dunia. Kini tequila, sake, cider dan beberapa jenis minuman spirit lain yang dikaitkan dengan masyarakat bukan Eropah telah pun diangkat menjadi minuman kosmopolitan apabila pemasar berjaya mendapat pengiktirafan pasaran dunia untuk memasukkan minuman tersebut ke dalam senarai yang sedia ada. Suatu perkara penting yang harus diambil kira dalam konteks negara Asia adalah

<sup>193</sup> *Carlsberg Brewery Malaysia Berhad*, dicapai 14 November 2011, [http://www.carlsbergmalaysia.com.my/web/company/cm\\_carlsbergmsia.aspx](http://www.carlsbergmalaysia.com.my/web/company/cm_carlsbergmsia.aspx).

<sup>194</sup> *Guinness Anchor Bhd*, dicapai 14 November 2011, <http://www.gab.com.my/about/profile.asp>.

pola minum minuman beralkohol di Sri Lanka, Thailand dan Malaysia yang tercatat dalam konsumpsi perkapita negara tersebut tidak semestinya menggambarkan pola konsumpsi sebenar. Selain daripada minuman beralkohol yang mahal dan terdapat dalam pasaran antarabangsa, wujud juga minuman beralkohol buatan tempatan yang murah dan potent sama ada dibuat secara sah atau haram yang tidak termasuk dalam statistik negara. Di Malaysia terdapat minuman beralkohol lokal seperti samsu (*a locally distilled potent spirit introduced by the British during colonial time*), todi (nira kelapa yang diperam), tuak (nira kelapa manis dan peraman), tapai (air peraman nasi atau beras yang manis dan beralkohol), langkau dan lihing (*distilled tapai*)...”<sup>195</sup>

### 3.1.3 Dalil-Dalil Pengharaman Arak dan Keburukan Arak

Perkembangan zaman dan teknologi telah mencanggihkan lagi pembuatan arak dan akhirnya namanya bertukar sehingga boleh mengelirukan masyarakat.

Seperti sabda Nabi S.A.W:

لَا تَذَهَّبُ الْلَّيَالِي وَاللَّيَامُ حَتَّىٰ تَشْرَبَ فِيهَا طَائِقَةً مِنْ أُمَّيَّ الْحَمَرِ وَيُسَمُّونَهَا بِعَيْرٍ

196 .اسْمِهَا.

Terjemahan: Tidak akan berlalu pergi malam dan siang hingga satu golongan daripada umatku minum arak dan mereka menamakan arak dengan nama yang lain.<sup>197</sup>

Dari segi syarak, arak bererti segala bahan yang memabukkan berdasarkan pendapat jumhur ulama. Oleh yang demikian, dari pandangan Islam sebarang panggilan atau nama yang diberikan kepada bahan yang memabukkan tersebut sama ada arak, liquor yang memabukkan, minuman beralkohol, minuman keras, minuman ringan beralkohol, spirit, bir,wain, todi atau sebagainya hukumnya adalah tetap haram.<sup>198</sup>

<sup>195</sup> Ardiah Jamali, Zaidah Mustapha dan Rokiah Ismail, “Pola dan faktor yang mempengaruhi peminuman minuman keras remaja Dusun Malaysia,” *Malaysian Journal of Society and Space* 5 .Issu No. 2(2009), 82 - 101

<sup>196</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab Al-Asyribah, Bab Al-Khamri Yusammunaha Bighayri Ismiha, no.Hadis 3384. Lihat Abi ‘Abdillāh Muḥammad bin Yazid Al-Qazwinni, *Sunan Ibnu Mājah* (Lubnan: Darul Kutub Al-‘Ilmiyah,2008), 550.

<sup>197</sup> Mohammad Nidzam Abd. Kadir, *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 97.

<sup>198</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 229.

Ajaran agama Islam secara jelas meletakkan status arak adalah haram penggunaanya kepada orang Islam. Pengharaman arak ini disebabkan ianya merupakan perosak masyarakat sejak zaman berzaman yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan punca segala masalah kesihatan dan sosial. Menurut Dr. Danial, alkohol itu disamping mendatangkan banyak kesan negatif kepada kesihatan, ia juga mengurangkan air dalam badan. Alkohol bertindak ke atas sel-sel otak dengan merangsang otak itu sebelum mengganggu fungsinya yang akhirnya menyebabkan gangguan penglihatan dan hilang ingatan. Ianya juga dikaitkan dengan perbuatan membunuh diri, jenayah, kemalangan, tindakan ganas dan masalah kesihatan yang menggerunkan. Kesan negatif pengambilan alkohol lebih besar dari pengambilan dadah.<sup>199</sup>

Kemudaratan dari penggunaan arak ini bukan sahaja kepada diri, akal dan badan seseorang sahaja bahkan melibatkan agamanya, dunianya, keluarganya serta keseluruhan masyarakat.<sup>200</sup> Pengharaman ini berpandukan dalam siri penurunan firman Allah S.W.T secara berperingkat-peringkat mengenai arak seperti yang disertakan:

وَمِنْ ثَمَرَاتِ الْخَيْلِ وَالْأَعْنَبِ تَسْخِدُونَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ  
لَا يَأْتِي لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Al-Nahl 16: 67

Terjemahan : Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang

<sup>199</sup>Daniel Zainal Abidin, Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden (Batu Caves: PTS Millennia SDN.BHD, 2011), 37, 59 dan 62.

<sup>200</sup>Yusuf Al-Qardawi, *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Islam* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2007), 65.

membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا

أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا ...

Al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الْأَصَلَوَةَ وَأَنْتُمْ سُكَّرَى حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ ...

Al-Nisa' 4: 43)

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْلَمُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ

الشَّيْطَنِ فَآجِتَنَبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٣﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ

الْعَدَوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصْدَدُكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الْأَصَلَوَةِ فَهَلْ

أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٤٤﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Rasulullah S.A.W juga turut bersabda di dalam hadis yang direkodkan para sahabat antaranya adalah:

كُلُّ مُسْنَكٍ حَمْرٌ وَكُلُّ حَمْرٍ حَرَامٌ .<sup>201</sup>

Terjemahan: Setiap yang memabukkan adalah arak, dan setiap arak adalah haram.<sup>202</sup>

لِعِنَتِ الْحَمْرِ عَلَى عَشَرَةِ أَوْجُهٍ : بِعَيْنِهَا، وَعَاصِرِهَا، وَمُعَتَصِّرِهَا، وَبَائِعِهَا، وَمُبْتَاعِهَا،

وَحَامِلِهَا، وَالْحَمُولَةُ إِلَيْهِ، وَأَكْلِثَنِهَا، وَشَارِكَهَا، وَسَاقِهَا.

Terjemahan: Rasulullah melaknat 10 golongan yang terlibat dengan arak iaitu: orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperah untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang

<sup>201</sup> Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab Al-Asyribah, Bab Kullu Muskirin Haram , no.Hadis 3390. Lihat Abī ‘Abdillāh Muḥammad bin Yazid Al-Qazwini, *Sunan Ibnu Mājah* (Lubnan: Darul Kutub Al-‘Ilmiyah,2008), 550.

<sup>202</sup> Mohammad Nidzam Abd. Kadir , *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 96.

<sup>203</sup> Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab Al-Asyribah, Bab Lu’inati al-Khamru ‘Ala ‘Asyriati Aujah , no.Hadis 3380. Lihat Abī ‘Abdillah Muḥammad bin Yazid Al-Qazwini, *Sunan Ibnu Mājah* (Lubnan: Darul Kutub Al-‘Ilmiyah,2008), 549.

yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak, orang yang meminta dibeli arak untuknya.<sup>204</sup>

Melalui Fatwa Kebangsaan Malaysia juga menjelaskan,

“Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disulung adalah haram diminum”<sup>205</sup>

---

<sup>204</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 218.

<sup>205</sup> *Ibid.*, 219.

### 3.1.4 Arak dan Undang-Undang di Malaysia

Sebahagian orang bukan Islam, di antara upacara ritual bagi agama mereka menggunakan arak. Maka arak sebahagian daripada kepercayaan agama mereka. Justeru bagaimana hak mereka yang bernaung di bawah pemerintahan orang Islam? Contoh jelas dalam konteks Negara Malaysia, Islam dijadikan agama persekutuan dan juga badan perundangan negeri boleh menggubal undang-undang tentang mana-mana perkara pentadbiran agama Islam dan hukum syarak.<sup>206</sup>

Sungguhpun begitu, hak orang bukan Islam mesti dirai dan dihormati kerana mereka sebahagian dari masyarakat Malaysia dan dikategorikan sebagai kafir *dhimmi*. Justeru penggunaan arak dalam kalangan orang bukan Islam tidak boleh dihalang tetapi boleh dikawal bagi mengimbangi hak orang Islam dan hak orang bukan Islam. Malah Allah S.W.T telah pun mengingatkan hal ini melalui firmanNya:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الْأَدِينَ وَلَمْ تُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَرِكُمْ أَن

تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

(Al-Mumtahanah 60:8)

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

<sup>206</sup> Mahamad Arifin, “Perkembangan Undang-Undang Pentadbiran Islam Di Malaysia,” dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia, ed. Mahamad Arifin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),1.

Islam menjamin hak asasi orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam.

Bagi orang bukan Islam, tiada larangan untuk mereka meminum arak atau terlibat dengan aktiviti berkaitan arak selagi mereka tidak mabuk dan membahayakan keselamatan dan ketenteraman awam. Walaubagaimanapun, kelonggaran yang diberikan kepada orang bukan Islam berkenaan arak hendaklah tertakluk pada tatacara, sekatan dan hukum Islam.<sup>207</sup> Orang bukan Islam yang berada di dalam negara Islam yang patuh pada pemerintah Islam, mereka berhak menikmati segala hak asasi manusia yang terkandung dalam Syariah Islam. Antara hak mereka adalah kesamarataan di sisi undang-undang iaitu berhak mendapatkan perlindungan diri, harta, maruah dan tempat tinggal.

Selain itu adalah kesamarataan cukai, kebebasan beragama, berpolitik, bekerja dan juga pendidikan. Dalam hal kebebasan beragama, Islam membenarkan mereka mengadakan sebarang aktiviti keagamaan di rumah agama masing-masing. Justeru, orang bukan Islam juga turut mempunyai tanggungjawab terhadap negara iaitu dengan memahami undang-undang dan menghormatinya, memahami perasaan orang Islam dan menghormati agama Islam serta bersama mengekalkan keamanan dan keharmonian.<sup>208</sup> Arak tertakluk di bawah undang-undang jenayah Islam. Menurut Undang-Undang Islam, hukuman kepada peminum arak kepada orang Islam tidak boleh diaplifikasi kepada peminum arak dari kalangan orang bukan Islam kerana hukuman hanya boleh dikenakan kepada mereka jika sekiranya mereka mabuk yang terlampau akibat meminum arak. Hal ini kerana mabuk yang terlampau adalah haram di sisi semua agama. Selain itu hukuman dikenakan itu bagi mengelakkan berlakunya kekacauan.<sup>209</sup>

---

<sup>207</sup>Jasri Kamal dan Noryati Anuar. “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan”. Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 215.

<sup>208</sup>Mohd Azam et al., *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Gombak: iBook Publication, 2006), 118-127.

<sup>209</sup>‘Abdur Rahman I.Doi. *Non-Muslims Under Sharia’ah* (Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1994), 53-54.

Penjualan arak di Malaysia sememangnya dikawal oleh beberapa peruntukan undang-undang. Penguatkuasaan bagi undang-undang tersebut dilaksanakan oleh beberapa Agensi Kerajaan yang melibatkan peringkat persekutuan, negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di peringkat persekutuan, penjualan arak dikawal oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) iaitu di bawah Kementerian Kewangan. Maka undang-undang berkaitan dengan pelesenan penjualan arak tertakluk di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya.<sup>210</sup>

Sebarang urusan berkaitan import dan lesen pengilangan *Liquor* yang memabukkan dikawal oleh JKDM. Bagi urusan import ianya tertakluk di bawah peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kastam 1977. Manakala urusan lesen pengilangan tertakluk di bawah Akta Eksais 1976.<sup>211</sup> Eksais adalah sejenis duti atau cukai yang dikenakan atas barang-barang tertentu yang diimport ke Malaysia atau di kilang di Malaysia dan minuman keras adalah satu dari barang-barang yang tertakluk kepada duti eksais.<sup>212</sup>

Bagi arak yang mengandungi alkohol kurang dari dua peratus maka dikecualikan dari sebarang lesen. Misalnya arak jenis bir, todi atau liquor natif. Penjualan runcit kecil-kecilan bagi arak tersebut adalah tidak melebihi kuantiti yang telah ditetapkan. Ianya boleh dijual dalam tin atau botol di mana-mana premis kedai tanpa lesen jika tidak melebihi 27 liter. Selagi penjual memaparkan kandungan arak yang alkoholnya kurang dua peratus dan tidak melebihi 27 liter, penguatkuasa pihak berkuasa tempatan tidak boleh mengambil sebarang tindakan.

<sup>210</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 219.

<sup>211</sup> Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 220

<sup>212</sup> *Kastam Diraja Malaysia*, dicapai 14 November 2012, [http://www.customs.gov.my/documents/Bahagian%20CD/Customs%20Guidelines%20Book\\_Excise.pdf](http://www.customs.gov.my/documents/Bahagian%20CD/Customs%20Guidelines%20Book_Excise.pdf)

Jika peniaga ingin menjual dengan kadar yang lebih maka perlu memohon lesen.<sup>213</sup>

Pelesenan bagi jualan runcit adalah menggunakan seksyen 32 Akta Eksais 1976. Pelesenan bagi jualan borong pula menggunakan seksyen 33 Akta Eksais 1976. Pihak yang bertanggungjawab bagi melesenkan penjualan *liquor* yang memabukkan adalah Lembaga Pelesenan Daerah yang dilantik di bawah seksyen 31 Akta Eksais 1976.<sup>214</sup> Berdasarkan Akta Eksais 1976 (Akta 176), lesen penjualan arak adalah di bawah seksyen 35 menerangkan Lembaga Pelesenan boleh mengeluarkan lesen penjualan arak di rumah awam (*public house*), rumah bir (*beer house*), kedai jualan runcit (*retail shop*) dan lesen pemberong (*wholesale dealer*). Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menjelaskan tentang pemberian kuasa kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk membuat undang-undang berkenaan kawalan menjual arak.<sup>215</sup>

Melalui Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan *liquor* yang memabukkan) 1977, had jualan secara runcit dan borong adalah dari pukul 9.00 malam sehingga pukul 7.00 pagi. Penjualan tersebut dilarang kepada orang yang berumur bawah 18 tahun.<sup>216</sup> Manakala, kawalan dari segi iklan secara langsung berkaitan arak di dalam televisyen dan radio tidak dibenarkan. Tetapi di panggung wayang adalah dibenarkan. Dari segi tajaan juga dibenarkan tetapi hanya dari segi amalan sahaja dan bukan dalam bentuk iklan.<sup>217</sup>

<sup>213</sup>Dina Imam Supaat (Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang , Universiti Sains Islam Malaysia) dalam temubual melalui e-mail dengan pengkaji, 2 April 2013.

<sup>214</sup>Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkusa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 220.

<sup>215</sup>Dina Imam Supaat (Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang , Universiti Sains Islam Malaysia) dalam temubual melalui e-mail dengan pengkaji, 2 April 2013.

<sup>216</sup>Jasri Kamal dan Noryati Anuar, “Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkusa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan”, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 24, no. 2 (2012), 220.

<sup>217</sup>Dina Imam Supaat (Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang , Universiti Sains Islam Malaysia) dalam temubual melalui e-mail dengan pengkaji, 2 April 2013.

### **3.2 INSTITUSI-INSTITUSI YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN KAWALAN PENJUALAN ARAK DI NEGERI KELANTAN**

Pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan telah melibatkan beberapa pihak yang diwakili oleh institusi-institusi formal dan tidak formal. Seperti yang dimaklumkan di dalam skop kajian, pengkaji memilih Kota Bharu sebagai mewakili Negeri Kelantan. Justeru institusi-institusi yang terlibat juga adalah yang mempunyai bidang kuasa di Kota Bharu disamping institusi yang mewakili Negeri Kelantan secara langsung.

Institusi yang terlibat ini termasuklah institusi pembuat dasar, pelaksana dan juga penguatkuasa yang melibatkan undang-undang kepada orang bukan Islam dalam kalangan pemilik premis yang menjual arak. Pelaksanaan ini tidak mampu dilaksanakan jika tertumpu kepada satu institusi sahaja kerana hakikatnya semua institusi yang berkaitan memainkan peranan masing-masing serta memberi sumbangan kepada kejayaan pelaksanaan tersebut melalui bidang tugas dan kuasa masing-masing. Sebahagian besar dari institusi-institusi yang terlibat adalah merupakan Ahli Lembaga Pelesenan Eksais.

Institusi-Institusi tersebut adalah :

1. Kerajaan Negeri Kelantan  
(melalui dasar dan pentadbirnya iaitu Menteri Besar)
2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)  
(melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pegawai yang terlibat)
3. Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merangkap sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi jajahan Kota Bharu yang dibawah penguasaan Majlis Perbandaran

4. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan (Kota Bharu)
5. Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan (Kota Bharu)
6. Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu
7. Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

Bagi institusi seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK), mereka hanya terlibat dalam operasi serbuan dalam konteks pelaksanaan kawalan arak di Kelantan dan hanya menumpukan kepada orang Islam sahaja dari sudut penguatkuasaan. Mereka tidak terlibat di dalam pelaksanaan kawalan penjualan yang melibatkan orang bukan Islam.<sup>218</sup> Begitu juga Jabatan Mufti Negeri Kelantan kerana hanya menumpukan pada soal fatwa. Fatwa arak kepada orang Islam pula adalah sudah jelas. Kajian berhubung isu arak kepada orang bukan Islam dalam konteks kawalan penjualan di Kelantan juga masih belum ada.<sup>219</sup>

Justeru institusi yang terlibat dalam mengawal penjualan arak di Negeri Kelantan adalah melibatkan tujuh institusi formal tersebut. Penglibatan mereka dilihat melalui peranan dan had kuasa yang diberikan dalam pengawalan lesen arak, tatacara penjualan arak, tindakan dan juga penguatkuasaan terhadap undang-undang kawalan lesen arak.

---

<sup>218</sup> Pegawai Bahagian Penguatkuasaan (JAHEIK), dalam temubual melalui talian telefon, 7 Mac 2013.

<sup>219</sup> Ustaz Saibon Ismail (Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual melalui telefon, 7 Mac 2013.

### **3.3 PELAKSANAAN KAWALAN PENJUALAN ARAK DI NEGERI KELANTAN**

Pelaksanaan kawalan penjualan arak yang dilakukan oleh Negeri Kelantan dibincangkan melalui peranan institusi-institusi yang terlibat seperti yang telah disenaraikan. Perbincangan mengenai pelaksanaan yang dilakukan melalui institusi-institusi yang terlibat berikut adalah bagi memudahkan dalam memahami bidang kuasa dan peranan masing-masing dalam isu berhubung kawalan penjualan arak yang melibatkan penjual dan pemilik premis menjual arak dari kalangan orang bukan Islam.

#### **3.3.1 Kerajaan Negeri Kelantan**

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang majoriti masyarakatnya berbangsa Melayu dan bangsa Melayu sinonimnya beragama Islam. Maka majoriti masyarakat di Negeri Kelantan adalah beragama Islam.<sup>220</sup> Sebaliknya pula bagi masyarakat bukan Islam, mereka adalah dari golongan minoriti. Pemerintahan di Negeri Kelantan diterajui oleh seorang Islam dan juga merupakan seorang ulama yang tidak asing di Malaysia. Beliau adalah Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 sehingga awal Mei 2013.

Melalui pemerintahan yang diterajui oleh Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz, beliau telah menyelaraskan pentadbiran negeri selaras dengan ideologi politik parti yang diterajui Kerajaan Negeri iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS)<sup>221</sup>. Maka konsep pentadbiran negeri berpandukan konsep pentadbiran Islam. Hakikatnya,

---

<sup>220</sup>Nik Rohani bt Nik Yahya (Pegawai Khidmat Pelanggan, Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

<sup>221</sup>Parti Islam Se Malaysia (PAS) merupakan salah sebuah parti politik di Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1951. Dasar perjuangan PAS adalah ingin menegakkan syariat Islam melalui usaha dakwah dalam jalur politik. PAS juga merupakan gerakan Islam tertua di Malaysia. Sila rujuk:

Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) (Pindaan 2011), 2011, (Fasal ke, 5 dan 6)

Negeri Kelantan yang sinonim dengan gelaran “Serambi Mekah” telah pun memiliki latar belakang perkembangan Islam yang telah banyak memberi kesan sosial melalui ulama-ulama terdahulu dan penyebaran agama Islam yang banyak bercambah di negeri tersebut. Tambahan pula, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz mencadangkan Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam dan melancarkan dasar “Membangun Bersama Islam” iaitu menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam urusan politik, pentadbiran ekonomi dan juga sosial.<sup>222</sup> Maka kelihatan Kerajaan Negeri Kelantan sedaya mungkin melaksanakan dasar undang-undang Islam.

Pada tahun 2010, dasar Membangun Bersama Islam tersebut telah ditambah dengan slogan ‘Kelantan Menerajui Perubahan’ yang menjadikan dasar tersebut sebagai ‘Membangun Bersama Islam - Kelantan Menerajui Perubahan’. Penambahan tersebut bagi menambahkan momentum<sup>223</sup> yang berkekalan. Tambahan pula setelah melihat perubahan yang berlaku dari sudut perubahan pemikiran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan umpamanya dari sudut dasar ekonomi. Tiada negeri lain yang berani merubah sistem perbankan kepada sistem tanpa faedah serta akta kawalan hiburan dan kawalan tempat hiburan. Jentera kepada dasar ‘Membangun Bersama Islam’ adalah melalui pelaksanaan konsep ‘UMI’<sup>224</sup> seperti berikut:<sup>225</sup>

---

<sup>222</sup>Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi “Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan”, *Malaysian Journal of Society and Space* 5, Isu. 3 (2009), 8-25

<sup>223</sup> Daya yang mendorong pergerakan sesuatu. Rujuk: *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, 2010), 1041 entri “momentum”.

<sup>224</sup>Dato’ Abdul Fattah Mahmood (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Rumah Sri Kelantan, Jalan Stonor Kuala Lumpur), dalam temubual dengan pengkaji, 26 Jun 2013.

<sup>225</sup>Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan “SUK”, laman sesawang *Kerajaan Negeri Kelantan*, dicapai 17 Mei 2013, <http://www.kelantan.gov.my/v6/index.php?lang=my>.

- a. ***'Ubūdiyyah***: Manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan akidah yang jelas.
- b. ***Mas 'ūliyyah***: Keber tanggungjawaban (akauntabiliti) iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Suatu proses khilafah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.
- c. ***Itqan*** : Kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen, dan kesungguhan kerja, membentuk peribadi yang berakhhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Falsafah 5K juga turut membuktikan Negeri Kelantan berusaha membangunkan sebuah Bandaraya Islam. 5K tersebut merujuk kepada Keilmuan, Kepatuhan, Kebajikan, Kebersihan dan Kesejahteraan. Garis panduan yang digariskan melalui falsafah ini pula adalah:<sup>226</sup>

1. Menegakkan syariat Islam dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran
2. Mengenepikan sikap kebendaan dan kepentingan diri
3. Mengamalkan pendekatan syariat dalam pentadbiran dan pengurusan
4. Mengamalkan etika kerja Islam
5. Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat kepada seluruh kakitangan
6. Mengenengahkan kakitangan yang berdedikasi
7. Mengutamakan keadilan dalam setiap urusan

Justeru, pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini merupakan salah satu dari usaha menjadikan Islam sebagai asas pentadbiran.

---

<sup>226</sup>Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi “Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan”, *Malaysian Journal of Society and Space* 5, Isu. 3 (2009), 13&14.

Proses ke arah pelaksanaan kawalan ini bermula pada peringkat awal mesyuarat yang dilaksanakan pada 8 Disember 1992 yang membincangkan berkenaan pengurangan lesen premis yang menjual arak dikurangkan secara berperingkat-peringkat. Manakala pada tarikh 29 Mei 1993 pula perbincangan mengenai dasar garis panduan. Pada 30 Jun 1993 pula merupakan tarikh terakhir penjualan arak secara bebas dan terbuka. Selepas dari tarikh tersebut tiada lagi pembaharuan lesen yang dibenarkan di Negeri Kelantan. Maka dengan secara rasminya kawalan penjualan arak dikuatkuasakan pada 1 Julai 1993.<sup>227</sup>

Sehingga tahun 1993, jumlah lesen yang dikeluarkan di Kota Bharu adalah 36 lesen iaitu, 10 lesen jualan borong dan 26 lesen runcit. Istilah runcit pada masa tersebut juga meliputi premis restoran yang menghidang arak.<sup>228</sup>

Melalui temubual yang diadakan bersama Menteri Besar, beliau menyatakan bahawa pelaksanaan ini dilaksanakan secara bertahap dan mengambil kira keadaan semasa serta meraikan hak bukan Islam dalam pemerintahan Islam. Beliau menekankan aspek tidak menyusahkan dan memudahkan urusan semua orang dalam pentadbiran. Beliau juga turut berkongsi pengalaman melalui perubahan yang dilakukan setelah diberi mandat mentadbir Negeri Kelantan serta penerimaan oleh masyarakat bukan Islam melalui dasar yang ingin dilakukan. Beliau menyatakan bahawa :

“Ana sebagai Menteri Besar memang ana jaga benar bab *tadarruj* ni. Sebab tu ada wartawan tanya, gapo dio hok sayo buat 23 tahun ni. Sayo jawab sayo buat benda hok mudah. Saya panggil pegawai kewangan kerajaan untuk tarik semua duit kerajaan dari bank bumi ke bank Islam. Oghe tok boleh kata apa. Akhir sekali bank-bank di Kelantan ni ubah dari sistem yang riba ni kepada dua kaunter. Kaunter Islam dan kaunter riba. Selepas tu berubah dari dua kaunter jadi satu ja. Ana memang tekankan ayat ini dalam urusan. “*Bashshirū walā tunaffirū, yassirū walā tu‘assirū*”. Yang ni sayo jago benar. *al-Dīn*

<sup>227</sup>Mohd Arman Zulkifli (Penolong Setiausaha (Pengurusan) ,Bahagian Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

<sup>228</sup>*Ibid.*

*yusrun*. Dari segi kawalan arak, kita benar orang bukan Islam minum arak, tapi kita tidak benar terbuka. Syaratnya budak melayu, Islam tak boleh pergi minum Kalau pergi saya tarik lesen awak. Bagitau pada pelesen arak jago molek jangan beri budak melayu Islam minum arak. Cuma berapo lesen kita beri tu ikut keadaan cina disitu la. Kapasiti penduduk ikut jumlah. Kita beri lesen hanya kepada orang yang tidak Islam cina la kalau di sininya. Ikut kapasiti diala. Dia tidak semua cina minum arak belako. Kito tanya orang cina sendiri. Seribu orang cina banyak mana arak yang patut. Jadi banyak tu la kita beri lesen ke dia. Peringkat awal kita kawal minum arak ni melalui lesen. Tidak terbuka. Kita oyak arak ni boleh minum di kedai yang orang cina dan jangan benarkan budak melayu masuk minum. Kemudian kita oyak kemudaran arak. Paru-paru rosak. Buah pinggang punah. Berbalah laki bini. Rumah tangga punah jahanam. Akhirnya orang cina sedar. Jual arak ni maslahat orang berniaga je. Bukan maslahah kepada pemimum.”<sup>229</sup>

Petikan rakaman temubuat tersebut bermaksud Menteri Besar menegaskan bahawa beliau sangat menitik beratkan soal *tadarruj* iaitu berperingkat-peringkat dalam pelaksanaan pentadbiran Islam di Negeri Kelantan. Pemerintahan Islam yang beliau laksanakan selama 23 tahun tersebut dimulakan dengan hal-hal yang kecil terlebih dahulu kerana beliau sangat berpegang kepada sebuah hadith yang menyarankan manusia agar memudahkan dan jangan menyusahkan. Perkara pertama yang beliau lakukan adalah iaitu dengan mengasingkan duit kerajaan negeri ke dalam simpanan bank yang menjalankan kaedah perbankan secara Islam bagi mengelakkan hasil riba. Bagi hal berkaitan kawalan arak pula beliau menyatakan bahawa kebenaran tetap diberikan kepada orang bukan Islam untuk memimum arak tetapi tidak secara terbuka. Jumlah lesen yang dikeluarkan juga bergantung kepada kapasiti penduduk bukan Islam yang ada. Beliau juga memberi amaran tentang larangan menjual arak kepada orang Islam supaya lesen yang diberikan tidak dirampas kembali. Peringkat awal pelaksanaan ini menerangkan tentang kesan buruk arak terhadap kehidupan bagi memberi kefahaman kepada orang bukan Islam.

---

<sup>229</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

Selain itu juga Menteri Besar berpendirian berhubung isu kawalan ini harus diserahkan kepada Allah S.W.T kerana kawalan ini merupakan undang-undang yang manusia cuba buat bagi mendisiplinkan etika dan cara hidup sahaja. Ini dapat diertikan sebagai mana-mana pihak yang menjalankan penguatkuasaan dalam pelaksanaan kawalan ini perlu mengawal dengan penuh tanggungjawab dan amanah kepada Allah dan masyarakat. Sebagaimana beliau katakan:

“Kawale manusio buke denge unde-unde, kawale nyo taqwa kepada Allah. Ini caro Isle (Islam) hok dok wujud dale teori pada hari ni”<sup>230</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud manusia hanya mampu mengawal sesuatu menggunakan undang-undang. Tetapi kawalan Allah kepada manusia adalah rasa taqwa. Cara didikan Islam ini tidak wujud dalam teori pada hari ini.

Peranan kerajaan Negeri Kelantan dalam mengawal penjualan arak terhadap orang bukan Islam dipengaruhi oleh peranan Menteri Besar itu sendiri. Ini kerana Menteri Besar adalah peneraju kepada hala tuju sesebuah negeri disamping kuasa yang dimiliki dalam pemerintahan negeri. Oleh sebab itu peranan Kerajaan Negeri Kelantan dikupas melalui peranan Menteri Besar yang memberikan pengaruh terbesar dalam pelaksanaan kawalan tersebut. Beliau berpandangan kawalan ini suatu kemestian yang harus dilaksanakan kerana jika tiada kawalan maka impak yang buruk berlaku kepada masyarakat.

---

<sup>230</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, di Kediaman Beliau, Pulau Melaka, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 14 Januari 2013.

### **3.3.2 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan merupakan sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Ianya terdiri daripada 12 bahagian dan unit sokongan yang terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Bahagian Perumahan, Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan, Unit Audit Dalam, Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Korporat, Urus Setia Integriti dan Kualiti dan Unit undang-undang.<sup>231</sup>

Wawasan utama yang menjadi matlamat organisasi ini adalah ingin memberi perkhidmatan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan secara konsisten, berteraskan profesionalisme, integriti dan teknologi terkini bagi memenuhi kehendak misi dan objektif organisasi serta kehendak pelanggan berteraskan Islam sebagai *al-dīn*.

Antara peranan utama yang dimainkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran negeri adalah sebagai pemimpin dan pelaksana, fasilitator, pengawal selia (*regulator*), penyelaras strategik negeri dan juga perhubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.<sup>232</sup>

SUK melalui Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ataupun digelar sebagai *Exco* adalah individu yang bertanggungjawab berhubung dengan pelaksanaan kawalan penjualan arak serta mengawal selia MPKB-BRI. Datuk Takiyuddin Hassan sebagai *Exco* yang mempengerusikan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan terlibat dalam membuat dasar, perbincangan garis

<sup>231</sup>Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan “SUK”, laman sesawang *Kerajaan Negeri Kelantan*, dicapai 17 Mei 2013, <http://www.kelantan.gov.my/v6/index.php?lang=my>.

<sup>232</sup>*Ibid.*

panduan, pemberian kuota lesen dan pembuat keputusan. Beliau menegaskan bahawa dasar kerajaan negeri bukan mengharamkan penjualan arak secara total tetapi adalah dengan mengawalnya bagi menyeimbangi kepelbagai kaum dan agama yang ada di Negeri Kelantan. Ulasan yang dikemukakan oleh beliau ketika ditemubual adalah seperti berikut:

“Apabila Tok Guru Nik Aziz menjadi Menteri Besar pada tahun 1990, antara misi awal kita adalah penyusunan semula pelesenan premis-premis untuk menjual minuman keras. Jadi dasar kita bukan hapus minuman keras tetapi menyusun semula pelesenan. Apa yang kita buat ialah kerajaan negeri menentukan satu-satu PBT berapa lesen yang diberikan kepada PBT itu untuk dikeluarkan kepada peniaga. Dasar ini dibuat dipandukan kepada berapa jumlah orang bukan Islam di kawasan tersebut. Sekarang ini di MPKB-BRI lebih kurang 42 kuota. Itu setelah dah ditambah mengikut peringkat demi peringkat. Pada peringkat awalnya lebih kurang 20 lebih sahaja kuota. Ini bermakna kita mengawal penjualan lesen arak di Kelantan ini. Kalau dulu mana-mana orang, mana-mana restoran cina, restoran bukan cina, hotel-hotel adalah dibenarkan menjual arak. Bila tahun 1990, hotel totally kita tak benar jual dah. Restoran yang memberikan perkhidmatan kepada semua orang termasuk orang Islam tidak dibenarkan menjual arak. Penjualan arak ini hanya dibenarkan dijual di premis-premis yang dikenalpasti menjual makanan dan minuman yang tidak halal. Ada daging khinzir dan sebagainya dan syarat-syarat ketat dikenakan kepada restoran. Antaranya orang bukan Islam tidak boleh masuk, tidak boleh bekerja. Kemudian premis yang jual arak ni mesti ada jarak-jarak tertentu daripada orang Islam terutama masjid dan sebagainya. Biasanya kalau di kawasan Kota Bharu di kawasan Jalan Kebun Sultan yang kita isytihar China Town tu. Tu kawasan tu smua kawasan restoran orang bukan Islam”.<sup>233</sup>”

Menurut informan lagi, model pelaksanaan kawalan yang digunakan berhubung isu arak di Negeri Kelantan ini dilaksanakan berdasarkan kajian yang dibuat dari sudut hukum dan hak orang bukan Islam serta dari sudut sejarah dan sirah dalam pemerintahan Khilafah Islamiyah yang menjadi teras kepada pelaksanaan ini. Ini dibuktikan melalui kenyataan yang dikemukakan oleh informan iaitu:

---

<sup>233</sup>Datuk Takiyuddin Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

“Di Kelantan ni kita kaji dari sudut hukum, keduanya dari sudut sirah. Sejarah pemerintahan Islam sebelum ini pun pada zaman sahabat semua, dibenarkan arak. Tetapi dengan kaedah ini la. Kita mendidik diorang. Jangka masa panjang dasar kita tu kekal kerana perkara yang diharuskan dalam syarak kita kekal la. Tapi dalam masa yang sama kita mengadakan sesi pendidikan dengan cara yang lebih luas lagi misalnya orang-orang bukan Islam itu sendiri dilantik menduduki jawatan-jawatan dalam kerajaan misalnya Tok Penghulu. Ade Tok Penghulu Cina, India, Ahli Majlis pun ada Ahli Majlis cina. Jadi mereka ini menjadi seperti pengantaraan la antara kita yang buat dasar ni dengan orang-orang yang tu la. Lebih berkesan dia sendiri yang beritahu pada orang-orang dia. Kita yakin dengan dasar ini generasi baru, generasi muda yang lebih educated memahami dasar kita ni, kenapa kita kawal arak ni, arak ni haram disisi Islam, kerana dalam hadith ada sebut “*al-nās ‘alā dīnū mulukihim*”, manusia itu bergantung kepada pemerintah dia. Jadi kalau pemerintah ni bawa pendekatan Islam maka rakyat pun akan menerima la”.<sup>234</sup>

Peranan SUK dalam kawalan penjualan arak ini adalah bersifat sangat asas dan penting dalam melaksanakan arahan dari pihak Menteri Besar melalui dasar yang dirangka dan dijadikan undang-undang sebagai panduan bagi institusi lain untuk melaksanakan dasar yang telah disusun. Kuasa membuat keputusan juga diserahkan kepada pihak SUK berdasarkan kerangka arahan yang telah diamanahkan oleh Menteri Besar. Justeru SUK merupakan institusi yang mengepalai dan mengetuai institusi-institusi lain dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan.

---

<sup>234</sup> Datuk Takiyuddin Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

### **3.3.3 MPKB-BRI merangkap sebagai PBT**

MPKB-BRI atau nama rasminya adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam merupakan organisasi Majlis Kerajaan Negeri yang menjalankan operasi di sekitar bandar Kota Bharu yang meliputi 65 seksyen. Kota Bharu merupakan sebuah pusat bandar utama bagi Negeri Kelantan seluas 115.64 km.<sup>235</sup> Antara bandar dalam jajahan ini ialah Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Ketereh.<sup>236</sup> Kota Bharu ditadbir oleh dua badan rasmi iaitu Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Majlis Perbandaran berkuasa terhadap Jajahan Kota Bharu dan Kubang Kerian sahaja. Selebihnya daerah di Kota Bharu yang lain di bawah pengurusan Majlis Daerah.<sup>237</sup>

Bandar Kota Bharu telah ditubuhkan pada tahun 1844 dan diisytiharkan sebagai pusat pemerintahan Negeri Kelantan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad Ke-II. Pada tahun 1936, bandar Kota Bharu dinaik taraf sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu (MBKB). MBKB telah dimansuhkan dan ditukarkan kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1971. Pada tahun 1978 Lembaga Bandaran Kota Bharu disusun semula dan dinaik tarafkan kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu pada tahun 1978<sup>238</sup> dan istilah Bandaraya Islam mula diperkenalkan pada tahun 2005.<sup>239</sup>

---

<sup>235</sup> MPKB-BRI, “Latar Belakang MPKB,” laman sesawang *Portal Rasmi MPKB-BRI*, dicapai 8 Mac 2013, <http://www.mpkbbri.gov.my/latar>.

<sup>236</sup> Wikipedia, “Jajahan Kota Bharu,” laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 8 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan\\_Kota\\_Bharu](http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan_Kota_Bharu).

<sup>237</sup> Nik Rohani bt Nik Yahya (Pegawai Khidmat Pelanggan, Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

<sup>238</sup> Wikipedia, “Jajahan Kota Bharu,” laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 8 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan\\_Kota\\_Bharu](http://ms.wikipedia.org/wiki/Jajahan_Kota_Bharu)

<sup>239</sup> Ismail Latif (Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran) Kelantan), “Penggunaan Moto Kota Bharu Bandaraya Islam 2005” (Pekeling Pentadbiran Islamiah, Bilangan 1, 2004)

Satu dari fungsi MPKB-BRI adalah menguatkuasakan undang-undang bagi menjamin kesejahteraan warga kota.<sup>240</sup> Justeru bagi Jajahan Kota Bahru, MPKB-BRI adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).<sup>241</sup> Menurut Akta 171, PBT diserahkan peranan dan tugas-tugas iaitu kuasa perancang tempatan, kuasa mengeluarkan lesen, kuasa mengenakan cukai-cukai tertentu, membina bangunan, perumahan dan unit-unit perdagangan seperti pasar, gerai-gerai dan sebagainya. Selain itu berkuasa untuk menjalankan fungsi merancang dan menguruskan kawasan bandar, mengurus dan mengawal lalu lintas (termasuk mengurus sistem pengangkutan awam bandaran) dan juga kuasa untuk merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam. Secara amnya, tugas dan peranan PBT ini boleh dikategorikan kepada alam sekitar, orang awam, sosial dan juga pembangunan.<sup>242</sup>

Berhubung dengan pelaksanaan kawalan penjualan arak, MPKB-BRI bertindak sebagai pihak pelaksana dasar, undang-undang dan juga peraturan yang ditetapkan. Walaupun pemberian lesen bagi penjualan arak secara borong dan runcit merupakan hasil persetujuan bersama Lembaga Pelesenan, tetapi pihak MPKB-BRI berkuasa dalam urusan pemberian lesen kepada premis restoran cina yang dibenarkan menghidang arak yang dipersetujui oleh Exco yang terbabit. Lesen yang dikeluarkan adalah bukan lesen arak tetapi lesen premis yang dibenarkan menjual arak. Bahkan bukan semua restoran cina dibenarkan menghidang atau menjual arak. Hanya restoran tertentu yang mendapat persetujuan mesyuarat exco setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sahaja.

<sup>240</sup> MPKB-BRI, “Fungsi MPKB,” laman sesawang *Portal Rasmi MPKB-BRI*, dicapai 8 Mac 2013, <http://www.mpkbbri.gov.my/function>.

<sup>241</sup> Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, “Senarai PBT mengikut negeri,” laman sesawang *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia*, dicapai 8 Mac 2013, <http://www2.epbt.gov.my/portal/?rid=senaraipbtnege&kod=3>.

<sup>242</sup> Wikipedia, “Tugas Kerajaan Tempatan di Malaysia” laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 8 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Kerajaan\\_tempatan\\_di\\_Malaysia](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kerajaan_tempatan_di_Malaysia).

Penguatkuasaan undang-undang kawalan penjualan arak ini berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak SUK. Maka MPKB merujuk kepada panduan yang telah diberikan bagi melaksanakannya. Peraturan yang ditetapkan bagi jualan jenis runcit dan borong serta premis yang menghidang arak boleh dirujuk pada bahagian lampiran A1 dan A2.

Pihak MPKB-BRI merupakan antara institusi yang utama dalam melaksanakan penguatkuasaan kawalan jualan arak khususnya di Kota Bharu di bawah penguasaan Majlis Perbandaran. Pelaksanaan kawalan ini juga tidak hanya tertumpu kepada penguatkuasaan undang-undang yang digunakan malah pihak MPKB juga turut memberikan penerangan mengenai pendekatan yang dijalankan demi menjaga keharmonian masyarakat pelbagai agama. Antaranya menganjurkan program kesedaran untuk orang bukan Islam yang menyentuh soal: (1) Islam agama keamanan (2) Islam menjaga kepentingan seluruh masyarakat (3) Pendekatan Islam terhadap penganut agama lain (4) Pandangan salah terhadap Islam (5) Asas-asas ajaran Islam untuk masyarakat (6) Kebebasan beragama dalam pentadbiran Islam (7) Sumbangan penganut agama lain dalam pembangunan.<sup>243</sup>

Setiap premis sama ada restoran, runcit mahupun borong akan dipantau bagi memastikan mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pantauan akan dilakukan berdasarkan kepada keperluan dan aduan. Jika dilakukan terlalu kerap maka ianya boleh menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan peniaga. Bagi premis yang beroperasi menjual arak tanpa lesen, operasi serbuhan yang akan dijalankan melibatkan pihak MPKB-BRI serta agensi yang berkaitan seperti yang diterangkan oleh informan:

---

<sup>243</sup>Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi “Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan”, *Malaysian Journal of Society and Space* 5, Isu. 3 (2009), 8-25

“keda-keda yang ado lesen pung kito gi tengok kalu tak dok kes ataupun aduan. Cumanyo tidak kerap kali la. Kalu kito raso puah hati kito lelah la. Sebak kalu kito gi sokmo pun demo ni maroh juga. Beso hok kito gi serbunyo hok jenis jua tak dok lesen. Pah dio jua ko oghe Isle. Biasonyo ramai jugok hok terlibak kalu ado operasi ni. Skalo polis, bahagie penguat kuasoe, JAHEIK, Imigresen. Ikut bide masing-masing la nok tengok kesalahe. Tapi saya jago bahagian lesen. Jadi kito cek dio tak dok leseng pah keluarke saman kemudie rampah arak. Skalo kalu nok wak operasi, sayo suko ajok anok buoh sayo gi buat awal. Selalunyo pete nok bawok ko maghrib. Sebab time tu tengoh ramai pah so lagi kito buleh sekak awal. Kito cegoh dulu supayo dok blarute sampa ko tengoh male. Bilo male dio ado wak karaoke, joget, oghe tino. Hok tu kito kalu buleh biar dok sempat”<sup>244</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud pantauan yang dilakukan oleh MPKB-BRI terhadap premis-premis yang berlesen tetap dilakukan sama ada mereka menerima aduan ataupun tidak. Tetapi pantauan tersebut tidak dilakukan secara kerap bagi mengelakkan rasa tidak selesa dalam kalangan pemilik premis. Bagi kes serbuan pula hanya melibatkan premis-premis yang beroperasi tanpa lesen. Serbuan tersebut dilakukan dalam operasi bersepada yang kebiasaanya melibatkan anggota-anggota penguatkuasa dari jabatan lain seperti pihak polis, Jabatan Agama dan Hal Ehwal Agama Islam dan Imigresen. Mereka bertindak atas bidang kuasa masing-masing bagi kesalahan yang berkaitan.

Informan yang mewakili Jabatan Pelesenan menyatakan bahawa beliau akan memeriksa lesen premis terabit terlebih dahulu. Jika tiada sebarang lesen maka arak akan dirampas. Kebiasaannya pihak informan memilih untuk memulakan operasi serbuan pada waktu lebih awal dari waktu kebiasaan serbuan bagi menyekat dan mencegah kesalahan tersebut lebih awal dan mengelakkan dari berlakunya masalah yang lebih rumit yang melibatkan hiburan termasuk karaoke dan tarian yang berlarutan hingga lewat malam.

---

<sup>244</sup> Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 19 Januari 2013.

### **3.3.4 Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan (Kota Bharu)**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia secara umum adalah merupakan agensi kerajaan yang menguruskan pentadbiran aktiviti percukaian. Pentadbiran Jabatan Kastam dan Eksais diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Gelaran Diraja merupakan anugerah daripada Yang Dipertuan Agung pada tahun 1963.<sup>245</sup>

Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Kelantan khusunya di Kota Bharu yang terlibat di dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak adalah di Bahagian Cukai Dalaman. Bagi pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini, Kastam merupakan badan penasihat<sup>246</sup> kepada Lembaga Pelesenan dan Eksais yang terlibat dalam membuat persetujuan bagi kebenaran lesen kerana semua barang yang dibawa masuk ke dalam negeri adalah di bawah kuasa Kastam. Sepertimana yang diterangkan oleh informan:

“Untuk penjualan arak dari segi kawalan lesen kita memang takdok, sebab kita takdo satu kilang pun yang memproses arak di Kelantan. Dan ini selaras dengan dasar kerajaan negeri yang tak mengeluarkan lesen untuk mengilang. Lesen dikeluarkan oleh lembaga pelesenan. Kita kastam hanya terlibat sebagai penasihat. Biasa kita buat tiada halangan kecuali jika ade beberapa masalah kepada kilang memproses arak tersebut baru kito tok benarke. Kito hanyo pado lesen runcit de borong ja. Dio dapak leseng dari Lembaga Pelesene lah. Tu pun leseng untuk jua aghok buke jua liquor. Dio bezo aghok denge liquor ni, aghok ni mace bir tempatan yang telah berbayar cukai yang dikeluarkan dari kilang di Malaysia. Di Kelantan ni kita tenang sikit. Sebab arak ni ado kaitan dengan lesen rumah awam dan lesen rumah bir. Kalu zame 60 an dulu ke banyak kelab-kelab malam. Tapi di Klate ni sebab kerajaan tok buwi mako tak dok la.”<sup>247</sup>

<sup>245</sup> Jabatan Kastam Diraja Malaysia, “Sejarah”, laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Kastam Diraja Malaysia*, dicapai 10 Mac 2013, <http://www.customs.gov.my/index.php/bm/hubungi-kami/direktori/direktori-ibu-pejabat>.

<sup>246</sup> Pihak Kastam dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga Pelesenan dan Eksais yang terdiri daripada pihak SUK, MPKB-BRI dan Pejabat Tanah dan Jajahan (mengikut jajahan yang dipohon). Pihak Lembaga Pelesenan dan Eksais berhak untuk mendengar atau tidak cadangan dan nasihat dari pihak Kastam. Pandangan dari pihak Kastam tetap diambil kira dalam membuat keputusan walaupun pihak Kastam bukan ahli Lembaga Pelesenan dan Eksais.

<sup>247</sup> Rohani Omar (Ketua Bahagian Cukai Dalaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012.

Petikan rakaman tersebut bermaksud di Negeri Kelantan tiada sebarang lesen pengilangan arak dikeluarkan maka dengan sebab itu tiada kawalan lesen dari sudut pengilangan arak. Hal yang demikian sejajar dengan dasar kerajaan negeri yang tidak mahu sebarang operasi kilang pemprosesan arak di Negeri Kelantan. Kuasa mengeluarkan lesen adalah di bawah Lembaga Pelesenan. Kastam hanya bertindak sebagai badan penasihat kepada Lembaga Pelesenan dalam membuat keputusan. Kebiasanya pihak Kastam akan memberi nasihat tiada halangan untuk mengeluarkan lesen bagi permohonan pembaharuan lesen.

Tetapi jika pihak Kastam mendapati terdapat sebarang masalah maka pihak Kastam akan menghalangnya. Kastam hanya berkuasa memantau pemilik premis menjual arak secara borong dan runcit sahaja dan bukan jualan liquor. Terdapat perbezaan antara arak dan liquor. Arak merujuk kepada bir tempatan yang dikeluarkan dari kilang di Malaysia. Situasi di Negeri Kelantan lebih tenang kerana arak tidak dijual di dalam premis yang berbentuk hiburan seperti pub dan kelab malam yang mana dahulu dikenali sebagai rumah awam dan rumah Bir yang ada peruntukan lesen padanya. Ini kerana Kerajaan Kelantan tidak membenarkan sebarang operasi dan tidak mengeluarkan lesen bagi kelab malam, pusat hiburan juga pub dan sebagainya.

Disamping itu juga, Kastam turut terlibat dalam operasi serbuan bersepadu bersama MPKB, Polis, Imigresan, JAHEIK dan beberapa agensi yang terbabit terhadap premis yang beroperasi tanpa lesen. Kastam mempunyai kuasa untuk merampas dan peraturan rampasan itu tertakluk di bawah akta Kastam. Sebagaimana yang dijelaskan oleh informan yang ditemubual :

“kito jugo dipanggil kalu ado wak operasi hok juu secaro hare. MPKB tepakso guno bawoh akta kaste untuk pecoh kedai. MPKB tak dok kuaso nok pecohke tu. Kuaso nyo padu kaste. MPKB hanya buleh rampas dan bagi kompaun stakat seribu, kito limo ribu.”<sup>248</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud pihak Kastam turut dipanggil jika terdapat sebarang operasi dilakukan terhadap premis yang tidak berlesen. MPKB-BRI terpaksa menggunakan undang-undang di bawah akta Kastam untuk memecahkan premis. Ini kerana MPKB-BRI hanya berkuasa merampas tetapi kuasa memecahkan kedai adalah di bawah kuasa Kastam. Kompaun yang dikenakan oleh pihak MPKB juga hanya pada kadar satu ribu ringgit sahaja berbanding dari pihak Kastam yang boleh mencecah hingga lima ribu ringgit.

Sebagai tambahan, hasil cukai yang diambil oleh Kerajaan Negeri hanyalah cukai lesen menjual arak bukan cukai arak dan Kastam pula hanya berkuasa mengutip cukai arak yang diimport kerana Kastam tertakluk kepada persekutuan. Penjelasan ini adalah berpandukan keterangan informan iaitu:

“kalu cukai aghok ni kerajoe negeri yang kutip bedasorke leseng melalui MPKB. Kastam dok kutip. Kalu hok import baru kastam kutip.”<sup>249</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud cukai lesen premis yang dibenarkan menjual arak dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui MPKB-BRI dan bukan dari pihak Kastam. Kastam hanya mengutip cukai bagi arak jenis import sahaja.

<sup>248</sup> Abdul Basir (Penolong Kanan Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012.

<sup>249</sup> Rahimah Husain (Penolong Kanan Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012.

### **3.3.5 Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan (Kota Bharu)**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang terlibat dalam soal keselamatan dan keamanan dari sebarang jenayah dan gangguan. Visi PDRM adalah ingin menjadi peneraju dalam menjadikan Malaysia negara yang selamat, aman dan sejahtera. Misi PDRM adalah ingin memberi perkhidmatan profesional dan berkualiti dalam melindungi negara dan menjamin persekitaran yang selamat bagi masyarakat.<sup>250</sup> Visi dan misi ini juga menjadi asas kepada semua kontinjen PDRM di seluruh negeri di Malaysia.

Bagi pelaksanaan kawalan penjualan arak, pihak Polis berperanan sebagai pihak yang menyokong atau membantah permohonan yang dibuat. Sokongan diberikan selepas melakukan siasatan terlebih dahulu dan kemudian diserahkan kepada MPKB-BRI untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Kenyataan ini dibuktikan melalui jawapan dari informan yang ditemubual menyatakan bahawa:

“Apabila kita terima surat dari MPKB , kita akan maklumkan kepada ketua polis balai berkenaan di mana tempat premis yang ingin jalankan perniagaan tu. Suruh dia siasat dari sudut kesesuaian. Selepas dari siasatan tu kita akan bagi surat sokongan. Tu je la. Yang lainnya kita serah kepada MPKB dalam menguruskan berkenaan. Biasanya, kebanyakkannya kita sokong permohonan tu”.<sup>251</sup>

Sekitar Kota Bharu, terdapat sembilan Ketua Polis Balai. Urusan siasatan bagi mendapatkan sokongan persetujuan pemberian lesen tersebut bergantung kepada kawasan yang memohon. Setiap kawasan yang dipohon adalah di bawah siasatan ketua polis balai yang berkenaan. Tetapi mutakhir ini, pihak polis tidak banyak menerima surat dari MPKB-BRI untuk sokongan bagi permohonan baru

---

<sup>250</sup> Polis Diraja Malaysia, “Info Korporat, Visi dan Misi”, laman sesawang PDRM, dicapai pada 14 Mei 2013, <http://www.rmp.gov.my/db2.cfm?path=about/about.cfm?mod=1>.

<sup>251</sup> Ahmad Zaki Ibrahim (Ketua Bahagian Pengurusan Daerah, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2013.

disebabkan dasar kerajaan negeri yang mengawal kadar jumlah lesen. Maka tidak banyak permohonan baru yang diterima.<sup>252</sup>

Siasatan yang dilakukan oleh pihak polis khususnya Ketua Polis Balai yang berkenaan mengambil kira dari sudut lokasi premis yang dipilih. Seperti kenyataan informan yang ditemubual iaitu :

“Biasanya permohonan yang diterima kebanyakannya di kawasan bandar iaitu sekitar Kota Bharu dan bukan di kampung-kampung. Kerana orang bukan Islam ramai di kawasan bandar. Kita biasa buat tiada halangan la. Tapi keputusan selanjutnya tu terserah pada MPKB la setelah masuk balik mesyuarat dia. Kita akan tengok dari segi lokasi yang terdapat ramai atau tidak penduduk bukan Islam dan juga lokasi tersebut terlalu terbuka atau tidak.”<sup>253</sup>

Selain dari berperanan sebagai pihak yang menyokong atau membantah, pihak polis terlibat dalam memastikan keselamatan pihak penguatkuasa sewaktu penguatkuasaan dijalankan misalnya di dalam serbuan atau operasi. Tetapi Polis tidak terlibat secara mutlak dalam penguatkuasaan operasi tersebut, hanya atas dasar memastikan keselamatan dikawal dan terjamin.<sup>254</sup>

---

<sup>252</sup> Ahmad Zaki Ibrahim (Ketua Bahagian Pengurusan Daerah, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2013.

<sup>253</sup> Abdul Hadi Ibrahim (Pembantu Tadbir Perlesenan, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2013.

<sup>254</sup> Ahmad Zaki Ibrahim (Ketua Bahagian Pengurusan Daerah, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2013.

### **3.3.6 Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**

Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB) merupakan sebuah badan organisasi kerajaan negeri yang terletak di bawah pentadbiran badan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Lokasi Jajahan Kota Bharu disempadani oleh Jajahan Pasir Mas di sebelah barat, Jajahan Tumpat di sebelah Utara, Jajahan Bachok di sebelah Timur dan Jajahan Machang di sebelah Selatan. Di bawah pentadbiran Jajahan Kota Bharu terdapat 14 buah daerah (Penggawa), 131 buah mukim (Penghulu) dan 601 buah kampung. 14 Daerah Penggawa iaitu Pendek, Kubang Kerian, Kemumin, Peringat, Badang, Panji, Banggu, Salor, Limbat, Ketereh, Kadok, Sering, Beta dan Kota.<sup>255</sup>

Keluasan Jajahan Kota Bharu meliputi kawasan seluas 409 kilometer persegi. Seluas 115 kilometer persegi meliputi kawasan MPKB-BRI dan seluas 158 kilometer persegi terletak dalam kawasan Majlis Daerah Ketereh – Perbandaran Islam yang dulu dikenali sebagai Majlis Daerah Kota Bharu. Misi organisasi ini adalah ingin memastikan pentadbiran dan perkhidmatan tanah dan jajahan yang berkesan ke arah mencapai pembangunan yang seimbang dari segi fizikal, sosio ekonomi dan rohani.<sup>256</sup>

Peranan PTJKB ini dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak adalah terlibat dalam menyokong atau tidak menyokong permohonan lesen premis yang dibenarkan menjual arak. Seperti kenyataan yang diberikan oleh informan yang ditembual seperti berikut:

---

<sup>255</sup> Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu “Profil, Latar Belakang” laman sesawang dicapai pada 14 Mei 2013,  
<http://ptjkb.kelantan.gov.my/>

<sup>256</sup> *Ibid.*

“dia peranan pejabat tanahnya sokong atau tidak sokong. Biasanya kalau kita sokong ni apabila tiada bantahan dari orang ramai dan keadaannya yang sesuai. Buat survey. Perbezaan sokongan dari Pejabat Tanah dengan institusi lain yang terlibat adalah dengan orang ramai. Tengok kepada complain orang ramai sesuai atau tidak nak buat. Biasanya memang disokong. Sebab kebanyakannya adalah premis yang sedia ada. Bukan yang baru. Complain dari orang ramai tu kita dapat dari orang kita sebab kita ada penggawa dan penghulu. Kemudian kita sampaikan la kepada pihak atasan. Tapi mostly di dalam bandar ja di kampung tak dok”.<sup>257</sup>

### 3.3.7 Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan

Jabatan Perangkaan Malaysia adalah agensi utama kerajaan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Fungsi utama jabatan ini adalah untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara. Berfungsi dalam mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain. Seterusnya menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau masyarakat.<sup>258</sup>

Jabatan ini mempunyai pejabat di setiap negeri iaitu Jabatan Perangkaan Negeri bagi memantapkan lagi kerja-kerja pengumpulan data. Justeru di Negeri Kelantan urusan perangkaan adalah di bawah Jabatan Perangkaan Negeri

<sup>257</sup>Saharudin Omar (Ketua Zon Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Pentadbiran, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

<sup>258</sup>Jabatan Perangkaan Malaysia, “Maklumat Korporat”, laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 10 Mac 2013, [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=99&Itemid=114%20C%203Dbm&lang=bn#b](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=99&Itemid=114%20C%203Dbm&lang=bn#b)

Kelantan. Bagi maklumat yang berkaitan dengan kajian ini, bahagian yang terlibat adalah Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi.<sup>259</sup>

Peranan Jabatan ini hanya melibatkan pemberian data statistik jumlah penduduk mengikut bangsa, agama dan sebagainya jika diperlukan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Unjuran yang dilakukan mengambil kira data dari jabatan imegresen dan juga jabatan pendaftaran yang berasaskan kemasukan, kelahiran dan juga kematian penduduk.

Bagi data yang lebih terperinci Jabatan Perangkaan Negeri akan merujuk kembali kepada Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya.<sup>260</sup>

---

<sup>259</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, “Direktori” laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 10 Mac 2013, [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_wrapper&view=wrapper&Itemid=112%3Flang%3Dbm&lang=bn](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_wrapper&view=wrapper&Itemid=112%3Flang%3Dbm&lang=bn)

<sup>260</sup> Nik Rohani Nik Yahya (Pegawai Khidmat Pelanggan, Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

### **3.4 KESIMPULAN**

Perbincangan pada bab tiga ini membincangkan berkenaan pengenalan arak secara umum bagi mengetahui maklumat tentang arak dalam dunia semasa hari ini. Status arak bagi pandangan Islam jelas menunjukkan haram dalam kepenggunaannya melalui dalil Al-Quran dan juga hadis. Tetapi hak orang bukan Islam dalam penggunaan arak tidak boleh dinafikan dan mesti dihormati kerana Islam menganjurkan sedemikian. Melalui bab ini juga, maklumat berkenaan peruntukan undang-undang terhadap arak dapat diketahui dalam konteks undang-undang di Malaysia bagi memahami isu ini dengan lebih jelas. Seterusnya isu arak ini dikupas dari perspektif pelaksanaannya di Negeri Kelantan melalui kawalan penjualannya. Ianya melibatkan beberapa institusi formal yang memainkan peranan masing-masing dalam pelaksanaan kawalan tersebut. Analisis dari peranan yang dimainkan oleh setiap institusi tersebut akan dilihat dari perspektif pelaksanaan metode dakwah yang akan diuraikan pada bab seterusnya.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS METODE DAKWAH KEPADA ORANG BUKAN ISLAM DALAM PELAKSANAAN KAWALAN PENJUALAN ARAK DI NEGERI KELANTAN**

#### **4.1 Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Dalam Kawalan Penjualan Arak**

##### **4.1.1 Metode Dakwah Kerajaan Negeri Kelantan**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui pentadbiran Menteri Besarnya dan dasar yang diperkenalkan mewakili sebagai satu institusi yang berperanan besar dan penting dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak tersebut. Peranan yang dimainkan mewakili Kerajaan Negeri Kelantan ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu melalui ketokohan Menteri Besarnya sendiri sebagai *dā'i* atau pendakwah. Ketokohan dakwah yang ada pada Menteri Besar Kelantan ini dilihat apabila beliau merupakan pelopor dan juga perintis kepada penguatkuasaan kawalan penjualan arak secara serius dan lebih tegas.<sup>261</sup> Aspek kedua adalah melalui dasar kerajaan yang diperkenalkan berasaskan prinsip dan nilai Islam.

Metode dakwah kepada orang bukan Islam yang dikenalpasti dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak melalui ketokohan Menteri Besar sebagai pendakwah adalah seperti berikut:

---

<sup>261</sup> Pada asasnya, arak merupakan barang yang tertakluk di bawah akta kawalan. Sebelum dari era pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar, arak sememangnya sudah dikawal di Negeri Kelantan. Sila Rujuk: Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutaran, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 15 April 2012.

Tetapi kawalan penjualan arak tersebut dikuakusakan secara serius serta mengandungi dasar dan garis panduan yang berorientasikan dasar pentadbiran Islam adalah di bawah pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar iaitu bermula pada tahun 1990. Cuma pelaksanaan secara rasmi iaitu selepas menilai beberapa keperluan maka kawalan tersebut bermula pada tahun 1993. Sila Rujuk: Mohd Arman Zulkifli (Penolong Setiausaha (Pengurusan), Bahagian Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

**1) Metode dakwah memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak orang bukan Islam, bersesuaian dengan keadaan sasaran dan menghilangkan salah tanggapan pada agama Islam.**

Pengkaji mengenalpasti bahawa Menteri Besar memahami orang cina sebagai orang bukan Islam yang perlu diraikan hak mereka dibawah pemerintahan orang Islam. Pencegahan arak kepada orang bukan Islam tidak dilakukan secara langsung dengan menghalang penjualan arak secara total dengan beralasan bahawa golongan majoriti adalah orang Islam. Tetapi melalui sekatan dan kawalan yang menjadikan orang bukan Islam tetap dibenarkan namun dalam keadaan yang terkawal. Ini menyempitkan ruang kemasukan arak dalam skala yang besar dan juga menghadkan aktiviti serta sumber arak yang mana melaluinya dapat mengawal moral orang bukan Islam. Sepertimana yang diterangkan oleh Menteri Besar sendiri:

“Berapo lesen kita beri tu ikut keadaan cina disitu la. Kapasiti penduduk ikut jumlah. Kito beri lesen hanya kepada oghe yang tidak Islam cina la kalau di sininya. Ikut kapasiti dio la. Dio tidak semuo cino minum arak belako. Kito tanyo oghe cino sendiri. Seribu oghe cino banyak mano aghok yang patut. Jadi banyak tu la kita beri lesen ko dio.”<sup>262</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud jumlah pemberian lesen bergantung kepada keadaan bangsa cina di sesuatu tempat. Kapasiti penduduk mengikut jumlah. Kerajaan Negeri Kelantan hanya memberi lesen kepada orang bukan Islam sahaja. Dalam konteks Negeri Kelantan orang cina bermaksud orang bukan Islam (kerana orang bukan Islam majoriti di Kelantan adalah dari bangsa Cina). Kadar pemberian pada jumlah yang wajar misalnya bagi seribu orang jumlah yang wajar akan dikeluarkan lesen.

---

<sup>262</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

Hal ini bersesuaian dengan keadaan masyarakat di Kelantan. Ini merupakan suatu kebijaksanaan dalam berdakwah dan sesuai dengan sasaran dakwah atau dikenali dengan hikmah.<sup>263</sup> Penduduk majoriti di Negeri Kelantan adalah terdiri dari orang Islam manakala orang bukan Islam adalah golongan minoriti.<sup>264</sup> Walaupun orang bukan Islam adalah minoriti, tetapi bukan semua orang bukan Islam di Kelantan terutamanya bangsa cina yang meminum arak.<sup>265</sup> Justeru lesen yang dikeluarkan bergantung kepada nisbah tertentu kepada pemminum sahaja mengikut keperluan.

Pelaksanaan kawalan penjualan arak dalam kalangan orang bukan Islam adalah suatu yang mudah diterima dan tidak menyusahkan. Kenyataan ini bersandarkan kepada hujah yang dikemukakan oleh Menteri Besar sendiri yang menggunakan Hadith “berlaku mudahlah dan jangan menyusahkan” dan dalil Al-Quran bahawa “Islam itu agama yang mudah”. Ianya seperti berikut:

“Ana memang tekankan ayat ini dalam urusan. “*Basshirū walā tunaffirū, yassirū walā tu ‘assirū*”. Yang ni sayo jago benar. *Al- Din yusran.*”<sup>266</sup>

Selain itu juga pandangan dari pemilik-pemilik premis menjual arak yang terdiri dari restoran mahupun runcit rata-rata berpandangan bahawa apa yang telah dilaksanakan oleh Menteri Besar diterima dan tidak menyusahkan dan tidak membebankan. Lapan orang dari sepuluh<sup>267</sup> orang yang ditemui berpandangan

<sup>263</sup> Badlihisham Mohd Nasir, *Da’wah and The Malaysian Islamic Movements* (Kajang: Synergymate Sdn.Bhd, 2003), 28 & 29.

<sup>264</sup> Nik Rohani Nik Yahya (Pegawai Khidmat Pelanggan, Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

<sup>265</sup> Kesemua informan yang ditemubual menyatakan bahawa bukan semua orang bukan Islam khususnya yang berbangsa cina (bangsa cina adalah golongan majoriti bagi populasi masyarakat bukan muslim di Kelantan) minum arak. Hanya sebahagian sahaja. Informan tersebut terdiri dari wakil-wakil kepada institusi yang terbabit dalam kawalan arak dan juga pemilik premis dari kalangan bangsa cina sendiri.

<sup>266</sup>Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

<sup>267</sup>Jumlah sebenar pemilik premis menurut senarai yang dibekalkan kepada pengkaji oleh MPKB-BRI adalah sebanyak 28 premis. Kuota sebenar berjumlah 48. Daripada 28 premis yang tercatat dalam senarai yang dibenarkan oleh MPKB-BRI bagi pengkaji menjalankan temubual, hanya sepuluh yang berjaya ditemubual dan memberi kerjasama. Ini kerana ada di kalangan mereka yang merasa curiga terhadap pengkaji kerana menganggap pengkaji adalah pegawai penguatkuasa MPKB-BRI. Sebahagian lagi adalah premis yang beroperasi pada waktu malam. Waktu malam mempunyai risiko yang lebih besar kerana pelanggan lebih ramai dan keadaan lebih sukar dikawal serta peniaga juga agak sibuk dan sukar untuk ditemubual. Atas faktor keselamatan tersebut, maka pengkaji hanya menemubual sepuluh pemilik premis di sekitar Kota Bharu. Selain itu, ungkapan secara terus dari perbualan temubual tidak di tulis dan pengkaji hanya membuat rumusan dari jawapan mereka kerana pengkaji telah mendapat mandat dan

bahawa undang-undang yang diperkenalkan melalui kawalan penjualan arak ini boleh diterima. Ada juga sebilangan mereka menambah kawalan ini bagus sebab membenarkan penjualan arak untuk tujuan minum sahaja tanpa membenarkan pub dan pusat-pusat hiburan yang menyebabkan pelbagai masalah lain. Dua orang dari mereka juga ada yang mempunyai lesen menjual arak tetapi tidak menjual arak di premis mereka kerana bimbang berlaku kekecohan akibat tindakan luar kawalan peminum yang mabuk sehingga boleh merosakkan harta benda premis.

## 2) Metode dakwah menerangkan sebab disebalik suruhan dan larangan

Ini dikenalpasti melalui kenyataan yang diberikan oleh Menteri Besar sendiri.

Beliau menyatakan bahawa :

“Peringkat awal kito kawal minum arak ni melalui lesen. Tidak terbuka. Kita oyak aghok ni buleh minum di kedai yang orang cina dan jangan benarkan budak melayu masuk minum. Kemudian kito oyak kemudaran aghok. Paru-paru rosak. Buah pingge punoh. Berbaloh laki bini. Rumoh tanggo punoh jahanam. Akhirnya oghe cino sedar. Jual arak ni maslahat oghe berniago ja. Buke maslahah kepada peminum.”<sup>268</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud pada peringkat awal kawalan arak dilaksanakan adalah melalui lesen. Seterusnya tatacara minum tidak boleh di tempat terbuka. Kemudian memberi amaran supaya tidak membenarkan orang Islam memasuki premis menjual arak dan meminum arak di situ. Seterusnya dengan menjelaskan keburukan arak dari sudut kesihatan yang mana merosakkan buah pinggang dan juga kehidupan iaitu menyebabkan perbalahan dalam rumah tangga. Sehingga akhirnya secara tidak langsung orang bukan Islam menyedari bahawa arak tersebut hanya membawa kebaikan kepada orang yang berniaga dan bukannya kepada peminum.

---

pesanannya dari mereka supaya tidak menulis secara terus keterangan mereka serta sewaktu temubual dijalankan rakaman audio tidak dibenarkan. Hanya catatan nota pengkaji sahaja.

<sup>268</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

### **3) Metode dakwah *tarhib* dan juga kekerasan**

Ini dibuktikan melalui kenyataan beliau yang mengancam pemilik premis bukan Islam yang dibenarkan menjual arak. Ancaman yang diberi adalah jika membenarkan orang Islam khususnya Melayu membeli atau memasuki premis tersebut atas tujuan berkaitan arak maka lesen akan ditarik balik. Kenyataan tersebut berpandukan kata-kata beliau seperti berikut:

“Dari segi kawalan arak, kita benar orang bukan Islam minum arak, tapi kita tidak benar terbuka. Syaratnya budak melayu, Islam tak boleh pergi minum, kalau pergi saya tarik lesen awak. Bagitau pada pelesen aghok jago molek jangan beri budak melayu Islam minum arak.”<sup>269</sup>

### **4) Metode kelembutan**

Walaubagaimanapun *uslūb* tetap ada dalam konteks pelaksanaan kawalan arak. Ini kerana istilah kawalan itu sendiri bermaksud tetap dibenarkan penjualan dan penggunaan arak tetapi tidak lagi secara bebas. Menteri Besar menyatakan arak dibenarkan tetapi tidak secara terbuka. Justeru menzahirkan *uslub* kelembutan dalam konteks tersebut kerana beliau masih membenarkan penjualan arak dan bukan menghalangnya secara langsung.

### **5) Metode *tadarruj***

Seterusnya uslub *tadarruj* (berperingkat-peringkat). Ini dibuktikan melalui catatan sejarah yang mana Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Kelantan pada tahun 1990, tetapi pelaksanaaan kawalan penjualan arak ini mula berkuatkuasa pada tahun 1993. Proses ke arah pelaksanaan kawalan ini bermula pada peringkat awal mesyuarat<sup>270</sup> yang dilaksanakan pada 8

<sup>269</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

<sup>270</sup> Mesyuarat tersebut merupakan hasil kertas kerja berkenaan kawalan penjualan arak yang diangkat kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang membincangkan tentang kawalan dan mencatatkan kronologi kawalan arak yang ingin dilaksanakan. Dari segi tarikh persidangan dan mesyuarat, bilangan mesyuarat dan juga pihak yang terlibat secara langsung dan catatan penuh kertas kerja tersebut tidak diizinkan untuk dicatat. Ini kerana maklumat tersebut merupakan maklumat sult dan amanah dari Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kepada pengkaji.

Disember 1992 yang membincangkan berkenaan pengurangan lesen premis yang menjual arak dikurangkan secara berperingkat-peringkat. Manakala pada tarikh 29 Mei 1993 pula adalah perbincangan mengenai dasar garis panduan. Pada 30 Jun 1993 pula merupakan tarikh terakhir penjualan arak secara bebas dan terbuka. Selepas dari tarikh tersebut tiada lagi pembaharuan lesen yang dibenarkan di Negeri Kelantan. Maka dengan secara rasminya kawalan penjualan arak dikuatkuasakan pada 1 Julai 1993.<sup>271</sup> Selain itu, ianya dapat dibuktikan melalui penjelasan Menteri Besar sendiri seperti petikan yang ditampilkan sebelum ini:

“Ana sebagai Menteri Besar memang ana jaga benar bab *tadarruj* ni. Sebab tu ada wartawan tanya, gapo dio hok sayo buat 23 tahun ni. Sayo jawab sayo buat benda hok mudah. Saya panggil pegawai kewangan kerajaan untuk tarik semua duit kerajaan dari bank bumi ke bank Islam. Oghe tok boleh kata apa. Akhir sekali bank-bank di Kelantan ni ubah dari sistem yang riba ni kepada dua kaunter. Kaunter Islam dan kaunter riba. Selepas tu berubah dari dua kaunter jadi satu ja. Dalam kawale arak ni, peringkat awal kita kawal minum arak ni melalui lesen. Tidak terbuka. Kito ghoyak arak ni boleh minum di kedai yang orang cina dan jangan benarkan budak melayu masuk minum. Kemudian kita oyak kemudaratan arak. Paru-paru rosak. Buah pinggang punah. Berbaloh laki bini. Rumah tangga punah jahanam. Akhirnya orang cina sedar. Jual arak ni maslahat orang berniaga je. Bukan maslahah kepada peminum.”<sup>272</sup>

## 6) Metode mencegah kemungkaran melalui undang-undang

Prinsip ini lebih ketara dan jelas berbanding prinsip mengajak kepada kebaikan dalam konteks mengawal penjualan arak. Ini kerana pada awal pelantikan beliau sebagai Menteri Besar iaitu pada tahun 1990, beliau menguruskan hal ehwal arak ini dengan mengawalnya melalui penguatkuasaan undang-undang dan bukanlah dengan menyeru masyarakat bukan Islam supaya mengurangkan pengambilan arak. Prinsip dakwah melalui mencegah kemungkaran lebih dominan dari mengajak

<sup>271</sup> Mohd Arman Zulkifli (Penolong Setiausaha (Pengurusan), Bahagian Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

<sup>272</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

kepada kebaikan kerana secara asasnya undang-undang merupakan suatu sempadan larangan yang lebih hampir kepada pencegahan.<sup>273</sup>

Pencegahan dalam konteks pelaksanaan ini adalah melalui kawalan penjualan arak ianya mencegah orang Islam dari terlibat secara berleluasa dengan ketagihan arak dan juga mencegah orang bukan Islam dari terlibat secara bebas dengan arak yang mana hakikatnya mendatangkan keburukan. Pada masa yang sama konsep pencegahan ini membawa mesej kepada orang bukan Islam bahawa perlunya menghormati hak orang Islam dan memahami bahawa agama Islam adalah agama yang bertoleransi kepada semua agama. Maka penguatkuasaan undang-undang lebih menzahirkan prinsip dakwah yang mencegah kemungkarann. Pernyataan ini disokong oleh kajian lepas yang berhujah bahawa menghadkan bilangan premis arak seperti yang dilaksanakan di Negeri Kelantan adalah menggunakan kaedah *Sadd al-Dharā'i'*<sup>274</sup> iaitu pencegahan awal. Walaupun ciri-ciri menjaga kemaslahatan turut terdapat melaluinya tetapi ianya lebih kepada bentuk sekatan.<sup>275</sup>

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, dapat dinyatakan bahawa dalam isu pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini, bahawa Menteri Besar menggunakan *wasīlah* undang-undang. Ini kerana dengan kuasa yang beliau miliki sebagai Menteri Besar, pandangan dan kata-kata beliau menjadi suatu arahan. Justeru arahan tersebut dimanifestasikan melalui undang-undang yang perlu dipatuhi oleh rakyat.<sup>276</sup> Selain itu, beliau juga sebagai Tuan Guru iaitu pendidik dan murabbi rakyat yang aktif dalam menyampaikan kuliah dan ceramah yang

<sup>273</sup> Ab Aziz Mohd Zin (Ketua Eksekutif, Kolej Islam Agama Sultan Petra, Nilam Puri, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

<sup>274</sup> Kalimah *Sadd* bermaksud menutup kerosakan. Manakala Kalimah *al- Dharā'i* pula kata *jama'* dari kalimah *dhari'ah* yang bermaksud wasilah atau penyebab.

Rujuk :Ibn Manzur, *Lisan al-arab* (Kaherah : Dar al-Hadis, 2003), 4: 530 & 3:501.

Dengan demikian, pengertian *dharā'i* adalah menyekat perantara-perantara kerosakan dengan melarang perbuatan yang dibolehkan kerana perkara tersebut akan sampai kepada yang dilarang.

Rujuk : <http://www.e-infad.my>.

<sup>275</sup> Mohd Ramizu Abdullah, "Dasar Pengurusan Bandar oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Dari Tahun 1990 Hingga 1998: Satu Tinjauan Dari Perspektif Metodologi Hukum," *Jurnal KIAS* (2009), 16.

<sup>276</sup> Undang-undang merupakan sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal atau dibuat oleh kerajaan dan mestilah dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan. Rujuk : Kamus Dewan, ed. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1768, entri "undang-undang".

menjadikan pendidikan itu sebagai medium dakwah beliau khususnya dalam konteks memberi penjelasan tentang pelaksanaan kawalan penjualan arak ini.

Temubual bersama pemilik premis juga turut menyokong pernyataan tersebut apabila ditanyakan bahawa bagaimana mereka tahu bahawa arak diharamkan kepada orang Islam dan orang bukan Islam dibenarkan menjual arak tetapi mesti menghormati hak orang Islam. Mereka menyatakan bahawa mendengar dari kuliah di Dataran Ilmu pada hari jumaat serta melalui ceramah-ceramah, syarahan agama sekitar bandar serta masyarakat melayu yang terdiri dari komuniti sekeliling serta rakan-rakan mereka lain selain daripada makluman secara terus dari pihak MPKB-BRI sendiri. Kesemua mereka yang ditemubual memberikan jawapan sedemikian.<sup>277</sup> Maka jelas metode dakwah kepada orang bukan Islam melalui *wasīlah* pendidikan telah digunakan oleh Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Kelantan amnya.

---

<sup>277</sup> Senarai nama informan tidak dibenarkan untuk dicatat di dalam kajian (Sepuluh orang pemilik premis yang berlesen menjual arak, premis sekitar Kota Bharu), dalam temubual dengan pengkaji, 16 Januari 2013.

Analisis seterusnya bagi mengenalpasti metode dakwah kepada orang bukan Islam melalui Kerajaan Negeri Kelantan adalah melihat kepada Dasar Kerajaan Negeri.

**1) Metode memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak mereka dan menghilangkan salah tanggapan pada agama Islam**

Dasar kerajaan negeri tetap membenarkan orang bukan Islam menggunakan arak dengan pelbagai tujuan selagi tidak mengganggu hak orang Islam dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan walaupun negeri diperintah oleh orang Islam. Ini menzahirkan suatu bentuk metode dakwah menghilangkan salah tanggapan orang bukan Islam pada agama Islam, memahami latar belakang agama, budaya dan cara hidup orang bukan Islam serta mengetahui hak orang bukan Islam yang perlu diraikan yang melibatkan keselamatan, maruah, kebebasan beragama dan cara hidup juga keadilan.

Hasil temubual bersama pemilik premis, lapan dari sepuluh orang informan menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan peraturan perniagaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Mereka berpandangan bahawa, dengan kawalan ini pusat hiburan dan karaoke juga tidak dibenarkan beroperasi yang mana sebenarnya pusat hiburan tersebut lebih banyak menimbulkan masalah sosial. Mereka juga berpandangan disebabkan mereka sudah lama menjadi rakyat Kelantan, maka tiada masalah dan sudah faham untuk menerima dasar tersebut. Manakala baki dua orang lagi dari jumlah informan menyatakan bahawa undang-undang yang sedia ada adalah terlalu mengawal hak orang bukan Islam di negeri

Kelantan. Jika dibandingkan di negeri lain tiada kawalan dan sekatan sedemikian rupa.<sup>278</sup>

Bagi respon kepada dua orang informan yang tidak berpuas hati dengan undang-undang yang diperuntukan Kerajaan Negeri sekarang, ianya boleh dinilai melalui kenyataan berikut:

“Dio skalo hok yang oyak tok puah hati tu biaso tokey mudo-mudo. Dia ado agenda lain. Biaso demo ni la hok ado buko cawange premis tak dok lesen. Dia ado kepentingan lain”<sup>279</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud kebiasaan pemilik premis yang memberikan pandangan tidak berpuas hati dengan undang-undang yang sedia ada adalah terdiri dari kalangan mereka yang lebih muda. Ini kerana golongan muda lebih banyak agenda untuk mencari keuntungan lebih dengan cara yang salah.

Menurut Pegawai tersebut kebiasaan pemilik premis dari golongan muda atau belia yang kurang setuju dan banyak bantahan terhadap undang-undang yang sedia ada. Berbanding dengan golongan lebih tua mereka sudah merasakan kesan buruk akibat sikap pelanggan yang mabuk dan menjajaskan harta kedai dan mereka juga tidak terlalu memikirkan soal keuntungan. Menurut pengalaman pengkaji sendiri dalam menemubual sebahagian pemilik premis tersebut, membuktikan ada kebenaranya kenyataan pegawai tersebut. Ini kerana dua orang responden yang tidak bersetuju dan berpuas hati tersebut adalah dari golongan yang lebih muda dari informan-informan yang lain.

---

<sup>278</sup>Senarai nama informan tidak dibenarkan untuk dicatat di dalam kajian (Sepuluh orang pemilik premis yang berlesen menjual arak, premis sekitar Kota Bharu), dalam temubual dengan pengkaji, 16 Januari 2013.

<sup>279</sup>Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Januari 2013.

## 2) Metode mencegah kemungkaran melalui undang-undang

Secara umum, dasar Kerajaan Negeri Kelantan adalah ‘Membangun Bersama Islam’ iaitu menjadikan Islam sebagai asas bagi segala sudut pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan negeri. Justeru, dalam konteks pelaksanaan kawalan penjualan arak, dasar ini dilihat turut memainkan peranan dakwah melalui metode dakwah dari aspek prinsip mencegah kemungkaran. Ini kerana dasar kerajaan negeri adalah sangat berkait rapat dengan wawasan Menteri Besar yang mencorakkan dasar tersebut. Maka sewajarnya ianya selari dan seiring. Justeru metode dakwah yang digunakan oleh Menteri Besar adalah juga metode dakwah yang sama digunakan pada dasar Kerajaan Negeri. Maka pencegahan kemungkaran tersebut dilaksanakan menerusi wasilah undang-undang.

Kerajaan Negeri melaksanakan undang-undang Islam<sup>280</sup> yang bersama undang-undang tersebut adalah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Pelaksanaan tersebut dianggap sebagai bertepatan dengan undang-undang Islam kerana prinsip asas yang terdapat dalam perundangan Islam adalah *al-tadarrij* (berperingkat-peringkat). Pembinaan hukum secara berperingkat kerana manusia memerlukan masa untuk melakukan perubahan. Seterusnya prinsip kedua adalah ‘*adamu al-Haraj* (tidak menyusahkan) iaitu tuntutan Islam mengambil kira batasan kemampuan manusia. Prinsip ketiga adalah *qillatu al-Taklif* (tidak menyukarkan) iaitu undang-undang Islam mengandungi unsur yang meringankan. Ini melihatkan perundangan Islam sesuai dengan fitrah manusia dan anjal bagi memberi kemudahan kepada pengamalnya.<sup>281</sup>

---

<sup>280</sup> Definisi undang-undang apabila dikaitkan dengan Islam, ianya membawa maksud ketentuan hukum yang telah dihasilkan melalui proses ijihad kemudian pemerintah memilih satu dari kepelbagaiannya hukum tersebut yang dirasakan sesuai dengan masyarakat untuk dijadikan undang-undang negara. Rujuk: Mohd Badrol Awang dan Mohd. Lotpi Mohd Yusob. “Penggubalan dan Pelaksanaan Undang-Undang Islam oleh Pemerintah: Satu Pandangan,” . *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 24, no.1. (2012), 112.

Keseluruhan sistem bagi undang-undang Islam adalah *syari’ah* iaitu merangkumi seluruh perintah Allah. Setiap perintah Allah digelar sebagai hukum. Istilah hampir bagi orang Islam adalah *fiqh* yang merupakan sebahagian dari nilai *syari’ah* dan bersumberkan *Al-Quran*, *Sunnah*, *ijma’* dan *qiyyas*. Rujuk: Ahmad Ibrahim, Shirle Gordon, ed., *Islamic Law in Malaysia*. (Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 1975), 1-2.

<sup>281</sup> Mohd Azam et al., *Perundangan dan Kenegaraan Islam* (Gombak: iBook Publication, 2006), 71-74.

Tambahan pula, merujuk kepada pandangan Ab Aziz Mohd Zin, Undang-undang boleh dijadikan salah satu saluran dakwah yang sangat memberi impak kepada agenda pembangunan masyarakat<sup>282</sup>. Disokong juga oleh Fadhl Ghani<sup>283</sup> yang menyatakan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan merupakan suatu dakwah yang dilaksanakan menggunakan medium undang-undang Islam.<sup>284</sup>

---

<sup>282</sup> Ab. Aziz Mohd Zin. *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 191-192.

<sup>283</sup> Beliau merupakan Pengarah Arkib Penyelidikan Pas Pusat.

<sup>284</sup> Fadhl Ghani (Pengarah Arkib Pusat Penyelidikan Pas Pusat, Pejabat Pas Pusat), dalam temubual dengan pengkaji, 20 Disember 2012.

#### **4.1.2 Metode Dakwah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bergerak dan bertindak berasaskan nilai teras UMI iaitu ‘*Ubūdiyyah, Mas’ūliyyah* dan juga *Itqan*<sup>285</sup> yang telah menzahirkan dasar pentadbiran Islam selaras dengan dasar Kerajaan Negeri ‘Membangun Bersama Islam’. Peranan institusi ini sebagai penghubung antara pihak kerajaan dan rakyat yang diwakili oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK/*Exco*) dapat dianalisis dari sudut pelaksanaan metode dakwah. Metode dakwah yang dianalisis dilihat dari segi peranan secara keseluruhan institusi ini melalui bidang kuasa *Exco* yang terlibat iaitu Datuk Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan sekaligus bertanggungjawab memantau MPKB-BRI. Metode dakwah yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

**1) Metode memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak mereka dan menghilangkan salah tanggapan kepada Islam**

Pihak SUK memahami dan menghormati hak orang cina bukan Islam di negeri Kelantan dengan tidak menafikan kehendak mereka terhadap arak tetapi dengan cara mengawalinya agar keseimbangan hak dapat diwujudkan antara orang Islam dan bukan Islam. Kawalan ini juga dianggap sebagai usaha dakwah yang dapat dilakukan kepada orang bukan Islam. Malahan sikap saling memahami dapat diwujudkan iaitu orang Islam memahami hak dan budaya orang bukan Islam dan sebaliknya orang bukan Islam juga memahami sensitiviti orang Islam dengan mematuhi kaedah dan panduan meminum arak. Pernyataan ini merujuk kepada petikan kenyataan berikut:

---

<sup>285</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan “SUK”, laman sesawang *Kerajaan Negeri Kelantan*, dicapai 17 Mei 2013, <http://www.kelantan.gov.my/v6/index.php?lang=my>.

“Hak dia tu untuk minum arak dijamin oleh Islam itu sendiri. Itu kena jelas. Arak dengan judi. Judi kita totally banned. Sebab dalam Islam judi ni tak baik untuk semua orang. Arak ni untuk orang bukan Islam dibolehkan. Islam membenarkan sebagaimana dia memakan daging babi. Kita bagitau la itu tidak baik. Tapi judi memang tidak boleh terus. Itu beza antara arak dan judi. Kita sebagai kerajaan yang berteraskan kepada Islam kita tidak menafikan hak orang bukan Islam untuk mereka ini minum arak. Mereka boleh minum arak. Itu kalau dalam kerajaan Islam betul pun itu memang hak dia. Tapi kita perlu mengawal supaya ianya tidak menjelaskan keharmonian orang lain. Misalnya dia mabuk ke di tempat-tempat orang Islam berada dan sebagainya dan menunjukkan contoh tauladan yang tidak baik. Itu yang kita buat di Kelantan ni. Itu adalah metode-metode dakwah kita la dan dengan itu kita difahamkan bahawa dengan dasar yang kita buat ini ramai orang yang bukan Islam yang dia lapor pada kita pada asalnya dia minum arak kemudian dia tinggal arak. Dia menghormati kita sebab kita hormat dia.”<sup>286</sup>

Disamping itu juga, pihak SUK memilih orang cina sendiri untuk menjadi wakil dalam menerangkan kaedah kawalan yang dilaksanakan melalui jawatan yang dilantik seperti penghulu. Ini kerana mereka lebih mudah menerima jika dari kalangan mereka sendiri yang memberi penerangan disamping faktor bahasa, cara dan budaya.

“orang-orang bukan Islam itu sendiri dilantik menduduki jawatan-jawatan dalam kerajaan misalnya Tok Penghulu. Ade Tok Penghulu Cina, India, Ahli Majlis pun ada Ahli Majlis cina. Jadi mereka ini menjadi seperti pengantaraan la antara kita yang buat dasar ni dengan orang-orang yang tu la. Lebih berkesan dia sendiri yang beritahu pada orang-orang dia. Kita yakin dgn dasar ini generasi baru, generasi muda yang lebih educated memahami dasar kita ni, kenapa kita kawal arak ni, arak ni haram disisi Islam, kerana dalam hadis ada sebut “*al nas ‘ala dinu mulukihim*”, manusia itu bergantung kepada pemerintah dia. Jadi kalau pemerintah ni bawa pendekatan Islam maka rakyat pun akan menerima la”<sup>287</sup>.

Selain itu ianya disokong oleh pernyataan penutup yang terkandung dalam Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan.<sup>288</sup>

<sup>286</sup> Datuk Takiyuddin Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

<sup>287</sup> *Ibid.*,

<sup>288</sup> Rujuk lampiran A1 pada bahagian penutup.

## **2) Metode menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan**

Penjelasan yang dilakukan bagi menerangkan sebab dasar ini dikuatkuasa bagi mengelakkan salah faham dan menjelaskan kefahaman kepada orang bukan Islam.

Ini dapat dikenalpasti melalui kenyataan *Exco* iaitu:

“Jadi pendidikan kita kerajaan negeri kepada orang bukan Islam, pertamanya sentiasa kita adakan penerangan-penerangan sama ada secara langsung atau tidak langsung mengenai bahayanya arak ini. Bahaya arak kemudian bahaya pengaruh arak itu kepada seseorang terhadap orang lain termasuk kepada keluarga dia sendiri. Itu sentiasa dibuat penerangan, penjelasan, dalam ucapan-ucapan dan sebagainya.”<sup>289</sup>

Penerangan sebab larangan mahupun suruhan berkaitan undang-undang pengawalan arak ini dijelaskan melalui pendidikan yang disediakan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Aspek penerangan menyentuh soal kesan dan keburukan arak yang menjelaskan individu, institusi kekeluargaan serta masyarakat dan keperluan untuk dikawal penjualan dan penggunaannya.

## **3) Metode kelembutan**

Metode dakwah menggunakan kelembutan dapat dilihat melalui kelonggaran dan hak yang diberikan kepada orang bukan Islam. Walaupun penjualan arak dikawal dan orang bukan Islam tidak dibenarkan minum arak di tempat terbuka, mereka dibenarkan meminum arak secara bebas di tempat khas yang disediakan dan dalam upacara khusus mereka. Ini terkandung dalam dasar yang telah dikuatkuasakan.<sup>290</sup>

---

<sup>289</sup> Datuk Takiyuddin Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

<sup>290</sup> Rujuk lampiran A1 pada perkara 3.3.

#### **4) Metode mencegah kemungkaran melalui undang-undang**

Ini berpandukan kepada peranannya yang terlibat dalam membuat dasar dan garis panduan, pemberian had kuota lesen dan membuat sebarang keputusan yang berkaitan. Peranan ini menonjolkan sifat kawalan dan pencegahan yang cenderung kepada prinsip dakwah mencegah kemungkaran. Tambahan pula model yang digunakan dalam melaksanakan kawalan penjualan arak ini berpandukan sirah yang mana pada zaman pemerintahan Sahabat Nabi S.A.W telah melaksanakan kawalan arak ini kepada orang bukan Islam. Seperti yang dinyatakan oleh *Exco*:

“Di Kelantan ni kita kaji dari sudut hukum, keduanya dari sudut sirah. Sejarah pemerintahan Islam sebelum ini pun pada zaman sahabat semua, dibenarkan arak. Tetapi dengan kaedah ini la. Kita mendidik diorang.”<sup>291</sup>

Bidang kuasa yang diberikan merupakan kesinambungan dari aspek pencegahan kerana pencegahan berkait rapat dengan undang-undang maupun peraturan. Ini dapat dikenalpasti melalui kenyataan *Exco* seperti berikut:

“kita mengawal penjualan lesen arak di Kelantan ini. Kalau dulu mana-mana orang, mana-mana restoran cina, restoran bukan cina, hotel-hotel adalah dibenarkan menjual arak. Bila tahun 1990, hotel totally kita tak benar jual dah. So, dia setengah orang ni sudah silap. Dia kata di Kelantan ni sudah bagus arak semua tak de. Diharamkan. Tak betul. Kita mengawal. Control dalam pengeluaran lesen. Itu kaedah yang kita buat la. Jadi di Kelantan ni kita ada 12 PBT. Majlis Perbandaran ade 1 jela. MPKB-BRI. Ada 11 lagi Majlis Daerah yang lain. Jadi ke semua 11 ni dia ada kuota dia untuk keluar lesen. Kalau hak sikit atau tak dok orang bukan Islam, tak dok la. Mungkin di Dabong ni memang tak dok langsung lesen. Sebab tak dok orang bukan Islam.”<sup>292</sup>

Petikan rakaman temubual ini mencatatkan tentang bidang kuasa SUK yang bertindak melalui undang-undang dalam mengawal penjualan arak. Undang-undang yang paling utama dalam pengawalan ini adalah dengan menghadkan pemberian lesen melalui sistem kuota kepada penjual arak sama ada dalam bentuk jualan

---

<sup>291</sup> Datuk Takiyuddin Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

<sup>292</sup> *Ibid.*,

runcit mahupun borong serta restoran yang menghidang arak. Keperluan pemberian lesen juga amat bergantung kepada keperluan dan bilangan orang bukan Islam di sesuatu kawasan.

Selain itu ianya dapat dilihat melalui kandungan syarat, dasar dan garis panduan mengenai penjualan arak yang menunjukkan ciri-ciri pencegahan melalui larangan. Contohnya menerusi kenyataan melalui Syarat-Syarat Bagi Lesen Jualan Borong Dan Runcit seperti berikut:

- (b) Penjualan ‘Liquor’ (minuman yang memabukkan) kepada seseorang di bawah umur 18 tahun adalah dilarang.<sup>293</sup>

Melalui syarat (b) bagi lesen jualan borong dan runcit tersebut menunjukkan prinsip mencegah kemungkaran sebagai metode dakwah yang diaplikasi. Ini kerana walaupun orang bukan Islam dibenarkan dalam penggunaan arak, tetapi remaja dari kalangan orang bukan Islam yang berumur di bawah 18 tahun juga turut dilarang atau dicegah dari membeli atau dijual arak kepada mereka. Ini dapat menghadkan jumlah peminum dan pengguna arak disamping mengawal remaja yang masih muda dari terlibat dengan arak walaupun mereka berhak meminum dan menggunakan jika dilihat dari aspek mereka sebagai orang bukan Islam.

Contoh lain juga dapat dilihat melalui Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan.<sup>294</sup>

Kesemua tatacara yang dicatatkan tersebut berbentuk larangan yang mencegah serta mengawal kadar penjualan dan etika penjualan arak bagi menyeimbangi hak setiap agama khususnya hak orang Islam dan bukan Islam.

---

<sup>293</sup> Rujuk lampiran A2 pada perkara b.

<sup>294</sup> Rujuk lampiran A1 pada perkara 3.3 dan 4.

#### **4.1.3 Metode Dakwah MPKB-BRI**

Peranan yang dimainkan oleh MPKB merangkap sebagai PBT dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak ini dilihat sangat penting dan utama kerana ianya merupakan badan pelaksana utama bagi menguatkuasakan dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melalui kuasa dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri khususnya menerusi *Exco*. Melalui peranan tersebut metode dakwah yang dikenalpasti adalah:

##### **1) Metode menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan**

Ini dapat dikenalpasti melalui kenyataan yang dikemukakan oleh pemilik premis yang ditemubual yang kesemua mereka menyatakan bahawa maklumat berkenaan status arak kepada orang Islam dan hak orang bukan Islam serta undang-undang yang ditetapkan adalah salah satunya diketahui melalui makluman dari MPKB-BRI yang memberi penjelasan.<sup>295</sup>

Selain itu juga pihak MPKB-BRI membuat soal selidik bagi pemohon yang membuat rayuan untuk membuka premis menjual arak. Rayuan dibuat kerana permohonan awal ditolak. Maka pihak MPKB-BRI akan mengadakan soal selidik bagi mendapatkan gambaran dan sebab mengapa permohonannya tidak diluluskan. Penjelasan yang cuba dicari melalui soal selidik tersebut menggambarkan suatu metode dakwah kepada orang bukan Islam supaya mereka merasakan dilayan secara adil.<sup>296</sup>

---

<sup>295</sup> Sepuluh orang pemilik premis yang berlesen menjual arak, premis sekitar Kota Bharu, dalam temubual dengan pengkaji, 16 Januari 2013.

<sup>296</sup> Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 2 Jun 2013.

## **2) Metode *Tarhib* dan kekerasan**

Metode ini dapat diteliti melalui dasar yang menjadi panduan penguatkuasaan yang dilakukan. Antaranya adalah:

“Bayaran hendaklah dibuat dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh surat ini. Jika gagal berbuat demikian kelulusan akan ditarik balik.”<sup>297</sup>

Contoh lain pula adalah sewaktu operasi serbuhan dijalankan kepada pemilik premis yang beroperasi tanpa lesen. Pemilik premis dilihat terlalu berlebihan dalam soal memujuk dan meminta kelonggaran sekaligus memaksa pihak MPKB-BRI meninggikan sedikit nada suara dan tegas dalam menyatakan pendirian bahawa perkara ini tidak boleh dibiarkan berlaku. Pada ketika itu pihak penguatkuasa sedang curiga dengan satu pintu yang terkunci yang mana bekalan arak disimpan di situ. Antara dialog tersebut adalah seperti berikut :

MPKB-BRI : Mano kuci pitu ni? Cubo buko kito nok tengok  
demo sipe arok ko dok ssini..

Pemilik Premis : Tak dok, kito xdok kuci, pitu tu hok kedai sebeloh

MPKB-BRI : Kalu mu tok sey buko pintu ni, kito ppecoh deh<sup>298</sup>

Bermaksud pihak MPKB-BRI memberi arahan supaya pemilik premis membuka kunci pintu di ruang belakang kedai. Tindak balas oleh pemilik premis pula adalah menafikan ruangan tersebut miliknya. Maka pihak MPKB-BRI memberi ugutan dengan ingin memecahkan pintu tersebut. Tetapi akhirnya pihak MPKB-BRI tidak memecahkan pintu tersebut dan itu merupakan suatu ugutan untuk melihat sejauh mana kebenaran keterangan pemilik premis tersebut.

---

<sup>297</sup> Syarat-Syarat Bagi Lesen Jualan Borong Dan Runcit, Perkara (e).

<sup>298</sup> Rakaman audio dan video dialog diantara pegawai penguatkuasa MPKB-BRI dengan pemilik premis yang beroperasi tanpa lesen kebenaran menjual arak, di dalam operasi bersepadu, pada 18 Januari 2013.

### **3) Metode mencegah kemungkaran menggunakan undang-undang**

Penguatkuasaan undang-undang dan juga peraturan yang dikenakan adalah bersifat sekatan dan larangan. Ini dapat dilihat melalui dasar garis panduan yang menjadi asas rujukan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak MPKB-BRI. Catatan daripada garis panduan dasar dan syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

“Kerajaan telah bersetuju mengadakan satu dasar dan garis panduan pengeluaran lesen untuk kedai menjual minuman keras dan minuman arak di tempat awam di Negeri Kelantan. Dasar dan garis panduan ini diharap dapat memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.”<sup>299</sup>

“Sebarang penjualan minuman keras tidak boleh dibuat selain dari di premis-premis yang dilesenkan sahaja dan hendaklah mematuhi semua syarat-syarat serta peruntukan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan.”<sup>300</sup>

“Peraturan ini juga akan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menggunakan dan menguatkuasakan peraturan khususnya dalam pengawalan penjualan dan meminum minuman keras di kawasan kawalannya. Ini juga diharapkan akan membantu membendung dan menghindari gejala-gejala maksiat keruntuhan akhlak serta moral terutamanya di kalangan remaja.”<sup>301</sup>

Selain dari fakta yang termaktub di dalam dasar dan peraturan yang ditetapkan, terdapat suatu lagi bukti yang boleh dikenalpasti bagi membuktikan MPKB-BRI menggunakan metode dakwah berdasarkan prinsip dakwah mencegah kemungkaran. Ianya berpandukan kepada kenyataan<sup>302</sup> oleh Encik Ahmad Nadzif Yaacob<sup>303</sup>

---

<sup>299</sup> Untuk rujukan penuh sila rujuk “Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan” pada Bab Tiga.

<sup>300</sup> Untuk rujukan penuh sila rujuk “Syarat-Syarat Bagi Lesen Jualan Borong Dan Runcit” pada Bab Tiga.

<sup>301</sup> Untuk rujukan penuh sila rujuk “Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan” pada Bab Tiga.

<sup>302</sup> Perkongsian pengalaman dari informant kepada pengkaji sewaktu pengkaji mengikuti operasi serbuan bersepadan yang dijalankan pada 18 Januari 2013, Jam 10 malam sehingga 3 pagi. Operasi tersebut melibatkan pihak MPKB-BRI, Imigresen, Jabatan Agama Islam dan Bahagian Penguatkuasaan.

<sup>303</sup> Penolong Pegawai Persekitaran, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI.

menyatakan bahawa jika operasi<sup>304</sup> dilakukan, pihak beliau lebih gemar menjalankan operasi lebih awal dari waktu kebiasaan.

Kebiasaan operasi bersepadu yang melibatkan beberapa pihak lain<sup>305</sup> dimulakan pada pukul 10 malam ke atas. Tetapi jika operasi itu hanya melibatkan operasi Bahagian Pelesenan sahaja, biasanya akan dilakukan pada lewat petang dan awal maghrib. Alasannya agar kesalahan bermula tanpa lesen dan karaoke serta hiburan bebas dapat dicegah seawal waktu dan tidak berlarutan sampai ke tengah malam yang akan melibatkan lebih ramai orang dan pelanggan.

Penilaian yang boleh pengkaji berikan bahawa, pegawai tersebut bukan sahaja mengikut aturan tugasannya semata-mata, bahkan mengambil inisiatif sendiri dalam mencegah perbuatan yang tidak baik tersebut. Metode dakwah itu dapat dilihat dari individu yang terlibat dalam MPKB-BRI itu sendiri serta sekaligus mewakili keseluruhan institusi MPKB-BRI yang berdiri di atas dasar yang telah ditetapkan.

Kenyataan tersebut seperti berikut:

“Skalo kalu nok wak operasi, sayo suko ajok anok buoh sayo gi buat awal. Selalunyo pete nok bawok ko maghrib. Sebab time tu tengoh ramai pah so lagi kito buleh sekak awal. Kito cegoh dulu supayo dok blarute sampa ko tengoh male. Bilo male dio ado wak karaoke, joget, oghe tino. Hok tu kito kalu buleh biar dok sempat”<sup>306</sup>

Petikan rakaman tersebut bermaksud kebiasaannya pihak informan gemar memulakan operasi serbuan pada waktu lebih awal dari waktu kebiasaan serbuan bagi menyekat dan mencegah kesalahan tersebut lebih awal dan mengelakkan dari berlakunya masalah yang lebih rumit yang melibatkan hiburan termasuk karaoke dan tarian yang berlarutan hingga lewat malam.

<sup>304</sup> Operasi serbuan bagi premis yang beroperasi tanpa lesen dan melanggar garis panduan yang ditetapkan.

<sup>305</sup> Bagi operasi bersepadu pihak lain yang terlibat adalah Pegawai Penguasa yang terdiri dari Pasukan Polis (bagi tujuan keselamatan), Jabatan Agama Islam (bagi tujuan pencegahan maksiat kepada orang Islam) serta Pihak Imigresen (bagi tujuan mengenalpasti status kependudukan warganegara) dan juga pihak Kastam (rampasan barang).

<sup>306</sup> Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 15 April 2012, 19 Januari 2013 dan 7 Mac 2013.

#### **4) Metode *tadarruj***

Kaedah ini dapat dikenalpasti dalam pantauan yang dilakukan terhadap premis yang berlesen bagi memastikan prosedur perniagaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Pantauan ini dilakukan dengan kadar yang sangat minimum bagi mengelakkan salah faham dan rasa tidak selesa kepada pemilik premis seperti seolahnya mereka tidak akur pada peraturan. Tambahan pula, bagi premis yang berlesen ini mereka kebanyakannya tidak melanggar peraturan. Sekiranya ada kesalahan yang dikenalpasti, tindakan tidak dilakukan serta merta. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

“kedai-kedai yang ada lesen pun kito gi tengok kalu tak dok kes ataupun aduan. Cumanyo tidak kerap kali la. Kalu kito raso puah hati kito lepah la. Sebak kalu kito gi sokmo pun demo ni marah juga”.<sup>307</sup>


Berdasarkan prosedur kerja juga terkandung uslub *tadarruj*. Ini dapat dilihat melalui rajah berikut:

---

<sup>307</sup> Ahmad Nadzif Yaacob (Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI) dalam temubual dengan pengkaji pada 15 April 2012, 19 Januari 2013 dan 7 Mac 2013.

Rajah 4.1 Carta Aliran Kerja : Pemeriksaan Lesen Premis<sup>308</sup>

### CARTA ALIRAN KERJA: PEMERIKSAAN LESEN PREMIS




Bagi operasi bersepadu iaitu serbuan kepada premis yang beroperasi yang tidak mempunyai lesen, uslub *tadarruj* juga digunakan walaupun bentuk tindakan adalah serbuan. Ini dapat diperhatikan melalui gambarajah berikut:

<sup>308</sup> Data bercetak diberikan oleh Ahmad Nadzif Yaacob, Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI.

Rajah 4.2 Carta Aliran Kerja : Operasi Bersepadu<sup>309</sup>

### CARTA ALIRAN KERJA : OPERASI BERSEPADU



<sup>309</sup> Data bercetak diberikan oleh Ahmad Nadzif Yaacob, Penolong Pegawai Persekutuan, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI.

## **5) Metode menjinakkan**

Pengkaji mendapati sewaktu operasi bersepadu dilakukan, hubungan di antara pihak MPKB-BRI dan pemilik premis seolah-olah seperti rakan karib yang sudah kenal erat. Pemilik premis tidak nampak kekok dan takut malah boleh memujuk pihak penguatkuasa agar memberi kelonggaran. Pihak MPKB-BRI juga berkomunikasi dengan baik dan tenang serta bertanyakan soalan dengan bersahaja seperti rakan kenalan yang baik. Pengkaji merasakan ada ruang di situ bagi uslub menjinakkan *mad'u* kerana kelihatan *mad'u* sememangnya sudah jinak dan mudah didekati.

Bagi menyokong uslub dakwah yang dikenalpasti tersebut, pandangan pemilik premis juga perlu diambil kira. Lima dari sepuluh orang informan<sup>310</sup> dalam kalangan pemilik premis yang ditemubual menyatakan bahawa setakat ini mereka berpuas hati dengan tindakan dan cara pihak MPKB-BRI menjalankan tugas. Manakala dua orang lagi informan menyatakan hanya sebahagian sahaja yang bertindak kasar. Bukan semua pegawai penguatkuasa bertindak sedemikian. Ada juga yang sangat baik dan berhemah. Mereka juga menyatakan bahawa jika lawatan itu melibatkan seorang atau dua orang pegawai mereka berasa lebih selesa daripada datang secara berkumpulan yang ramai. Ini kerana kelihatan seperti ‘gangster’<sup>311</sup> atau pengganas yang menyebabkan pelanggan juga takut untuk memasuki premis tersebut. Seorang lagi informan hanya menyatakan sederhana. Manakala seorang lagi menyatakan premisnya tidak lagi menerima lawatan dari pihak MPKB-BRI.

Manakala seorang informan mendakwa cara dan tindakan pihak MPKB-BRI membuat lawatan dan pantauan adalah kasar dan garang dan mereka tidak

---

<sup>310</sup> Penjelasan tentang bilangan informan dari kalangan pemilik premis (bangsa cina dan golongan orang bukan Islam) telah dijelaskan pada nota kaki pada halaman sebelum ini.

<sup>311</sup> Ahli atau anggota kumpulan penjenayah atau samseng. Rujuk : *Kamus Dewan*, ed.4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 458, entri “gangster”

mempunyai peluang untuk menjelaskan sebarang penjelasan. Seorang informan lagi memberitahu bahawa ada sebahagian orang Islam yang tidak faham dan memasuki premisnya untuk membeli arak. Apabila pihak MPKB-BRI mendapat tahu orang Islam masuk ke premisnya, maka dia yang dipersalahkan. Tetapi informan itu tidak menyalahkan MPKB-BRI sepenuhnya malah menyatakan bahawa orang Islam perlu sedar bahawa arak tidak boleh dijual kepada orang Islam.

#### **4.1.4 Metode Dakwah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan (Kota Bharu), Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kelantan (Kota Bharu) dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia bertindak sebagai badan penasihat bagi Lembaga Pelesenan dan Eksais. Manakala Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu merupakan anggota kepada Lembaga Pelesenan dan Eksais yang mana ketiga-tiganya merupakan institusi-institusi yang terlibat dalam menyokong atau menghalang sebarang permohonan lesen menjual arak. Secara umum bagi mengenalpasti metode dakwah kepada orang bukan Islam melalui peranan institusi-institusi tersebut dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak adalah tidak begitu zahir. Ini kerana peranannya hanya dari sudut memberi sokongan atau halangan sebelum keputusan dibincangkan bersama<sup>312</sup> bagi kelulusan lesen.

Tetapi setelah diperhalusi, walaupun peranan yang dimainkan tidak begitu besar tetapi ianya sangat signifikan dan penting kerana melibatkan had pemberian kuota lesen iaitu agenda utama dalam pengawalan penjualan arak. Justeru metode dakwah yang dapat dikenalpasti melalui peranan ketiga-tiga agensi tersebut adalah dari aspek uslub dakwah iaitu menerusi gaya menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan. Ini kerana sebelum pihak mereka mengeluarkan sokongan ataupun tidak, satu siasatan akan dijalankan terlebih dahulu.

Bagi agensi Kastam, sokongan atau bantahan yang diberikan adalah berdasarkan hasil siasatan terlebih dahulu. Siasatan tersebut bergantung kepada jenis permohonan iaitu terbahagi kepada permohonan baru (kali pertama) dan juga

---

<sup>312</sup> Perbincangan bersama di dalam Mesyuarat yang diadakan 6 bulan sekali. Ianya melibatkan agensi kerajaan iaitu anggota Lembaga Pelesenan dan Eksais (MPKB, Polis, Kastam, Pejabat Tanah (mewakili kawasan/daerah/jajahan yang dipohon) ) hadir bersama Pengerusi Persatuan Minuman Keras Negeri Kelantan (NGO) dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Pentadbiran.

permohonan pembaharuan lesen setiap enam bulan sekali. Metode siasatan menggunakan kaedah lawatan dan temubual. Di Negeri Kelantan selepas era pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, permohonan lesen baru telah dibekukan. Hanya mengekalkan premis yang sedia ada melalui pembaharuan lesen. Ini bersandarkan kenyataan berikut:

“Untuk di Negeri Kelantan, kita dah takde yang permohonan baru. Kerajaan Negeri dah stop. Dah beku. Kita dah tak terima permohonan baru. Yang ade hanya pembaharuan lesen sahaja. Sebab selepas Tok Guru ambil alih memang dah tak terima permohonan baru.”<sup>313</sup>

Lawatan yang diadakan oleh pihak Kastam akan menilai dari sudut kepatuhan premis dalam mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan. Sekiranya terdapat kesalahan yang dikenalpasti, maka pihak Kastam akan menyatakan bahawa permohonan tersebut tidak disokong. Tetapi kebiasaanya tiada halangan atas faktor disiplin terhadap syarat yang dikenakan.<sup>314</sup>

Bagi agensi Polis pula, siasatan yang dilakukan adalah bagi menilai dari aspek keselamatan dan kesesuaian tempat bagi kawasan yang terdapat premis yang menjual arak<sup>315</sup>. Pernyataan ini juga disokong oleh pihak Kastam yang menyatakan bahawa:

“Kalau polis dia akan tengok dari sudut keselamatan pulok. Mace tempat tu boleh mewujudkan banyak gengstar ko, hok yang jeaskan keselamatan la. Tapi kastam hanya tengok dari segi dia langgar dok peraturan hak diperuntukkan dalam Lembaga Pelesenan Eksais.”<sup>316</sup>

---

<sup>313</sup> Abdul Basir (Penolong Kanan Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji melalui talian telefon, 25 Jun 2013.

<sup>314</sup> Rohani Omar (Ketua Bahagian Cukai Dalaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji melalui talian telefon, 25 Jun 2013.

<sup>315</sup> Ahmad Zaki Ibrahim (Ketua Bahagian Pengurusan Daerah, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mac 2013.

<sup>316</sup> Rohani Omar (Ketua Bahagian Cukai Dalaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji melalui talian telefon, 25 Jun 2013.

Bagi agensi Pejabat Tanah dan Jajahan pula, siasatan yang dilakukan adalah melalui pemerhatian<sup>317</sup> bagi mendapatkan gambaran dan penjelasan dari sudut kesesuaian tempat dan pandangan dari masyarakat setempat sebelum dinilai untuk menyokong ataupun tidak permohonan yang dikemukakan bagi mendapatkan lesen menjual arak.

Justeru, siasatan yang dilakukan oleh agensi-agensi tersebut dapat dianalisiskan sebagai suatu usul menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan. Iaitu sebab untuk menyokong atau tidak permohonan lesen bergantung kepada hasil siasatan iaitu mendapatkan penjelasan bukti tentang permohonan yang dipohon sesuai atau tidak. Maka orang bukan Islam tidak boleh semudahnya menyalahkan institusi ini jika terdapat sebarang penolakan permohonan kerana institusi ini mencari penjelasan terlebih dahulu dan menerangkan sebab yang relevan sebelum membuat keputusan.

Sebagai tambahan, bagi agensi Kastam dan juga agensi Polis, kedua-duanya turut terlibat di dalam operasi bersepadu bersama pihak MPKB-BRI. Kastam berperanan dalam kuasa rampasan di luar premis. Misalnya ada pemilik premis yang beroperasi tanpa lesen dan mereka menyorokkan simpanan arak di dalam kereta. Justeru pihak Kastam berperanan bagi kes sedemikian kerana pihak MPKB-BRI tidak berhak merampas arak di luar kawasan premis.

---

<sup>317</sup> Survey yang dijalankan menggunakan kaedah tembusan secara tidak formal terhadap masyarakat setempat iaitu tempat permohonan lesen yang dikemukakan oleh pemilik premis. Biasanya tembusan dilakukan kepada wakil penduduk setempat iaitu penghulu dan penggawa. Laporan bagi survey tersebut tidak dicatatkan sebagai laporan bertulis kerana melibatkan permohonan dalam skala yang kecil. Sehingga kini tiada laporan bertulis disediakan hasil survey tersebut kerana jumlah yang sangat kecil. Pada masa yang sama pihak Lembaga Eksais khususnya melalui Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu memang ingin mengekalkan kuota yang sedia ada bagi lesen runcit dan borong dan cuba untuk mengurangkannya lagi pada masa akan datang bergantung kepada kesesuaian keadaan dan keperluan populasi masyarakat bukan Islam. Kenyataan tersebut dipetik dari:

Saharudin Omar (Ketua Zon Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Pentadbiran, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Kelantan), dalam tembusan dengan pengkaji melalui talian telefon, 17 Jun 2013.

Tambahan pula, kadar kompaun yang boleh dikeluarkan oleh pihak Kastam adalah lebih tinggi dari pihak MPKB-BRI. Pihak Polis pula berperanan dari sudut menjaga keselamatan anggota penguatkuasa yang terlibat dalam operasi bersepadu tersebut.<sup>318</sup> Oleh yang demikian metode dakwah yang kedua dapat dikenalpasti adalah dari mencegah menerusi undang-undang menerusi bidang kuasa masing-masing.

---

<sup>318</sup> Kenyataan tersebut disokong oleh kesemua informan yang ditemubual yang mewakili Institusi-Institusi yang terlibat iaitu Pihak MPKB-BRI, Polis, Kastam dan juga Pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.

#### **4.1.5 Metode Dakwah Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan**

Bagi Jabatan Perangkaan Negeri pula, peranannya dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak tidaklah sebesar institusi-institusi lain yang terlibat. Malah ianya juga tidak terlibat sebagai Lembaga Pelesenan yang menyokong atau membantah sebarang keputusan. Walaubagaimanapun peranan institusi ini dalam membekalkan maklumat dan laporan statistik<sup>319</sup> juga boleh dinilai sebagai sumbangan terhadap pelaksanaan metode dakwah.

Pengkaji melihat Jabatan Perangkaan sebagai institusi yang menyokong kelancaran dan kesempurnaan perjalanan pelaksanaan kawalan penjualan arak ini. Sokongan ini tidak boleh dianggap kecil malah ianya membantu kepada dasar membuat keputusan melalui kadar bilangan kuota secara lebih tepat dan relevan.

Maka metode dakwah kepada orang bukan Islam secara tepat agak sukar untuk dikenalpasti melalui institusi ini tetapi tidak dapat dinafikan bahawa institusi ini turut memainkan peranannya dalam membantu pelaksanaan metode dakwah kepada institusi lain khususnya Lembaga Pelesenan. Justeru, peranan yang disumbangkan tersebut bertepatan dengan sepotong ayat dari firman Allah S.W.T iaitu:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ ۝

Al-Maidah 5:2

Terjemahan: ..dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwah, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

---

<sup>319</sup>Nik Rohani Nik Yahya (Pegawai Khidmat Pelanggan, Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mac 2013.

## 4.2 RUMUSAN ANALISIS

Pengkaji telah mengenalpasti metode dakwah kepada orang bukan Islam melalui peranan yang disumbangkan melalui Institusi-Institusi formal di Negeri Kelantan dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak. Rumusan bagi metode dakwah yang merujuk kepada kerangka teori dapat difahami melalui jadual berikut:

Jadual 4.1 Analisis Metode Dakwah kepada Orang Bukan Islam Dalam Kawalan Arak

BIL	Institusi	Kerajaan Negeri Kelantan		SUK	MPKB-BRI	Kastam	PDRM	PTJKB	JPN
		MB (Da'i)	Dasar Kerajaan						
	<b>Metode Dakwah kepada orang bukan Islam</b>								
1	Memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup dan hak mereka	√	√	√					
2	Menghilangkan salah tanggapan orang bukan Islam pada agama Islam	√	√	√					
3	Menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan	√		√	√	√	√	√	
4	Berperingkat-peringkat ( <i>Tadarruj</i> )	√			√				
5	Menjinakkan				√				
6	Bersesuaian dengan keadaan sasaran	√							
7	<i>Tarhib</i>	√			√				
8	Kekerasan	√			√				
9	<i>Targhib</i>								
10	Kelembutan	√		√					
11	Mencegah menerusi undang-undang	√	√	√	√	√	√	√	

Berdasarkan jadual tersebut, secara keseluruhan, Negeri Kelantan yang diwakili oleh institusi-institusi yang terlibat dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak menggunakan metode dakwah mencegah kemungkaran melalui undang-undang. Ini kerana kawalan yang dilaksanakan berpaksikan kepada undang-undang yang telah ditetapkan dan perlu dipatuhi. Disamping itu juga metode dakwah menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan juga larangan diaplifikasi secara meluas oleh setiap institusi yang dipertanggungjawabkan.

Sesuatu yang menarik diperhatikan adalah kerajaan Negeri Kelantan memahami terlebih dahulu keadaan sasaran dakwah sebelum berdakwah. Ini kerana institusi utama seperti Kerajaan Negeri dan juga SUK yang terlibat dalam kawalan penjualan arak kepada orang bukan Islam ini mengaplikasi metode memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak orang bukan Islam yang perlu diraikan sekaligus menghilangkan salah tanggapan pada agama Islam. Metode ini sangat penting dalam berdakwah bagi memastikan usaha dakwah dapat diterima dan tidak mudah ditolak. Ini dibuktikan melalui akuan yang dibuat oleh Menteri Besar dan *Exco* bahawa terdapat segelintir orang bukan Islam menghubungi beliau secara peribadi bagi menyampaikan ucapan terima kasih diatas undang-undang kawalan yang telah diperkenalkan. Ini kerana suami mereka tidak lagi mabuk yang keterlaluan dan tidak lagi pulang ke rumah larut malam serta rumah tangga mereka menjadi lebih harmoni.<sup>320</sup>

Kerajaan Negeri Kelantan telah mengaplikasi sebahagian besar metode dakwah yang dikemukakan dalam pengawalan penjualan arak. Bagi badan pelaksana penting seperti MPKB-BRI, metode dakwah yang diaplifikasi menzahirkan metode yang lebih praktikal seperti berperingkat-peringkat, menjinakkan, *tarhib*, kekerasan serta kelembutan yang mana metode ini sangat bersesuaian dengan metode dakwah lapangan.

---

<sup>320</sup> Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim), dalam temubual dengan pengkaji, 15 April 2012.

Walaubagaimanapun, melalui hasil analisis yang dapat dikemukakan adalah Negeri Kelantan tidak mengaplikasi metode dakwah berbentuk *targhib* dalam semua peringkat institusi. Manakala wasilah yang digunakan dalam metode dakwah lebih tertumpu kepada medium undang-undang, sedikit menggunakan medium pendidikan dan amat kurang menggunakan peranan media dalam menerangkan pelaksanaan kawalan penjualan arak, hak kepenggunaan arak, arak dalam agama Islam, keburukan arak dan kesan kepada masyarakat majmuk atau sebagainya.

Walaupun tiada metode dakwah yang dikenalpasti melalui peranan JPN, tetapi JPN dilihat sebagai institusi yang menyokong pelaksanaan metode dakwah dalam usaha mengawal penjualan arak di Negeri Kelantan melalui cara membekalkan maklumat berkenaan statistik dan unjuran penduduk.

#### **4.3 KESIMPULAN**

Secara kesimpulan dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan melalui institusi-institusi yang terlibat telah mengaplikasi metode dakwah kepada orang bukan Islam. Secara sedar ataupun tidak sebenarnya Negeri Kelantan telah melakukan suatu usaha dakwah kepada orang bukan Islam melalui pelaksanaan kawalan penjualan arak menerusi kaedah yang berpandukan ajaran Islam.

Seperti yang dibincangkan dalam bab ketiga, bahawasanya antara institusi utama yang berperanan besar di dalam pelaksanaan ini adalah Kerajaan Negeri yang diwakili Menteri Besar dan juga dasar, pihak SUK dan juga pihak MPKB-BRI. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa institusi penyokong seperti pihak Kastam, Polis, Pejabat Tanah dan juga Jabatan Perangkaan Negeri juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Maka ada di antara analisis yang menunjukkan metode dakwah yang digunakan hanya melibatkan institusi utama sebenarnya telah mewakili metode dakwah Negeri Kelantan secara keseluruhannya.

Justeru, hasil analisis yang dikemukakan telah membuktikan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan mengaplikasikan metode dakwah kepada orang bukan Islam khususnya melalui pencegahan kemungkaran.

## **BAB LIMA**

## **PENUTUP**

### **5.1 KESIMPULAN**

Rumusan dari keseluruhan perbincangan mengenai tajuk kajian ini iaitu Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan: Kajian Dari Aspek Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam dapat dirangkul melalui objektif kajian sebagai pemandu asas kajian ini iaitu seperti berikut:

Perbincangan bagi menjawab objektif pertama iaitu untuk mengetahui metode dakwah kepada orang bukan Islam di Malaysia telah dibincangkan pada Bab Kedua. Secara asasnya Bab Kedua ini merupakan landasan teori. Hasilnya pengkaji berhasil mendapatkan teori yang membahaskan tentang metode dakwah kepada orang bukan Islam. Metode dakwah yang dibahaskan memberi fokus kepada pencegahan kemungkarannya disebabkan oleh kawalan penjualan arak tersebut lebih mengaplikasi metode mencegah kemungkarannya.

Secara asasnya mencegah kemungkarannya terbahagi kepada tiga kaedah iaitu melalui tangan, lisan dan juga hati. Pencegahan melalui tangan adalah bermaksud melalui pelaksanaan undang-undang yang memerlukan kepada kuasa pemerintahan. Justeru bagi melaksanakan dakwah mencegah kemungkarannya terdapat metode yang perlu dilaksanakan iaitu :

1. Memahami latar belakang agama, budaya, cara hidup serta hak mereka
2. Menghilangkan salah tanggapan pada agama Islam
3. Menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan
4. Berperingkat-peringkat (*Tadarruj*)
5. Menjinakkan
6. Bersesuaian dengan keadaan sasaran

7. *Targhib* dan *Tarhib*
8. Kelembutan dan Kekerasan
9. Mencegah menerusi undang-undang

Metode tersebut adalah metode yang boleh diaplikasi dalam dakwah kepada orang bukan Islam di Malaysia dalam mencegah kemungkar. Justeru objektif pertama dapat dicapai.

Perbincangan yang menjawab objektif kedua pula iaitu untuk mengenalpasti pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan pula terdapat pada Bab Ketiga. Bab Ketiga mempunyai tiga tajuk perbincangan utama. Pertama adalah mengenai pengenalan arak dari sudut definisi undang-undang dan juga syarak serta jenis arak dan situasi undang-undang hari ini berkaitan penjualan arak khususnya di Malaysia.

Keduanya adalah perbincangan mengenai latar belakang institusi-institusi yang terlibat dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak. Institusi tersebut merupakan agensi kerajaan yang mempunyai peranan dalam mengawal penjualan arak di Negeri Kelantan. Institusi-institusi tersebut terdiri daripada Kerajaan Negeri Kelantan iaitu melalui Menteri Besar dan Dasar Kerajaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, MPKB-BRI, PDRM Kelantan, Kastam Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan juga Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan.

Ketiga pula perbincangan mengenai peranan, bidang kuasa dan tugas institusi terbabit dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan. Pengkaji dapat merumuskan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini dilaksanakan melalui beberapa institusi-institusi formal dari agensi kerajaan yang mempunyai bidang tugas masing-masing iaitu dari pembuat

dasar, pembuat keputusan, pengumpul maklumat, pelaksana dasar sehingga kepada penyokong dasar.

Kawalan yang dilakukan adalah dengan menguatkuasakan undang-undang kawalan melalui dasar dan garis panduan yang dibina berlandaskan prinsip dan kaedah ajaran Islam. Kawalan yang utama adalah dari sudut pemberian lesen yang menggunakan sistem kuota. Kuota lesen dihadkan pada jumlah tertentu bergantung kepada populasi orang bukan Islam di sesuatu kawasan. Lesen juga tidak diberikan kepada semua jenis kedai tetapi hanya kedai restoran cina dan juga peruncit serta pemborong arak dalam kalangan orang bukan Islam sahaja. Bermakna kedai serbaneka 24 jam atau pasaraya juga tidak dibenarkan menjual arak walaupun dimiliki oleh orang bukan Islam. Kedai restoran cina yang dibenarkan juga hanya diberikan kepada yang memenuhi kriteria sahaja maka bukan semua restoran cina di Kelantan dibenarkan menjual arak.

Seterusnya kawalan dari sudut etika cara meminum arak yang tidak dibenarkan secara terbuka malah hanya di tempat tertentu dan ada limitasi waktu yang ditetapkan. Justeru dengan mengenalpasti bagaimana pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan maka objektif kedua bagi kajian ini berjaya dicapai.

Perbincangan yang menjawab objektif ketiga iaitu untuk menganalisis metode dakwah kepada orang bukan Islam dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini terdapat pada Bab Keempat yang merupakan analisis utama bagi kajian ini. Metode dakwah kepada orang bukan Islam yang dianalisis adalah melalui peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi yang terlibat dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan.

Rumusan yang dapat disimpulkan adalah pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan mengaplikasi metode dakwah kepada orang bukan Islam. Sebab pertama adalah kawalan penjualan arak ini memang memberi fokus utama kepada orang bukan Islam yang dibenarkan menjual, membeli, meminum dan menggunakan arak tetapi di bawah pengawalan yang ditetapkan melalui undang-undang. Sebab kedua pula adalah undang-undang tersebut dibina atas dasar Kerajaan Negeri yang menjadikan Islam sebagai asas rujukan iaitu di dalam undang-undang tersebut mengandungi nilai menghormati orang Islam dan meraikan hak orang bukan Islam. Maka apabila Islam dijadikan asas maka secara langsungnya metode dakwah dapat dikenalpasti kerana tugasannya berdiri atas tuntutan agama Islam.

Melalui kerangka teori, metode dakwah kepada orang bukan Islam terdapat sembilan aspek utama. Justeru analisis metode dakwah dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak ini juga dianalisis melalui sembilan aspek utama tersebut.

Oleh kerana institusi-institusi yang terlibat dalam kawalan tersebut merupakan sampel bagi mewakili Negeri Kelantan, maka rumusan yang dibuat dalam bahagian ini menggunakan perkataan Negeri Kelantan yang mewakili keseluruhan institusi-institusi terbabit.

Dengan yang demikian pengkaji menyimpulkan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan mengandungi aplikasi metode dakwah kepada orang bukan Islam dengan mencegah kemungkaran melalui undang-undang, menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan, memahami latar belakang agama, budaya dan cara hidup orang bukan Islam, menghilangkan salah tanggapan orang bukan Islam pada agama Islam, *tarhib*, kekerasan, kelembutan dan juga *tadarruj*, mengetahui hak orang bukan Islam yang perlu

diraikan yang melibatkan keselamatan, maruah, kebebasan beragama dan cara hidup juga keadilan.

Melalui penemuan metode dakwah kepada orang bukan Islam dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan ini membuktikan bahawa objektif ketiga kajian ini berjaya dicapai.

Pengkaji berpandangan bahawa pelaksanaan kawalan penjualan arak yang telah dilaksanakan di Negeri Kelantan ini adalah sangat baik. Disebabkan prinsip asasnya adalah berlandaskan syariah Islam, maka dengan sebab itu pengkaji boleh menganalisis usaha kawalan ini sebagai satu bentuk dakwah kepada orang bukan Islam. Dalam konteks Negeri Kelantan, kaedah yang digunakan adalah bersesuaian dengan keadaan masyarakat dan suasana negeri tersebut. Tetapi bagi proses penambahan perlu kepada penggunaan media yang lebih meluas serta perbaahan bagi menjelaskan lagi mengapa undang-undang sedemikian diaplikasi.

Negeri Kelantan menggunakan kaedah mencegah kemungkaran melalui undang-undang dan ianya bersesuaian dengan keadaan negeri tersebut. Pertama, orang bukan Islam di Negeri Kelantan hanya pada jumlah yang kecil. Keduanya suasana cinta ilmu lebih menonjol di Kelantan kerana masyarakatnya suka mendengar kuliah, ceramah dan sebarang aktiviti keagamaan sehingga orang bukan Islam turut sama boleh mendengar dan memahami. Ketiga, hubungan antara orang Islam dan orang bukan Islam adalah pada kadar yang baik kerana sebahagian besar informan orang bukan Islam yang telah ditemui oleh pengkaji menyatakan bahawa banyak maklumat tentang arak yang mereka ketahui adalah dari rakan-rakan mereka yang beragama Islam.

Bagi negeri lain yang ingin mengaplikasi kawalan penjualan arak ini, kaedah yang tepat dan sesuai perlu dirangka dengan begitu teliti mengikut keadaan masyarakat dan suasana. Negeri lain tidak boleh mengikuti secara

langsung kaedah yang dibuat di Negeri Kelantan malah perlu menilai kesesuaian dari sudut populasi masyarakat bukan Islam, suasana pemahaman agama, hubungan antara agama dan sebagainya.

## 5.2 CADANGAN

5.2.1 Kajian ini telah menjalankan penyelidikan berkenaan metode dakwah yang memfokuskan metode mencegah kemungkaran. Justeru pengkaji mencadangkan agar pengkajian seterusnya menumpukan kepada aspek keberkesanannya pelaksanaan metode dakwah tersebut dalam konteks pelaksanaan kawalan penjualan arak dalam kalangan orang bukan Islam supaya ianya dapat menjadi panduan kepada negeri-negeri lain untuk turut mengaplikasikan kaedah pengawalan penjualan arak di negeri masing-masing. Selain itu menggunakan metodologi kajian yang berbeza dari kajian ini sama ada berbentuk kuantitatif atau campuran agar data tersebut lebih menampilkkan pelbagai sudut pandang.

5.2.2 Pengkajian akan datang juga dicadangkan supaya membuat kajian perbandingan. Perbandingan di antara metode dakwah dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak di beberapa negeri yang penduduk dalam kalangan bukan Islam adalah minoriti misalnya di Terengganu, Kedah dan beberapa negeri lain yang dirasakan sesuai. Selain itu pengkaji juga turut menyarankan agar kajian ini diperluaskan kepada aspek strategi dakwah dalam pentadbiran Islam dan juga psikologi dakwah kepada orang bukan Islam dalam isu berhubung kepenggunaan arak.

5.2.3 Kebanyakan data lapangan yang diperolehi dari agensi kerajaan di Negeri Kelantan melalui metode temubual dan tidak dapat disokong dengan data bertulis. Tidak dinafikan sebahagian besar maklumat bertulis adalah dibawah akta rahsia. Walaubagaimanapun dari sudut laporan dan perincian maklumat agak kurang dan sukar didapati kerana rekod tidak dijumpai. Justeru pengkaji mencadangkan agar pihak MPKB-BRI khususnya Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan agar memperkemaskan sistem pemfailan dan juga dokumentasi bagi memudahkan rujukan dan sumber bahan bertulis dan hitam putih agar pengurusan maklumat lebih efektif dan produktif supaya ketepatan sesuatu maklumat dapat disokong dan mempunyai sandaran yang sah.

5.2.4 Pengkaji menyarankan agar pihak MPKB-BRI turut merasakan keperluan untuk melaksanakan dakwah dalam setiap gerak kerja samaada lawatan, operasi, amaran dan sebagainya kerana dakwah adalah tugas setiap individu muslim. Contohnya menyelitkan unsur nasihat dan menyampaikan sebarang mesej Islam dalam setiap tindakan dan muamalah kepada orang bukan Islam. Selain itu mengadakan program perjumpaan terbuka secara berkala dan lebih kerap bersama orang bukan Islam bagi menerangkan konsep arak dalam Islam, sebab-sebab arak dilarang dalam Islam dan kenapa arak dikawal dalam pentadbiran negeri. Disamping menyampaikan mesej dakwah, pihak MPKB-BRI sekaligus mendapat maklum balas terhadap pandangan orang bukan Islam berkenaan undang-undang yang telah dijalankan.

5.2.5 Saranan juga buat pihak SUK Negeri Kelantan dan Pihak MPKB-BRI yang merupakan dua agensi utama dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak ini agar menggunakan medium dakwah melalui media sebagai salah satu *wasāīl*

dakwah. Penggunaan media lebih membantu dalam menyampaikan mesej kepada orang bukan Islam tentang kelebihan perundangan dan pentadbiran Islam, hak orang bukan Islam, hak orang Islam dan sebagainya. Ianya boleh disebarluaskan menerusi percetakan risalah, iklan di papan tanda sekitar bandar atau video ringkas pada skrin utama di sekitar Kota Bharu. Peranan ini juga turut boleh dimainkan oleh pihak Jabatan Agama Islam sebagai suatu bentuk usaha dakwah kepada orang bukan Islam. Pengkaji melihat walaupun kebanyakan orang bukan Islam di Kelantan menerima dasar pentadbiran Islam yang dilaksanakan, tetapi kefahaman yang lebih mendalam tentang matlamat tersebut perlu diperjelaskan dengan lebih giat dan mendalam supaya mereka bukan sekadar menerima tetapi juga memahami sekaligus akan terpikat dengan keindahan konsep pengurusan kehidupan bernegara dalam Islam.

5.2.6 Sewaktu kajian ini dilakukan, pengkaji telah menerima kerjasama yang baik dari institusi-institusi yang terlibat dalam kawalan penjualan arak. Data yang dikongsikan amat membantu sama ada data bertulis, bercetak, temubual mahupun lapangan melalui serbuan dan operasi. Justeru pengkaji menyarankan agar agensi-agensi kerajaan dan juga mana-mana organisasi yang lain di seluruh Malaysia agar mencontohi kebanyakan dari agensi pejabat kerajaan di Negeri Kelantan yang mengamalkan dasar terbuka dan kerjasama kepada pengkajian ilmiah seperti ini disamping tidak dihalangi dengan kerentan birokrasi dalam mendapatkan maklumat.